



[Sidang Dewan pada 25 Ogos 2024 - Hari Pertama Persidangan]

YB. TUAN SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha Dewan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Kertas-Kertas Dewan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Dengan hormatnya dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk membentangkannya.

I. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN OLEH YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR KEDAH DARUL AMAN.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya pohon membentangkan Kertas-Kertas Dewan yang berikut seperti di meja Ahli-Ahli Yang Berhormat:-

1. Kertas Dewan Bil. 6 Tahun 2024

**Laporan Tahunan Perbadanan
Kemajuan Negeri Kedah [PKNK]
Tahun 2021.**



- | | |
|---|---|
| 2. Kertas Dewan Bil. 7 Tahun 2024 | Penyata Kewangan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022. |
| 3. Kertas Dewan Bil. 8 Tahun 2024 | Penyata Kewangan Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022. |
| 4. Kertas Dewan Bil. 9 Tahun 2024 | Penyata Kewangan Yayasan Islam Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022. |
| 5. Kertas Dewan Bil. 10 Tahun 2024 | Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2022. |
| 6. Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2024 | Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Di atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008-2021, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan Agensi Negeri Kedah Siri 1,2 & 3. |
| 7. Kertas Dewan Bil. 12 Tahun 2024 | Anggaran Perbelanjaan Negeri Tambahan No. 1 Tahun 2024. |

Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya memaklumkan bahawa Negeri Kedah turut mengambil bahagian dalam temasya Sukan SUKMA Yang Ke 21 di Sarawak dan telah melabuhkan tirainya pada 24 haribulan 8 tahun 2024 semalam. Oleh yang demikian, kontijen Kedah telah pun menghantar seramai 383 orang atlet dan telah memperolehi 21 pingat emas, 19 pingat perak dan 29 pingat gangsa. Negeri Kedah telah berada pada kedudukan ke 10 teratas dan saya mewakili Dewan yang mulia ini, ingin mengucapkan tahniah kepada semua atlet – atlet Majlis Sukan Negeri Kedah, Yang Berhormat Alor Mengkudu dan semua pegawai diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Mohd Fauzi Bin Mustapha, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) selaku Ketua Kontijen SUKMA Negeri Kedah 2024.



Selain itu Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini Dewan Undangan Negeri Kedah telah menerima kunjungan sebagai pemerhati daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC). Kedua, Majlis Ikatan Mahasiswa Darul Aman (MINDA) dan ketiga daripada pasukan peguam daripada Lajnah Undang-undang dan Hak Asasi Manusia Negeri Kedah (LUHAM). Selamat datang saya ucapkan.

Sebelum memulakan Mesyuarat Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-15 ini, saya ingin mengajak semua Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian untuk sedekahkan Al-Fatihah kepada bonda Yang Amat Berhormat Adun Jeneri, Dato' Seri Menteri Besar Kedah yang telah kembali ke rahmatullah baru baru ini. Al-Fatihah.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ①
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ② الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ③
مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ④ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ
أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ⑥ صِرَاطَ الَّذِينَ
أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ⑦

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Mulut.

II. SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB. ADUN Ayer Hitam.

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Mohon jawapan untuk soalan nombor 1.



**1. YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]**

Gagasan The Greater Kedah memerlukan perancangan dan tindakan yang tersusun dan bersungguh. Adakah pihak kerajaan mempunyai perancangan jangka masa panjang yang lebih menyeluruh dan berfokus selain daripada Pelan Kedah 2035? Jika ada sila nyatakan.

YB. TUAN SPEAKER

YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, bagi soalan nombor 1 tentang The Greater Kedah, rancangan yang lebih berfokus dan menyeluruh daripada pelan Kedah 2035. The Greater Kedah adalah sebuah gagasan besar negeri untuk tempoh jangka panjang melibatkan keseluruhan aspek-aspek berkepentingan negeri. Perkara ini melibatkan usaha pemerkasaan dalam aspek ekonomi, sosial, hasil bumi, fiskal negeri, tadbir urus, perundangan, kehakiman negeri serta kerjasama strategik dan perancangan geopolitik. Bagi menggarap segala agenda dalam aspek disebutkan dengan lebih tersusun, Kerajaan Negeri telah bersetuju menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Pelaksana dan Sekretariat The Greater Kedah untuk meneliti perkara ini. Dalam tempoh masa ini, jawatankuasa terlibat sedang dalam tindakan menyediakan 'blueprint' The Greater Kedah. Status semasa penyediaan blueprint adalah telah siap deraf pertama. Jawatankuasa kini sedang dalam proses menilai dan memuktamadkan isi kandungan blueprint dan dijangka akan dilancarkan pada hujung bulan September 2024. Pelan perancangan sedia ada seperti Pelan Pembangunan Kedah 2035 (KEDAH2035), Pelan Strategik Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri 2024 - 2028 serta perancangan lain seperti Rancangan Struktur Negeri (RSN) akan diteruskan dengan penambahbaikan dan akan bertindak sebagai 'vehicle' pelaksanaan Blueprint The Greater Kedah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan YB.!



YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YAB. Menteri Besar di atas penjelasan yang diberikan. Saya nampak kita akan gunakan seluruh aset serta kekuatan kita untuk memastikan bahawa The Greater Kedah ini akan mencapai kejayaan lah. Di samping itu kita rasa kita terkait juga kerjasama dengan Kerajaan Pusat. Sejauh manakah kita mengambil kira hal ini dan sejauh manakah jika ada halangan-halangan serta sejauh manakah kita dapat mengatasi halangan sebelum kita sendiri InsyaAllah sebelum kita menjadi Kerajaan Pusat pada 2028 nanti?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Amat Berhormat.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam jangkaan kita, di Kedah ini kita jangka tidak akan ada halangan daripada Kerajaan Persekutuan kerana masing-masing memahami bidang kuasa, fungsi dan tanggungjawab masing-masing. Dalam hal untuk melaksanakan rancangan kita untuk menjadi negeri yang lebih baik, negeri yang lebih hebat pada masa depan, kita sentiasa berlapang dada, membuka tangan seluas-luasnya untuk menjalin kerjasama, usaha sama dengan Kerajaan Pusat dan mana-mana kerajaan yang ada di dunia ini untuk memastikan laluan kita untuk mencapai The Greater Kedah akan lebih mudah dan diberi laluan yang tidak sukar untuk dicapai.

Saya harap perkara ini dapat diselami juga oleh agensi dan Jabatan Persekutuan di Kedah ini dan agensi dan Jabatan Negeri. Bila siap 'blueprint' dan dibentangkan pada hujung September nanti ia akan menjadi dokumen utama untuk menjadi pandu arah kepada semua pihak untuk pastikan negeri ini akan muncul sebagai negeri yang lebih baik sepertimana negeri-negeri lain di Lembah Klang dijalankan The Greater Lembah Kelang. Negeri jiran kita telah lama melaksanakan Plan The Greater Penang. Tetapi tidak diuar-uarkan kerana semua pelan The Greater negeri-negeri itu melibatkan feeder-feeder yang melibatkan negeri lain. Ini tentu perkara yang sensitif. Kita di Kedah ini melancarkan The Greater Kedah walaupun hasrat kita ialah kita perlu juga kerjasama daripada Persekutuan dan negeri-negeri lain. Tapi kita tidaklah menyentuh kepentingan yang sensitif. Kita hanya menyentuh hal-hal yang bertanggungjawab, hal-hal yang berkaitan dengan tanggungjawab kita, fungsi kita, peranan kita dan sumber yang kita ada untuk menimbulkan, membangkitkan kekuatan yang kita perlukan untuk muncul sebagai The Greater Kedah pada masa akan datang. Terima kasih.



YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Kota Darul Aman, silakan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Apakah indikator ataupun pengukuran utama yang digunakan untuk memantau dan menilai keberkesanan perancangan The Greater Kedah untuk jangka pendek dan jangka panjang dan untuk tempoh satu tahun yang sebelum ini? Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Saya harap Kota Darul Aman hadir pada 28 September nanti untuk kita lancarkan Pelan Blueprint The Greater Kedah dan saya akan perincikan jawapan itu untuk Kota Darul Aman. Terima kasih. Hadir tau. Hadir ya, jangan tak hadir pulak.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ada lagi? Kalau tak ada lagi kita teruskan ke soalan nombor 2. Dipersilakan Yang Berhormat Sidam.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya mohon jawapan kepada soalan nombor 2. Terima kasih

**2. YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK
[ADUN SIDAM]**

Adakah kerajaan bercadang melonggarkan syarat-syarat permohonan lesen perniagaan dan membuka kawasan baru bagi menggalakkan peniaga kecil-kecilan serta memastikan peniaga itu adalah penduduk kawasan itu juga?



YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat EXCO.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sidam. Soalan Sidamberbunyi begini. Macam soalan tahun lepas saja, sama. Bukan? Adakah kerajaan bercadang melonggarkan syarat permohonan lesen perniagaan dan membuka kawasan baru bagi menggalakkan peniaga – peniaga kecil – kecilan serta memastikan peniaga itu adalah penduduk kawasan itu juga? Syaratnya mudah saja untuk kita mohon perniagaan di premis – premis perniagaan ada dalam semua kawasan-kawasan PBT.

Kalau nak bagi syarat ni, pertama umur masih 18 tahun ke atas. Syarat memohon perniagaan. Kalau dia pergi ke bahagian pelesenan tu dia akan minta salinan kad pengenalan, dia minta gambar ukuran passport, SSM. SSM tu yang meniaga tu lah dan dia akan berikan borang perjanjian jual beli yang permohonan tu kena isi. Kemudian gambar premis, premis mana yang dia nak itu. Kalau dalam kawasan kawasan MPSPK ini, kawasan yang luas mungkin ada tempat-tempat yang tertentu yang tak dikenal pasti kawasan itu, so kena hantar gambar premis, kena hantar pelan lokasi tempat yang dia nak mohon itu. Kemudian kalau dia nak ubah suai, dia mestilah mendapatkan kebenaran pihak badan pelesenan untuk ubah suai tempat itu dan kalau dia nak berniaga makanan dia mestilah mendapatkan suntikan dan juga kursus sijil makanan. Borang – borang ini diisi di Bahagian Pelesenan kemudian kena hantar ke Pejabat Perbandaran atau Majlis dan mereka akan panggil ‘interview’ lah, panggil temuduga dan selepas ‘interview’ mereka akan bayar untuk wang permohonan yang saya sebut dan akan diputuskan keputusan temuduga itu akan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan. Itu syarat-syarat dia yang sekarang ini lah. Rasanya tak berat lah untuk kita nak mohon kepada orang yang nak baru nak mohon, itu untuk premis lah tapi kalau untuk bahagian bidang-bidang lain perinciannya lebih panjang lah kalau nak mohon contohnya perniagaan selain daripada perniagaan kecil-kecilan dia ada lebih panjang. Yang YB. Sidam tanya ni adalah tentang perniagaan kecil-kecilan. Itulah syarat-syarat yang paling minima yang pihak perlesenan minta.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan. Sebelum itu saya ingin membuat pembedaan, bukan Dato’ lagi. Masih belum lagi. Dipersilakan soalan tambahan YB.



YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih Tuan Speaker. Kalau kita tengok YB. Kuala Ketil, peningkatan peniaga-peniaga kecil di tepi jalan itu sangat-sangat banyak lebih-lebih lagi sekarang terutama sekali sebagai contoh di kawasan saya di Taman Puteri itu meningkat dengan pesat. Satu simpang di Jalan Bukit Puteri itu saya ingat dalam satu simpang itu pun dianggarkan 20 peniaga.

Jadi, apakah perancangan untuk kita elakkan daripada mereka berniaga tepi jalan ini dan yang akan mengundang kepada kesesakan lah. Tapi kalau boleh diadakan, adakah perancangan kerajaan untuk adakan 'foodcourt' dan sebagainya yang kita tetapkan untuk mereka berniaga secara tempat yang sah lah? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YB.

YB MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Sidam. Permasalahan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sidam ini sebenarnya berlaku di semua PBT. Dasar kita pada waktu selepas kita menghadapi era covid dulu, kita membenarkan peniaga kecil-kecilan. Berniaga untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka selepas covid iaitu kita benarkan mereka berniaga di tempat-tempat yang tidak mendatangkan permasalahan kepada lalu lintas dan sebagainya. Inilah yang kita buat sampai pada hari ini. Tetapi sebahagian besar peniaga yang mereka adalah mungkin yang di pasar malam ini kita memang letakkan setempat. Tapi peniaga – peniaga yang datang secara 'part time', yang meniaga ambil kesempatan secara sendiri. Mereka tengok tempat lapang saja, terus depa nak meniaga. Kerana tempat-tempat inilah yang kita tak benarkan. Tak semua PBT membenarkan peniaga-peniaga kecilan ini berniaga sesuka hati di tempat yang mereka suka.

Memang kita tetapkan tempat-tempat tertentu. Macam di Sungai Petani, di Bandar Puteri Jaya, memang kita dah buat satu tempat. Peniaga-peniaga yang berniaga dalam taman itu yang mengganggu lalu lintas dan sebagainya memang kita dah buat satu tempat. Tapi sebahagian daripada peniaga dia dah biasa tempat dia berniaga tu dan dia rasa tempat itu lebih memudahkan orang ramai beli barang dia, drop, berhenti kereta dan beli barang, bergerak. Tepi keadaan inilah yang akan mengganggu lalu lintas dan membahayakan. Bila Perbandaran nak ubah ke satu tempat yang baru, mereka akan nampak payah dan sebagian besar tak nak ubah tempat-tempat ni.



Begitu juga di kawasan-kawasan PBT lain, contohnya dalam minggu lepas saya membuat satu koordinasi, perbincangan dengan peniaga kecil, dengan semua PBT dan juga termasuk persatuan-persatuan peniaga, Persatuan Peniaga di Negeri Kedah, dua persatuan saya panggil. Isu yang sama sepertimana di MBAS juga, kita nak ubah daripada Jalan Putra dengan Jalan Gangsa tadi, memang tempat itu menjadi ditarikan kepada orang ramai. Tetapi sebahagian daripada peniaga-peniaga kita berniaga bukan setakat di atas kaki lima, mereka dah ambil sampai ke jalan utama, letak meja dan sebagainya. Dan inilah yang menimbulkan kesalahan lalu lintas dan sebagainya mengganggu lalu lintas dan mengganggu orang ramai. Benda ini diatur oleh pihak PBT termasuk pihak MBAS sendiri, menghimpunkan mereka setempat. Tapi sebahagian daripada peniaga yang agak degil lah, tak nak ubah, kerana mereka dah selesa dengan tempat yang mereka meniaga sekarang. Jadi, dalam perbincangan tersebut, kita memang beri arahan kepada pihak PBT untuk ambil juga satu pendekatan, ubah mereka tempat yang baru, tempat baru yang lebih selesa dan sebagainya.

Itulah pada asasnya memanglah kita tak menghalang peringkat awal. Sebab peniaga ni atas alasan dia nak cari sedikit tambahan pendapatan, kita benarkan dia buka khemah ataupun meja tu, selepas berniaga dia mesti punggah bawa balik. Tapi bila lama kelamaan, dia dah rasa payah, dia nak tambah meja. Lama-lama lagi, dia tambah pula 'stall' bawah tu. Lama-lama lagi, dia buat bangunan kukuh terus. Bila dah buat bangunan kukuh, kita nak ubah dia jadi payah. Dia kata, "dulu pasal apa tak ubah? Pasal apa sekarang nak ubah? Pasal apa yang nu tak ubah? Pasal apa yang ini?" Inilah ragam peniaga – peniaga kecil kita dan kita harap PBT menggunakan satu pendekatan dan budi bicara yang baik untuk nak ubahkan mereka, semua yang mengganggu lalu lintas, mengganggu orang ramai dan sebagainya, kesesakan, ubah ke tempat yang lebih selesa. Memang itu pendekatan kita, Yang Berhotmat Sidam.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. Tokai.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Tanya macam saya nak jawab hari tu. YB. Kuala Ketil, kita tau mutakhir ini banyak yang menjalankan perniagaan itu terdiri daripada warga-warga asing sama ada yang sah ataupun PATI lah. Ini tidak dapat dinafikan. Jadi, memanglah tindakan agak susah. Kerana kita tengok yang bawa motor pun ramai la ni Bangla dan Rohingya. Jadi, mereka-mereka ni rasanya tidak ada lesen lah kalau bawa kenderaan ni. Jadi apakah.... Ya! Ya! Peniaga kecil lah, hat kecil-kecil, kedai kecil, kios-kios tepi jalan itu.



Jadi, tindakan daripada pihak PBT lah untuk mengendalikan mereka-mereka ini. Kadang-kadang dia sewa daripada orang kita yang ada lesen, ini masalahnya. Pohon jawapan daripada YB. Kuala Ketil lah, terima kasih.

YB ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Soalan tambahan boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan YB. EXCO.

YB MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Dak, saya nampak YB. Lunas bangun tadi, kut ada apa nak tanya.

YB. TUAN SPEAKER

Ada lagi?

YB MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Boleh, pakai yang sama juga?

YB. TUAN SPEAKER

Ok, teruskan!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih, Yang Berhormat Speaker. Soalan pun, minat sungguh soalan ni noh? Berkaitan dengan warga asing ni saya rasa dalam sidang lepas pun saya dah jawab panjang lebar dah. Jadi, satu dasar kita memang kita tak benarkan peniaga warga asing berniaga kecil-kecilan sama ada menjaja tepi jalan ataupun pasar malam. Memang kita tak benarkan dan saya pernah keluarkan arahan kepada PBT untuk rampas dan sebagainya, memang dasar kita itu. Walaupun hari memang terdapat ada perniagaan-peniagaan yang mengambil kesempatan tersebut, kalau dia menggunakan lesen orang tempatan, lesen tersebut boleh dirampas. Jadi, kalau dia tak ada lesen lagi senang lah. Dan kita mengarahkan, memang kita mengarahkan mana-mana PBT, kalau ada terdapat peniaga asing yang ambil kesempatan untuk berniaga pasar malam berniaga kecil-kecilan ini, boleh ambil tindakan seterusnya. Kita tidak ada kompromi terhadap perkara itu. Terima kasih, Yang Berhormat Speaker.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Yang Berhormat EXCO. YB. Sidam, silakan.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Berbalik kepada kawasan perniagaan tadi, saya dapati ada juga peniaga asing terutamanya dari Pattani lah. Apabila mereka berniaga tu parking depan kedai dia, lebih kurang 20, semua depa ambil untuk buat letak meja. Jadi, adakah ini ada dalam perancangan pihak BBT ataupun macam mana tindakan akan diambil? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Sidam, perbetul tengok. Orang petani? Orang petani ka orang Pattani?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Orang Pattani, Siam.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Sidam, orang Siam juga kan? Beto na? Yang Berhormat Speaker, maaf, melawak sikit boleh noh?

YB. TUAN SPEAKER

Boleh, boleh, boleh!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Jawapan dia sama macam hat lepas juga. Sebab peniaga orang-orang Pattani, pertama kerana dia ada hubungan yang kuat dengan kita di Malaysia terutama di Kedah. Kadang-kadang dia ada suami di sini, isterinya di sana. Kadang-kadang isterinya di sini, suami di sana. Hubungan yang baik. Tetapi memang kadang-kadang yang berniaga tu kadang-



kadang lesen orang tempatan. Kita nampak di kedai, restoran kebanyakan orang tempatan, lesen. Dia datang sebagai tukang masak ataupun berniaga sini. Tapi dengan isu yang kata letak kenderaan dan sebagainya, saya rasa isu ini taklah terlampau menjejaskan sangat. Kalau ada isu-isu yang berkaitan seperti ini, saya ingat YB. Sidam boleh bangkitkan dengan Ahli Majlis kawasan 'zone area' sebut dan Ahli Majlis boleh bangkitkan bincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa di peringatkan PBT dan saya rasa benda ni boleh diselesaikan dengan cara tersebut. Boleh YB. Sidam ya? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO. Dipersilakan soalan seterusnya, Yang Berhormat Guar Chempedak.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Terima kasih, YB Speaker. Mohon jawapan untuk soalan nombor 3. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, Yang Berhormat Jitra.

3. YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD [ADUN GUAR CHEMPEDAK]

Bukit Kayu Hitam SBEZ adalah merupakan salah satu zon pembangunan impak tinggi negeri. Pohon dinyatakan, apakah status pembangunan Kedah Science & Technology Park dan DELAPAN SBEZ?

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Speaker. Yang saya hormati Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor. Rakan-rakan Ahli Dewan, ketua-ketua jabatan dan wakil-wakil serta anakanda daripada MINDA. "Selamat datang ke Sidang DUN Negeri Kedah".

Soalan yang ditanyakan adalah berkaitan dengan Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone. Izinkan saya Yang Behormat Speaker untuk memberi sedikit gambaran secara keseluruhan tentang Special Border Economic Zone. Dari segi keluasannya seluas 11,621 hektar yang terdiri daripada 2 komponen iaitu Kedah Science Technology Park dan juga Special Border Economic Zone yang berada di bawah Delapan SBEZ.



Dengan kata lain, Kedah Scien Techology Park ini keluasannya 1,983 hektar dan Delapan SBEZ seluas 4,395 ektar. Maafkan saya, KSTP seluas 1,938 ektar dan Delapan SBEZ seluas 4,395 ektar. KSTP ini dimajukan oleh NCIA dengan kerjasama erat bersama PKNK dan secara spesifiknya baru-baru ini KSTP telah diamanahkan untuk bersama memacu pembangunan dan juga kelangsungan KSTP ini sejajar dengan pengalaman dan juga pengetahuan luas KSTP dalam memacu Kulim Hi-Tech Park. Jadi, dengan kata lain Yang Berhormat Speaker, kita nampak ada sinar di hujung sana untuk kita sama-sama melihat KSTP dapat dibangunkan. Manakala untuk Delapan SBEZ, ianya dipacu oleh Northern Gateway Sdn. Bhd. sebuah syarikat di bawah Malaysia of Finance. Dengan kata lain, usaha yang sedang dibangunkan ini adalah dua entiti yang berperanan untuk memajukan pintu utara kita.

Dengan kata lain, baki seluas 5,288 ekar yang ada di Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone ini masih lagi di bawah milik PKNK. Dengan kata lain, kita harus bersama untuk memastikan bahawa Special Border Economic Zone ini benar-benar menjadi pemangkin kepada kebangkitan negeri kita. Yang Berhormat Speaker dan Ahli Dewan yang saya hormati, kita adalah menjadi 'gateway' dan 'entry point' untuk pasaran yang dipanggil Indochina iaitu melibatkan Thailand, Vietnam, Kemboja, Laos, Myanmar dan juga China itu sendiri. Kita juga boleh menjadi pintu masuk kepada satu lagi segmen pasaran yang cukup luas yang dipanggil sebagai Indo-Gangetic Plain iaitu melibatkan India, Bangladesh, Pakistan, Bhutan, Nepal, Sri Lanka, Afghanistan dan Maldives. Ini dipanggil sebagai South Asia. Kalau hari ini kita melihat China sebagai antara 'strategic partners' yang perlu dibina, kita jangan terlupa bahawa 'India is coming up and rising' dan ini harus mula digerakkan dalam usaha-usaha pelaburan kita. Perlulah sekarang ini melihat ke arah iaitu dipanggil South Asia ini walaupun kebelakangan ini Bangladesh menghadapi kegawatan dalaman negara mereka, tetapi ini bersifat sementara saya yakin dan ianya berpotensi untuk menjadi pasaran besar kepada kita

Jadi, dengan kata lain Yang Berhormat Speaker, jumlah 'population' untuk dua pasaran besar ini iaitu Indochina sampai ke China dan juga Indo-Gangetic Plain ini di belah South India. Jumlah penduduk dunia di sini ialah sekitar 3.585 bilion orang. Iaitu dengan kata lain 44% daripada 'total population' dunia. Yang ini dengan kata lain hari ini 'total population' dunia sekitar 8.05 bilion dan GDP negara – negara ini adalah sebanyak USD 24 trilion ataupun 23% daripada total GDP dunia iaitu 105 trilion USD. Jadi, dengan kata lain kita berada di kedudukan cukup strategik di antara East dan West. Malahan kita juga boleh sampai ke Iran dan ke Middle East dan seumpamanya melalui hubungan strategik yang kita miliki. Jadi, berkaitan dengan SBEZ ini untuk membolehkan kita, menjadikan diri kita sebagai sebuah destinasi pelaburan terbaik.

Saya dengan rendah hati menyeru kepada semua dan kita di pihak kerajaan negeri harus berusaha bersama-sama dengan Kerajaan Pusat dan kita mengharapkan keterbukaan



Kerajaan Pusat sepertimana dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, “ini bukan masanya untuk kita melihat dalam sentimen negeri, ini adalah masa untuk kita melihat dalam sentimen negara kerana kalau kita lambat dan tidak bertindak pantas maka kita tidak akan dapat merebut peluang yang sedang terbuka luas ketika mana negara-negara lain juga berusaha untuk membangunkan ekonomi mereka”.

Izinkan saya Yang Berhormat Speaker untuk menyatakan di sini kita perlu melakukan ‘economic reform’ untuk negeri kita. Kita tidak boleh menunggu dalam konteks negara sedang mencari hala tuju tetapi dalam konteks negeri kita, marilah kita sama-sama tanpa mengira latar belakang politik kita untuk bersama mengusahakan agar ‘economic reform’ sepertimana yang telah diangkat oleh YAB. Menteri Besar kita, The Greater Kedah itu adalah satu agenda besar yang melampaui dan merentasi masa yang harus kita usahakan bersama.

Kita harus menjadikan sektor pembuatan sebagai pemacu utama pembangunan ekonomi negeri kita. Kita harus menjadikan negeri kita hab kepada pembangunan ekonomi ini tidak hanya tertumpu di Kulim Hi-Tech Park tetapi sampai ke SBEZ ini dan saya yakin hari ini kita ada sahabat kita Pegawai Daerah Kubang Pasu, Encik Muhamad Mahazi Bin Haji Ibrahim bahawa hari ini adalah hari yang sangat kritikal, ‘time’ ini adalah sangat kritikal untuk membangunkan SBEZ ini. Jagan kita ulangi, ini bukan suatu yang mendukacitakan tetapi kita terlepas pandang apa yang berlaku di Kulim Hi-Tech Park, di mana kita membangunkan kilang-kilang yang berlaku luar biasa 3 tahun kebelakangan ini yang berjumlah RM105 bilion dan kita terlepas pandang pembangunan ‘commercial and residential area’ dan ini jangan diulangi lagi di SBEZ ini. Kita bimbang kalau kita tidak bergerak segera maka sebelah Thailand, Danok akan bangun, maka para ekspatriat akan tinggal di Danok dan bekerja di SBEZ kita dan itu kalau berlaku amat mendukacitakan kita. Jadi, “*the wake up call for our state to address the issue*” (dengan izin) Yang Berhormat Speaker.

Sedikit lagi Yang Berhormat Speaker, izinkan saya juga untuk kita memastikan pembangunan infrastruktur strategik. Kita harus melihat para pelabur yang tidak berminat untuk tahu sentimen dalaman kita pada mereka adakah infrastruktur strategik telah tersedia.’ Flyover’ di Changlun harus dibangunkan segera, segala usaha bersama dengan Kerajaan Pusat perlu digerakkan dan juga sama konteks di Kulim Hi-Tech Park yang juga menghadapi isu trafik.

Kita juga ingin berusaha untuk memastikan Yang Berhormat Speaker, izinkan saya juga untuk kita bergerak maju GLC States perlu bergerak seiringan menjadi agensi yang memacu ekonomi strategik negeri kita dan ini perlu kita usahakan dan sedang kita usahakan.



Jadi, dengan kata lain kita akan berusaha untuk memastikan bahawa dua 'economic zone' SBEZ ini yang diketuai oleh dua agensi iaitu PKNK dan NCIA for KSTP akan kita gerakkan sebaik mungkin bagi membolehkan kita dapat mengangkatnya menjadi sebuah destinasi pelaburan terbaik negeri kita.

Begitu juga dengan Delapan SBEZ. Untuk makluman semua, izinkan saya, di Delapan SBEZ telah dibangunkan projek pembangunan depo lori dan pelepasan dalaman yang dipanggil BKH ICD (Inland Container Depot) oleh Syarikat PKT Logistics Sendirian Berhad. Prosesnya ataupun dengan kata lain perkembangannya telah 98% siap. Juga pada masa yang sama telah ada dibentuk iaitu dipanggil projek Ibusawat Pertukaran Internet (Internet Exchange) yang mana bertempat di Bukit Kayu Hitam. Perkara ini sedang berlaku dengan rancaknya di selatan tanah air kita di Johor apabila syarikat-syarikat daripada Singapura menjadikan Johor sebagai destinasi.

Usaha sedang digerakkan untuk melakukan perkara sama di sebelah utara tanah air kita iaitu Kedah dan inilah yang perlu kita rebut dan kita lakukan dengan segera. Masa yang sama, pembangunan Managed Industrial Park' di Delapan oleh NCT Group iaitu NGX ini telah bekerjasama dengan satu entiti iaitu dipanggil NCT Group untuk membangunkan industrial park di SBEZ di bawah Delapan itu secara terancang dan teratur. Dan usaha – usaha ini sedang digerakkan juga dalam perkara yang sama dengan institusi lain dalam konteks di KSTP. Jadi, dalam kata lain Yang Berhormat Speaker, saya rumuskan usaha untuk kita mengangkat SBEZ ini menjadi sebuah platform pelaburan terbaik negara kita. Kita tidak cakap pasal negeri kita lagi, kita sekarang sedang bercakap di landasan iaitu negara kita. Marilah sama – sama kita memastikan bahawa usaha ini dapat diangkat bersama tanpa mengira latar belakang negeri dan negara kita dalam konteks politiknya. Saya yakin di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, kita akan berjaya menjadi sebuah negeri yang berdaya maju.

Hari ini izinkan saya menyatakan kita nombor satu dalam negara dalam konteks pelaburan dengan RM31.3 Billion pelaburan. Alhamdulillah dan terima kasih semua. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Soalan tambahan!

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.



YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Apakah perancangan khas kerajaan negeri untuk memastikan bekalan tenaga berkemahiran tinggi mencukupi untuk memastikan memenuhi keperluan industri yang kita nyatakan tadi? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih Yang Berhormat. Dalam konteks usaha kerajaan negeri kita bagi memastikan kelangsungan pembekalan tenaga kerja untuk industri – industri yang kita sedang buka di negeri kita ini, kita telah membentuk satu unit khas yang dipanggil Unit Pembangunan Bakat di Invest Kedah. Iaitu sebuah entiti kerajaan kita yang mana mempunyai hubungan baik dengan industri. Kita mengetahui akan syarikat-syarikat yang akan masuk ke negeri kita. Jadi, daripada situ kita telah membentuk satu unit khas untuk mengenal pasti apakah peluang – peluang pekerjaan yang disediakan oleh syarikat – syarikat ini. Dan daripada situ kita membina hubungan dengan institusi – institusi pendidikan dalam negeri kita dan juga di peringkat negara untuk memadankan keperluan industri dan juga dengan kesediaan tenaga kerja yang dibekalkan.

Alhamdulillah Yang Berhormat Speaker, baru-baru ini dalam pertemuan saya dan delegasi dengan Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi, yang mana kita telah mengusulkan agar mengeneipkan segala perbezaan pandangan kita kerana perbezaan politik di mana disambut dengan baik sebelum ini ingin saya nyatakan di sini, apabila kita berhubungan dengan politeknik mereka takut untuk berurusan dengan kerajaan negeri, sedangkan kita sebuah kerajaan negeri yang sah. Namun, kerana tekanan-tekanan mungkin mereka telah tidak berani untuk bersama. Tetapi Alhamdulillah, hasil pertemuan dengan Menteri Pengajian Tinggi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Seri Zambry Abdul Kadir di atas kesudian untuk membuka pintu dan baru-baru ini politeknik dan pengurusan tertinggi di seluruh Negeri Kedah telah berjumpa dengan kita untuk berbincang bersama bagaimanakah Human Capital dapat dibangunkan dengan kerjasama erat dengan politeknik di negeri kita, Kedah dan institusi di bawahnya seperti kolej komuniti.

Jadi, dengan kata lain, kita juga akan memperkasakan iaitu institusi milik kerajaan negeri kita, UniSHAMS, KISMEC, K-Techno dan semua. Kita juga baru-baru ini dalam pertemuan dengan Perdana Menteri di Kulim Hi-Tech Park, di mana telah diangkat idea



untuk ada satu gabungan dan gerak kerja yang bersepadu dalam konteks untuk memastikan kelangsungan bekalan tenaga kerja di negeri kita Kedah ini. Maka InsyaAllah kerajaan negeri akan mengambil inisiatif untuk menjuarai inisiatif untuk membina konsortium dengan institusi-institusi pengajian tinggi ini bagi membolehkan pembekalan itu dapat dilakukan.

Hari ini Yang Berhormat Speaker, seperti yang saya katakan, kita tidak mahu memberikan janji palsu kepada anak-anak kita yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di mana mereka mengikuti program, tetapi apabila bergraduasi, tidak ada peluang pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan ataupun kelulusan mereka. InsyaAllah, kerajaan kita Negeri Kedah akan melakukan yang terbaik bagi memadamkan keperluan industry dengan juga program-program diikuti oleh anak-anak kita di universiti. Dan doakan InsyaAllah, kita berjaya untuk kelangsungan generasi masa depan kita. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Jitra. YB. Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, dengan hala tuju dan potensi Bukit Kayu Hitam SBEZ dan Delapan yang begitu hebat dan begitu menarik, tapi dalam jawapan tadi saya masih belum dengar tentang berapakah pelaburan asing yang telah dibawa masuk ke Bukit Kayu Hitam SBEZ dan apakah cabaran utama yang dihadapi dalam pembangunan Kedah Science and Technology Park dan Delapan SBEZ serta apakah langkah – langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi cabaran – cabaran ini ? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Dalam konteks pelaburan yang masuk ke SBEZ ini pada dasarnya ia masih lagi di peringkat awal. Seperti yang saya kata tadi PKT Logistik baru saja membina deponya dan juga dalam konteks 'internet exchange' tadi juga baru saja dalam proses pembangunannya.



Dengan kata lain, izinkan saya untuk melihat perkara ini dalam kerangka yang lebih luar dalam tempoh satu tahun ini, InsyaAllah akan dibekalkan maklumat yang lebih spesifik dalam kata mana bagaimana kita telah menggerakkan usaha.

Tetapi Yang Berhormat Kota Darul Aman, sahabat saya izinkan saya katakan, untuk kita memacu ekonomi negeri kita ianya bukanlah perkara biasa-biasa. Kita harus melakukan 'economic reform' ini, kita tidak ada pilihan lain, kita tidak berniat untuk bersaing dengan sesiapa dalam konteks yang tidak membina, tetapi kita lakukan sepertimana Yang Amat Berhormat Menteri Besar katakan, "The Greater Kedah itu sebenarnya adalah untuk menjadikannya 'wake up hall' kepada kita semua untuk berusaha sebaik mungkin", sama ada kita (dengan izin) YB. Speaker, adakah kita ingin "*condone culture of comfort or culture of success. Culture of comfort, business as usual or culture of success*" di mana kita akan ada sasaran-sasaran tinggi yang pastinya memerlukan komitmen, disiplin, 'determination' dan kesungguhan bagi mengubah apa yang kita ada hari ini.

Jadi, inilah cabarannya Yang Berhormat, adakah rakyat Kedah mahu kekal dalam '*culture of comfort, culture*' selesa ataupun '*culture*' yang dipanggil '*culture of success*' yang memerlukan pengorbanan semua. Kalau kita '*opt for culture of comfort*' kita tidak akan mampu mengubah apa yang kita miliki hari ini. Tapi kalau kita '*opt for culture of success*', saya yakin dan percaya negeri ini akan menjadi kebanggaan bukan saja rakyatnya, tetapi negara. Saya harap Yang Berhormat akan bersama dalam '*journey*' kita ini untuk memajukan negeri kita Kedah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan seterusnya, YB. Kota Darul Aman.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

YB. Speaker, soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Ada lagi, satu lagi? Silakan.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada perancangan Kerajaan Negeri Kedah dalam membina dan membangunkan zon-zon ekonomi yang ada. Cuma untuk memastikan bahawa zon



ekonomi ini seimbang di seluruh negeri, termasuklah di gerbang selatan. Saya berharap dan saya ingin bertanya apakah perancangan-perancangan bagi pihak kerajaan negeri untuk memastikan bahawa zon selatan juga akan menerima nikmat yang sama-sama rata, sama rasa dan tidak terpinggir dan tercicir daripada zon di sebelah utara dan juga di sebelah tengah ini.

Kita lihat bagaimana yang berlaku di sempadan dengan Zon Selatan khususnya di Daerah Kerian, sudah ada satu perancangan khas untuk memenuhi Zon Ekonomi di sana dan kita sedia maklum bahawa di Pulau Binang, di Zon Batu Kawan juga sedang menghimpit kita. Jadi, apakah perancangan daripada kerajaan negeri untuk pastikan bahawa semua di seluruh Negeri Kedah ini termasuk di Gerbang Selatan dapat menikmati pembangunan Zon Ekonomi ini? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

YB. Speaker, terima kasih Yang Berhormat Bandar Baharu, sahabat saya. Izinkan saya menyatakan bahawa usaha kerajaan negeri kita ini dia '*sweep through*', ia mengambil seluruh aspek yang berpotensi daripada selatan negeri kita sampai lah ke utara. Dan saya percaya kalau saya juga YB. Bandar Baharu, saya sangat ingin tahu apakah yang sebenarnya dirancang oleh negeri kita untuk Bandar Baharu. Bandar Baharu ini seperti Kulim, ianya berkedekatan dengan Pulau Pinang dan kerajaan negeri kita pada dasarnya telah ada perancangan untuk turut sama mengangkat Bandar Baharu menjadi destinasi pelaburan terbaik di negeri kita InsyaAllah, Yang Berhormat. Jadi, dengan kata lain, kita akan melihat tidak akan berlaku kepincangan pada kawasan-kawasan strategik kita. Boleh saya katakan, kalau di Perak sedang digerakkan secara besar-besaran pembangunan KIGIP, yang mana pada dasarnya, keadaannya mungkin belum begitu bersedia untuk dibangun. Tetapi, kerana komitmen Kerajaan Pusat yang luar biasa, maka kita tahu, sesuatu pasti dapat dibangunkan di KIGIP. Dan InsyaAllah, kita yakin dengan kerjasama erat kita dengan Kerajaan Pusat walau apa juga cabaran kita, saya yakin dan percaya '*strategic location*' Bandar Baharu ini akan menjadi satu lagi destinasi pelaburan terbaik. Sedikit Yang Berhormat Speaker, kalau boleh saya katakan usaha ini juga kita akan selaraskan.

Baru-baru ini dalam pertemuan dengan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada mengangkat akan idea kawasan-kawasan pertanian kita yang begitu luas, kita ingin angkat sebahagiannya, sekitar 11,000 hektar, '*correct me if I'm wrong*',



untuk dijadikan kawasan perindustrian dan pembangunan. Maka InsyaAllah, kalau ini dapat kebenaran daripada Pusat untuk kita bangunkan, maka satu lagi agenda kerajaan negeri kita adalah untuk membangunkan, iaitu kawasan-kawasan perindustrian, perbandaran yang berdekatan dengan lebuh raya kita. Kita dapat lihat banyak kawasan-kawasan di pinggir lebuh raya kita kawasan-kawasan strategik yang sangat berpotensi dibangunkan. Jadi, 11,000 ini kalau dibangunkan di kawasan-kawasan strategik sepanjang lebuh raya kita daripada selatan ke utara, saya yakin satu lagi impak besar kepada pembangunan ekonomi negeri dapat disaksikan. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Dipersilakan soalan seterusnya. Soalan seterusnya.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih Tuan Speaker. Kota Darul Aman pohon jawapan untuk soalan nombor 4. Terima kasih.

4. YB. ENCIK TEH SWEE LEONG [ADUN KOTA DARUL AMAN]

Apakah usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan negeri untuk membangunkan, mempromosikan dan menarik pelawat atau pelancong ke Lembah Bujang (Kedah Tua) sebagai kota penting dalam jalur perdagangan maritim Asia Tenggara sempena Tahun Melawat Kedah 2025?

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, soalan yang diajukan oleh Kota Darul Aman berkisar tentang promosi dan juga menarik pelawat ke Lembah Bujang iaitu Kedah Tua, dalam Tahun Melawat Kedah 2025. Izinkan saya memulakan jawapan saya dengan serangkap pantun.



YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

*Walaupun YB. muda remaja,
Tetapi prihatin kepada Kedah Tua,
Lembah Bujang sentiasa dijaga,
Ditambah baik sepanjang masa.*

Yang Berhormat Tuan Speaker, Lembah Bujang adalah warisan yang nilainya terlalu besar. Bukan sahaja untuk Kedah, tetapi untuk Malaysia keseluruhannya. Ia adalah bukan sahaja berkaitan dengan peninggalan sejarah, tetapi Lembah Bujang itu adalah satu simbol ketamadunan dan juga pencapaian dan Lembah Bujang juga mempunyai potensi untuk kita angkat dan untuk kita gilap sebagai destinasi pelancongan yang tersohor dalam tahun ini. Namun, banyak benda, banyak perkara yang perlu dilakukan daripada penambahbaikan, menambah baik infra, mewujudkan aktiviti-aktiviti baru sebagai sokongan dan juga melipatgandakan lagi promosi ada langkah-langkah perlu yang dilakukan.

Sepertimana yang saya gambarkan dalam pantun saya tadi, sebenarnya kerajaan negeri sentiasa serius terhadap segala benda yang berkaitan dengan Lembah Bujang. Dalam hal ini, kita berterima kasih kepada agensi-agensi kerajaan yang sentiasa mempamerkan komitmen yang sama dan bagi tahun ini sebagai contoh, Jabatan Warisan Negara (JWN) sedang menjalankan kerja-kerja naik taraf bagi Tapak Arkeologi Sungai Batu dan Kompleks Arkeologi Pengkalan Bujang dengan menggunakan peruntukan daripada MOTAC melalui geran Pemulihan, Pemuliharaan, Ubah Suai dan Naiktaraf (PPUN). Kerja-kerja ini bertujuan untuk memberi lebih tarikan dan keselesaan kepada pelawat.

Selain itu juga, Kementerian Kewangan juga telah meluluskan sebanyak RM500,000.00 bagi Projek Naiktaraf Kemudahan Parking Kenderaan di Tapak Arkeologi Sungai Batu di bawah Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2024, Kerja - kerja Pemuliharaan dan Pemeliharaan Bangunan dan Tapak Warisan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Geran Usahawan Pelancongan kepada Persatuan Ancked Sungai Batu bagi mewujudkan pusat pelancongan dan pengoperasian kepada pelancong di Sungai Batu.



Sebagai usaha mempromosikan lokasi pelancongan di kawasan Lembah Bujang pula, antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut :-

- i. Berkerjasama dengan Persatuan AncKed Sungai Batu dalam sesi pameran di Hari Pelancongan Malaysia-Selatan Thai pada 5-6 Mac 2024 di, Hatyai, Thailand.
- ii. Berkerjasama dalam penganjuran program Kedah Tua Travel Mart pada 25-27 Jun 2024.
- iii. Berkerjasama dalam penganjuran Persidangan Antarabangsa Sejarah Kedah Tua Berdasarkan Catatan Yi-Jing pada 11 Julai 2024 di Kuala Lumpur.
- iv. Membantu dalam pameran Kedah Tua sempena Program Madani Rakyat di Pulau Pinang pada 3 - 5 Mei 2024
- v. Membantu dalam penganjuran Festival Warisan Kraf dan Makanan Tradisi Kedah Tua di Kompleks Arkeologi Sungai Batu pada 3-4 November 2023.

Untuk Tahun Melawat Kedah Tahun 2025, kerajaan akan menjalankan promosi khusus terhadap Lembah Bujang dengan penerbitan video, bahan bacaan, penganjuran acara dan sebagainya bagi ianya lebih dekat dan dikenali oleh khalayak sasaran termasuklah rakyat dalam Negeri Kedah kita ini. Rakyat Negeri Kedah kita juga perlu peduli, perlu tahu yang negeri Kedah kita ini suatu masa dulu adalah pusat perdagangan dan jalur maritimnya adalah yang terbaik, yang maju, yang makmur dan tersohor. InsyaAllah, dengan segala mungkin kerajaan negeri akan memastikan Lembah Bujang itu akan berada pada kedudukannya sebagai warisan yang ulung, yang unggul, yang pernah berdiri sebagai saksi tentang kehebatan Negeri Kedah kita satu ketika dulu, yang akan terus berdiri sebagai saksi The Greater Kedah yang sedang kita usahakan ini, InsyaAllah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Soalan tambahan.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Tuan Speaker, soalan tambahan. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dipohon ataupun disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam RMK-13 untuk pembangunan pengiktirafan Lembah Bujang sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO? Terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Setakat hari ini, kerajaan negeri telah pun menerima RM9.2 juta untuk Lembah Bujang. Kalau boleh saya bacakan di sini, RM500,000 Naik Taraf Kemudahan Parking Kenderaan di Tapak Arkeologi Sungai Batu, RM2 juta Penyelidikan Lembah Bujang, RM6 juta untuk Pembinaan Shelter di Bukit Coras, RM700,000 Penyelidikan Pembinaan Shelter Candi Sungai Batu, Kota Kuala Muda. Keseluruhannya bernilai RM9.2 juta. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan. Silakan YB. Kota Siputeh.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Bismillahirrahmanirrahim. Pertama sekali Yang Berhormat Speaker, terima kasih. Saya pertama sekali nak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Rotan kerana keprihatinan beliau juga yang turut hadir ke Kota Seputeh untuk meninjau Agenda Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan di Kota Seputeh Baru-Baru ini. Pun bergitu, izin saya untuk nak nyatakan bahawa berdiri di sini untuk memaklumkan bahawa jalur perdagangan maritim dan juga faktor kesejarahan dalam Negeri Kedah ini dan utamanya Kedah Tua, bukan sekadar berpusat di Lembah Bujang ataupun di kawasan-kawasan Kedah Selatan utamanya.

Saya nak menyorot sedikit tentang sejarah. Bermula di Bukit Meriam, 4 orang sultan bersemayam di sana, kemudian diikuti Sungai Mas, 2 orang. Di Kota Seputeh seterusnya, Kerajaan Kedah Tua yang ketiga, 8 orang sultan, Raja-Raja Kedah Tua bersemayam di sana. Kemudiannya, runtuh Kota Seputeh ke Kota Naga seorang, Sena seorang, Bukit Pinang tiga orang dan seterusnya Kota Setar sampai ke hari ini. Dengan bukti pensejarahan di situ kita boleh nampak bahawa ada lapan orang sultan, raja daripada Kedah Tua yang bersemayam di Kota Siputeh membuktikan apa? Bahawa satu masa



Kota Siputeh pernah menjadi sebuah pelabuhan maritim yang terbukti paling makmur dalam sejarah Asia itu sendiri, dalam sejarah dunia suatu masa. Kerana itu sampai Aceh, Siam dengki, jaki dengan kita.

Tapi dalam pada itu, kerana itulah kita di sini berharap atas faktor-faktor yang ada daripada segi pensejarahan warisan dan sebagainya, turut saya pernah bawakan kepada Yang Berhormat Kubang Rotan untuk diangkat Kampung Siputeh sebagai Kampung Budaya pertama Negeri Kedah maka bagaimana soalan di sini adalah tekad pelancongan yang dapat tertumpu di Wilayah Kedah Utara khususnya di Kota Siputeh dari aspek budaya, seni tradisi dan juga warisan?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Terima kasih YB. Kota Siputeh, Yang Berhormat Tuan Speaker, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian kepada potensi yang terdapat di Kota Siputeh untuk diangkat dan digilap sebagai destinasi pelancongan yang berdaya maju kerana Kota Siputeh ini mempunyai kriteria yang mencukupi sepertimana destinasi-destinasi pelancongan yang lain. Sepertimana yang Kota Siputeh cakap tadi ini ialah satu benda yang betul. Kota Siputeh ini pernah menjadi tempat pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah dulu dan 300 tahun lebih, Kota Siputeh ini menjadi tempat bersemayam Sultan Kedah. Jadi, itulah satu tempoh jangka masa yang sangat panjang dan tentunya Kota Siputeh itu mempunyai nilai yang begitu besar dalam sejarah Negeri Kedah. Cuma, generasi pada hari ini kurang untuk mendalami lebih dalam tentang sejarah dan kehebatan Kota Siputeh ini. Mujurlah ada cerita-cerita legenda Puteri Lindungan Bulan, Makam Puteri Lindungan Bulan. Kalau tidak, saya rasa dengan Kota-kota Siputeh, dengan sejarahnya hilang begitu sahaja.

Apa yang saya dapati Kota Siputeh, sebenarnya MOTAC telah pun mengambil inisiatif untuk memulihara Kota dan juga Makam Puteri Lindungan Bulan itu sendiri. Tetapi masih banyak lagi benda-benda ataupun perkara yang perlu dilakukan untuk mengangkat tempat tersebut. InsyaAllah, saya akan berusaha sedaya mungkin untuk mendapat sokongan dan juga bantuan daripada MOTAC untuk bersama-sama ataupun mengangkat Kota Siputeh ini sebagai destinasi pelancongan.

Berdekatan dengan Makam Puteri Lindungan Bulan itu, terdapatnya Tuan Speaker, Gua Kerbau yang mempunyai cerita-ceritanya yang tersendiri, yang terkait dengan cerita dongeng, cerita mitos Sang Kelembai sehinggalah penemuan artifak-artifak neolitik di



situ. Ini juga perlu dilihat sebab itu adalah satu produk kalau kita gilap betul-betul. Dan insyaAllah, saya sedaya mampu, saya mungkin untuk bersama-sama untuk memastikan hasrat daripada Kota Siputeh untuk melihat kawasan dia ni menjadi mini Jogjakarta ini akan termakbul, akan menjadi realiti suatu hari nanti, InsyaAllah. Terima kasih Kota Siputeh

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

YB. Speaker, soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, ringkas!

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Yang Berhormat Speaker, untuk Tahun Melawat Kedah ni, berapakah produk-produk baru pelancongan yang berjaya dibangunkan dan diperkenalkan untuk tarik minat pelancong yang hadir termasuklah di kawasan Daerah Baling yang mana Baling merupakan Daerah Ekopelancongan? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. DATO' HAJI MOHD SALLEH BIN SAIDIN

Baik, terima kasih YB. Baling. Sebenarnya banyak produk – produk pelancongan yang sedang kita gilap yang sudah pun hebat dan sebahagiannya lagi sedang digilap termasuk dah di Baling. Saya rasa Baling sedia maklum tak berapa banyak produk pelancongan ada di Baling? Kalau Baling tahu. Baling ni ada lebih daripada 40 tempat pelancongan yang hebat-hebat dan itu juga kita akan senaraikan dalam masa dekat. InsyaAllah, pelancongan dalam Negeri Kedah ini, kita bukan hanya menumpu ke satu-satu tempat. Sepertimana yang saya ikrar sebelum ini, pelancongan kita ini akan masuk kesemua 12 daerah dalam Negeri Kedah ini dan InsyaAllah, kita akan senaraikan tempat-tempat pelancongan, produk-produk pelancongan yang terdapat di Kedah. Termasuklah tempat-tempat penginapan untuk memudahkan para pelancong, para pelawat datang ke Negeri Kedah kita ini pada masa depan, InsyaAllah. Terima kasih YB. Baling.



YB. TUAN SPEAKER

Soalan seterusnya. Silakan Yang Berhormat Gurun.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Yang Berhormat Speaker, saya mohon jawapan soalan nombor 5.

**5. YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR
[ADUN GURUN]**

Salah satu objektif dasar pertanian negara adalah meningkatkan sekuriti makanan.

Pohon dinyatakan :-

- a) Apakah perancangan kerajaan untuk tanah – tanah berstatus pertanian yang tidak lagi dimanfaatkan ataupun yang telah terbiar?
- b) Adakah terdapat inisiatif kepada golongan muda yang mengusahakan bidang pertanian ini?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB GHANI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, terima kasih. Terima kasih YB. Gurun, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman. Alhamdulillah, mari kita 'belaqak'. Lama tak pakai kata 'belaqak' ni. Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua - ketua jabatan. tuan pegawai-pegawai daerah, tetamu – tetamu kita pada pagi ini dan tuan-tuan yang dihormati sekalian.

Soalan ADUN Gurun, pohon nyatakan apakah perancangan kerajaan untuk tanah-tanah berstatus pertanian yang tidak lagi dimanfaatkan ataupun yang telah terbiar? Yang kedua, adakah terdapat inisiatif atau insentif kepada golongan muda yang mengusahakan bidang pertanian ini?



Yang terhormat Speaker, tanah terbiar adalah tanah darat atau tanah sawah yang berkeluasan minima 0.4 hektar ke atas sama ada bersambungan atau bertaburan yang merupakan tanah milik yang tidak diusahakan selama tiga tahun berturut-turut. Maklumat tanah terbiar adalah dinamik dan sentiasa berubah-ubah dari masa ke semasa. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, setakat ini kita dapati sejumlah lebih kurang 1,000 hektar tanah yang terbiar di negeri kita ini. Pada keseluruhannya kita dapati ada lebih dalam 2,000 hektar tanah tetapi yang bersesuaian untuk dimajukan dalam bidang pertanian adalah didapati lebih kurang 1,000 hektar tanah. Kerajaan tidak menyediakan peruntukan khas untuk tanah terbiar namun, pemilik tanah atau usahawan boleh memohon peruntukan melalui skop peruntukan pembangunan yang sedia ada. Bimbingan untuk melaksanakan sesuatu projek akan diberikan oleh pegawai-pegawai jabatan mengikut daerah tanah tersebut.

Kerajaan atau jabatan menyediakan peruntukan kepada golongan muda melalui program Agropreneur Muda. Program ini diwujudkan untuk golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Ia bertujuan untuk membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam bidang keusahawanan agro berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantai nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani.

YB. Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bantuan dalam bentuk Geran Agropreneur Muda (GAM) disediakan kepada golongan muda bagi membantu mereka meminimalkan kos kewangan dalam menjalankan projek pertanian. Geran ini diberi dalam bentuk barangan (nilai maksimum RM 20,000.00 per individu) dan tidak perlu dibayar balik. Hasil dan impak pemberian geran disasarkan memberi faedah ekonomi kepada penerima geran dan perniagaan untuk jangka masa panjang. Khidmat nasihat teknikal dan latihan secara intensif yang diberikan melalui program-program yang dilaksanakan oleh jabatan atau agensi atau syarikat yang dilantik oleh kementerian berkaitan dengan projek yang dijalankan. Usahawan yang berminat boleh menghubungi agensi yang berkaitan dengan bidang usaha projek pertanian yang sedang dilaksanakan. Sekian, Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan Yang Berhormat Gurun.

YB. ENCIK BADDROL BIN BAKHTIAR

Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan saya, berapakah bilangan anak muda yang menikmati manfaat daripada inisiatif ataupun insentif yang diberikan oleh kerajaan? Sekian, terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB GHANI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih YB. Gurun. Berapakah bilangan anak muda yang menikmati manfaat daripada inisiatif ataupun insentif yang telah dilaksanakan?

Sebagai contoh, daripada Jabatan Pertanian Negeri Kedah, jumlah keseluruhan permohonan Geran Agropreneur Muda (GAM) dari tahun 2019 sehingga Julai 2024 adalah seramai 78 orang peserta yang mendapat manfaat melibatkan pentukan sebanyak RM156,000. Manakala untuk Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah, sebanyak 5 orang peserta bagi tahun 2024 dan masih lagi ramai yang mohon secara online atau di atas talian. Untuk pengetahuan, semua agensi di bawah Portfolio Pertanian ada program dan pemberian Geran Agropreneur Muda ini. Sebagai inisiatif untuk menyebarkan lagi berkenaan program ini, saya telah banyak melakukan sesi dialog dan diskusi di daerah-daerah dan kawasan bersama-sama jabatan dan agensi-agensi berkaitan juga bersama dengan pejabat-pejabat daerah dalam satu program yang saya namakan Jelajah Daerah.

Ahli – ahli Yang Berhormat sekalian, program-program Jelajah Daerah ini yang telah kita adakan di beberapa tempat, contohnya di Pantai Merdeka. Alhamdulillah, mendapat respon yang baik. Juga kita adakan di Kupang, Baling, Kampung Besar. Kita adakan juga di Pantai Merdeka di Tanjung Dawai, DUN Kuala Ketil. Nak kena sebut juga Kuala Ketil. Minta jadi bandar lah lepas ni Kuala Ketil pun dan di beberapa daerah lain. Alhamdulillah, sambutan begitu baik dan respon kita dapat daripada peserta-peserta terutama daripada petani, pesawah di kampung-kampung amat membanggakan. Ini adalah satu usaha kerajaan negeri untuk menyantuni dan mendekati seluruh lapisan masyarakat untuk memberi maklumat sebanyak mungkin dalam bidang pertanian ini kepada seluruh lapisan di kampung-kampung kita sana untuk dapat maklumat macam mana kalau kita tak pernah buat pertanian, depa ada tanah tapi tak tau nk mula. Kita bagi maklumat. Jabatan – jabatan yang berkaitan yang telah menghadiri program – program ini, saya ucapkan ribuan terima kasih. Jabatan Pertanian, MADA, JPS, Pejabat Daerah, MARDI dan sebagainya telah memberi kerjasama yang baik untuk menjayakan program ini yang bertujuan tidak lain tidak bukan untuk kita meningkatkan kesedaran masyarakat kampung di sana untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian. Ada tanah tapi tak tahu nak buat apa setengah itu.



Jadi, inilah program-program yang kita rancang dan telah kita laksanakan dari semasa ke semasa dan Alhamdulillah, di peringkat jabatan pertanian telah pun pergi ke seluruh daerah di Kedah ini untuk program-program jabatan pertanian dan Program Jelajah Daerah ini kita akan susuli dan kita akan teruskan dari semasa ke semasa dan kesempatan ini saya minta kerjasama daripada seluruh ADUN yang hadir pada hari ini untuk kita sama-sama mengadakan atau menganjurkan program ini. Boleh berhubung terus dengan saya, terus bagi tarikh, bagi surat sehelai saja InsyaAllah, kita sampai. Tak dak banyak protokol apa.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat. Kita teruskan dengan soalan seterusnya, Yang Berhormat Kupang.

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Soalan tambahan!

YB. TUAN SPEAKER

Ada soalan tambahan sikit? Ringkaskan!

YB. ENCIK MUHAMAD AMRI BIN WAHAB

Soalan tambahan saya berbunyi begini, YB. Suka Menanti. Daun ketum ini popular di Kedah dan telah digunakan oleh penduduk kampung untuk manfaat kesihatan tapi telah diletakkan di bawah Akta Racun 1952. YAB. Jeneri pernah mencadangkan untuk mengeksport daun ketum di negara jiran. Adakah kerajaan negeri bersetuju menjadikan daun ketum sebagai sumber pendapatan negeri dengan mengeksportnya memandangkan jiran kita Thailand telah membenarkan penggunaan sebagai salah satu rawatan herba. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB GHANI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih YB. Derga. Depa nak berniaga ketum pula lepas ni.



YB. TUAN SPEAKER

Untuk eksport!

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB GHANI

Yang Berhormat Derga, sesungguhnya pada tahun 2022, Yang Amat Berhormat Jeneri ada menyebut ataupun menyatakan hasrat kerajaan negeri untuk kita bertanam ketum untuk diniagakan di pasaran, sebagai salah satu daripada komoditi, kerana Pasaran ketum di luar sana amat besar. Tetapi Yang Berhormat Derga, ini terletak kepada persetujuan Kerajaan Pusat. Baru-baru ini kita ada buat perjumpaan seluruh Exco Negeri di Malaysia ini bersama dengan Menteri Peladangan dan Komoditi. Tajuk ketum ini dibangkitkan juga, dibangkitkan semula dan menteri mengambil maklum dan Insyallah, akan dibincang secara halus untuk kita membolehkan tanaman ketum ni supaya dapat menjadi hasil pendapatan kerana pasaran dia besar dan kita pun tahu contohnya di Negara Jerman sendiri telah pun keluar produk perubatan yang dinamakan “Kretum”. Tulis pula di botol itu, “Malay Produk”, ada nama dia. Jadi, dengan itu saya mengambil kesempatan di sini agar Kerajaan Pusat mengambil serius tentang potensi ketum ini sekiranya dapat diusahakan secara yang terkawal, ia akan memberi manfaat yang banyak, bukan sahaja daripada segi ekonomi tetapi ia menjadi sumber perubatan kepada orang ramai. Sekian.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya... (YB. Bayu mencelah)

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Tambah, satu soalan tambahan lagi boleh tak YB. Speaker? Sikit saja. Soalan yang penting juga ni.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Apakah tindakan kerajaan untuk mengatasi jumlah 24,045 hektar kebun getah yang tak bertoreh kerana ini akan merugikan semua pihak termasuk kerajaan?



YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI DZOWAHIR BIN HAJI AB GHANI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker, terima kasih YB. Bayu. Perkara ini juga dibangkitkan dalam perjumpaan kita dengan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini. Jadi, dalam isu ini, pihak LGM (Lembaga Getah Malaysia) akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengusahakan balik tanah – tanah atau membantu penoreh-penoreh getah yang tidak lagi menoreh getah. Ia mungkin dengan tanaman – tanaman yang lain. Contohnya macam baru – baru ini kita buat lawatan dalam perasmian penjualan hasil ladang FGV di Kubang Pasu, dekat Changlun sana. Di situ pihak FGV telah menukar ganti tanaman getah dengan tanaman nanas, rockmelon dan rumput napier. Ini adalah antara usaha – usaha agensi – agensi kerajaan untuk menggantikan penanaman getah dengan tanaman yang memberi hasil yang lebih kepada pengusaha – pengusaha tanah ataupun pemilik-pemilik tanah. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan seterusnya Yang Berhormat Kupang.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Tuan Speaker, saya mohon jawapan nombor 6.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat EXCO.

**6. YB. BRIG. JEN (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD
[ADUN KUPANG]**

Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Bina Insan dalam kerangka merealisasikan gagasan The Greater Kedah?



YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan juga kepada YB. Kupang, seterusnya Yang Amat Berhormat Jeneri, ketua – ketua jabatan, sahabat – sahabat EXCO sekalian. Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Bina Insan dalam kerangka merealisasikan gagasan The Greater Kedah?

Gagasan The Greater Kedah adalah inisiatif yang bertujuan untuk mempercepat pembangunan ekonomi dan sosial di Negeri Kedah, menjadikan negeri ini lebih makmur dan berdaya saing. Dalam kerangka ini, Bina Insan yang merujuk kepada Pembangunan Modal Insan, memainkan peranan penting. Kerajaan Negeri Kedah memandang serius berkaitan Pembangunan Insan sehingga telah meluluskan satu badan yang dipertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan program – program berbentuk pembangunan insan. Badan yang dimaksudkan adalah Sekretariat Pembangunan Insan Kedah (SPIK) yang dianggotai oleh beberapa orang individu profesional di dalam bidang masing – masing.

SPIK bertanggungjawab membangunkan masyarakat yang berkualiti, berdaya maju, dan berinovasi melalui pendidikan holistik, kesihatan yang bersepadu, dan pembangunan keusahawanan demi mencapai kesejahteraan yang berkekalan bagi setiap individu dan generasi masa depan.

Fungsi SPIK adalah Menyediakan Program Modal Insan setiap peringkat berasaskan Pelan 'Ahsanu Taqwim (Insan Sejahtera). Menjadi sebuah badan yang menghimpunkan tenaga bagi membangunkan insan secara holistik dan tersusun. SPIK juga melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan selari dengan konsep Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Dengan menggunakan ayat tema:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ

*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang
sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

(Surah At-Tin Ayat 4)

SPIK juga mengangkat beberapa modul yang bersesuaian dengan perkembangan semasa iaitu dengan arnim Sejahtera:



S : SELAMAT
E : EMOSI SEIMBANG
J : JASMANI SIHAT
A : AKAL CERGAS
H : HARMONI
T : TEKUN
E : EMPATI TINGGI
R : ROHANI MANTAP
A : AKHLAK MULIA

Berikut adalah perincian rancangan jangka pendek dan jangka panjang dalam usaha Bina Insan untuk merealisasikan gagasan ini:

Rancangan Jangka Pendek Bina Insan

a) Peningkatan Akses kepada Pendidikan dan Latihan

Program Latihan Kemahiran Vokasional dalam jangka pendek, kerajaan negeri boleh memperluas program latihan kemahiran vokasional untuk golongan muda dan belia. Fokus diberikan kepada bidang yang mempunyai permintaan tinggi seperti teknologi maklumat, kejuruteraan asas, dan perkhidmatan.

b) Program literasi digital akan dipercepatkan, terutama di kawasan luar bandar, untuk memastikan penduduk mempunyai asas kemahiran yang diperlukan dalam era digital.

c) Sokongan Kewangan untuk Pendidikan

Biasiswa dan Bantuan Pendidikan: Kerajaan negeri perlu meningkatkan penawaran biasiswa dan bantuan kewangan kepada pelajar dari keluarga berpendapatan rendah bagi memastikan tiada yang tercicir dalam pelajaran mereka.

Program Bantuan Pendidikan Rendah dan Menengah dengan Menyediakan bantuan seperti bekalan alat tulis, pakaian sekolah, dan keperluan asas lain untuk meringankan beban keluarga yang kurang mampu.



d) **Pembangunan Kepimpinan dan Kesukarelawanan**

Kem Kepimpinan/ Kem modal Insan/ Kem remaja : Mengadakan kem dan program kepimpinan bagi pelajar sekolah dan belia untuk membentuk generasi yang lebih berdaya saing dan berwawasan. Program ini akan memberi penekanan pada pembinaan karakter, nilai-nilai positif, dan semangat kebangsaan. Mempromosikan aktiviti kesukarelawanan di kalangan belia untuk membina empati, tanggungjawab sosial, dan keterlibatan komuniti.

e) **Pembangunan Keusahawanan**

Program Inkubator Keusahawanan: Dalam jangka pendek, program inkubator akan diperkenalkan untuk membantu usahawan muda memulakan perniagaan mereka. Ini termasuk bimbingan perniagaan, latihan pengurusan kewangan, dan akses kepada modal permulaan. Kerajaan juga melaksanakan program untuk membantu usahawan kecil dan mikro memasarkan produk mereka, terutamanya produk tempatan, melalui platform e-dagang dan pameran tempatan.

Rancangan Jangka Panjang Bina Insan

a) **Pembangunan Infrastruktur Pendidikan dan Kemahiran**

Pembangunan Institut Pendidikan Tinggi (IPT): Mewujudkan atau menaiktaraf institusi pendidikan tinggi dan pusat latihan di Kedah yang dapat menawarkan program akademik dan latihan teknikal bertaraf antarabangsa, menarik pelajar dari seluruh negara dan luar negara.

Memperkuhkan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dengan menjalin kerjasama strategik antara kerajaan, industri, dan IPT untuk memastikan latihan yang relevan dan sesuai dengan keperluan industri.

b) **Pembentukan Ekosistem Keusahawanan**

Kampus / Hub Keusahawanan: Membina kampus atau hub keusahawanan di Kedah yang menyediakan ruang dan ekosistem lengkap bagi usahawan untuk berkembang. Ini termasuk kemudahan R&D, akses kepada mentor, dan rangkaian perniagaan.



c) Pembangunan Kluster Industri

Mewujudkan kluster industri yang fokus pada sektor-sektor utama seperti pertanian pintar, teknologi hijau, dan pelancongan, yang dapat menyokong pembangunan ekonomi dan peluang pekerjaan.

d) Pembangunan Sosial dan Komuniti

Mewujudkan Pusat Komuniti dan Pembangunan Insan di seluruh negeri yang menjadi pusat bagi aktiviti sosial, latihan, dan pembelajaran sepanjang hayat. Pusat ini juga boleh digunakan untuk program kaunseling, bimbingan keluarga, dan pembangunan modal insan.

e) Program Pemerksaan Wanita dan Golongan Rentan:

Membangunkan program jangka panjang yang memberi tumpuan kepada pemerksaan wanita, belia, dan golongan rentan melalui pendidikan, sokongan perniagaan, dan latihan kemahiran.

f) Pengukuhan Identiti dan Budaya

Pembinaan Nilai-Nilai Kebangsaan dengan menganjurkan program jangka panjang yang mempromosikan nilai-nilai kebangsaan dan kesatuan melalui pendidikan, seni, dan budaya. Program ini juga akan menitikberatkan pemeliharaan warisan budaya Kedah.

Program Kebudayaan dan Kesenian negeri Kedah dengan mengadakan program kebudayaan yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat untuk memelihara dan memperkayakan warisan budaya, sekaligus menyemai rasa bangga dan cinta kepada negeri.

Rancangan ini dirangka dengan tujuan untuk bukan sahaja meningkatkan kemahiran dan pengetahuan modal insan di Kedah tetapi juga untuk memperkukuhkan ekonomi negeri dan memastikan pembangunan yang inklusif dan mampan bagi seluruh rakyat Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat. Panjang dan lebar.



YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Ringkaskan!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Apakah kerajaan bercadang nak meletakkan dari segi pengurusan operasi Bina Insan ini di bawah mana – mana jabatan supaya dia lebih tersusun, teratur dan berkesan kerana nak bangun manusia ni bukan benda mudah – mudah. Dia kena ada suatu perancangan dan peruntukan yang khusus, dia tak boleh jemput sana, jemput sini. Buat program sekadar hang buat hat ni sat, jabatan ni buat hat ni sat. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan suatu jabatan yang kursus ataupun meletakkan Bina Insan ini di bawah jabatan – jabatan yang sedia ada? Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Silakan Yang terhormat.

YB. DATO' USTAZAH HAJAH SITI ASHAH BT. HAJI GHAZALI

Terima kasih YB. Kupang, untuk soalan tambahan. Sebenarnya Modal Insan dan Bina Insan ini ada di semua agensi. Tetapi hanya sekadar berada kita kata kalau dalam sebuah rumah tu berada di beranda sahaja, dia tidak masuk mencakupi keseluruhan rumah itu. Sekarang ini Alhamdulillah, pihak kerajaan telah meluluskan dalam Mesyuarat EXCO pada Jun yang lalu, kita telah meluluskan penubuhan iaitu Sekretariat Pembangunan Insan Negeri Kedah yang masih kita kata awal lah kita mulakan sekretariat dahulu kita akan melihat program – program yang kita laksanakan.

Dalam penubuhan sekretariat ini, buat masa ini Pejabat Exco Pembangunan Insan bertanggungjawab untuk menyelia dan menguruskan perjalanan SPIK dengan bantuan dari Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (BPEN). Dah ada sekretariat yang telah diluluskan oleh kerajaan pada Jun yang lalu. Sekretariat Pembangunan Insan Kedah ini merupakan sebuah badan atau unit di bawah seliaan Pejabat Exco dan juga BPEN bagi mempertanggungjawabkan dalam merancang dan melaksanakan program-program pembangunan insan bagi rakyat Negeri Kedah. Tujuan utama SPIK adalah untuk membangunkan modal insan yang berdaya saing, berilmu, berakhlak, dan mempunyai nilai-nilai murni melalui pelbagai program dan aktiviti yang diselenggarakan.



Pertama, merancang dan Melaksanakan Program Pembangunan Insan. Sebenarnya banyak program yang telah kita rancang dan peruntukan pun dah ada. InsyaAllah dalam setahun ini, pelbagai program yang akan kita laksanakan. Kalau nak sebut kat sini pada pagi ni rasa terlalu panjang yang telah kita rancang. Dan kita akan buat satu lagi pelancaran buku yang baru. Pertama buku Pembangunan Insan yang lama telah kita lancar iaitu “40 Hadis Pembangunan Insan”. Dan InsyaAllah dalam bulan September ini juga, awal September ini kita akan melancar sebuah buku lagi iaitu mengenai ayat – ayat Al – Quran tentang Pembangunan Insan, InsyaAllah. Dua buku yang telah kita keluarkan di Kedah ini.

SPIK bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pelbagai program Pembangunan Insan yang melibatkan pelbagai segmen masyarakat, termasuklah pelajar, belia, dewasa, dan warga emas. Program-program ini bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan, kemahiran, dan sahsiah individu. Kita sudah ada modul untuk latihan kepada semua golongan ini.

Yang ke dua, SPIK akan bekerjasama dengan Agensi Kerajaan dan Swasta. Sekretariat ini juga bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), institusi pendidikan, dan pihak swasta untuk memastikan program-program yang dijalankan dapat mencapai sasaran dan memberi impak yang positif kepada masyarakat.

Yang ketiga, Pemantauan dan Penilaian. SPIK bertanggungjawab dalam memantau dan menilai keberkesanan program-program Pembangunan Insan yang dilaksanakan. Ini termasuk mengumpul maklum balas dan data untuk tujuan penambahbaikan program di masa hadapan.

Yang keempat, Menyelaras Sumber dan Dana. Salah satu fungsi SPIK adalah menyelaras peruntukan dana dan sumber yang diperoleh daripada kerajaan negeri, GLC, atau sumber lain yang sah. Ini untuk memastikan semua program Pembangunan Insan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Yang kelima, Pembangunan Dasar dan Strategi. SPIK terlibat dalam pembangunan dasar dan strategi berkaitan Pembangunan Insan di peringkat Negeri Kedah. Ini termasuk menggubal dasar yang sejajar dengan objektif kerajaan negeri untuk meningkatkan kualiti hidup dan pembangunan sosial ekonomi rakyat.

SPIK berfungsi sebagai sekretariat yang menguruskan segala hal berkaitan Pembangunan Insan di Kedah. Sekretariat ini memainkan peranan penting dalam memastikan aspirasi kerajaan negeri untuk membangunkan modal insan yang berkualiti dapat direalisasikan melalui pelbagai program dan inisiatif.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

YB. Speaker, soalan tambahan satu.

YB. TUAN SPEAKER

Nanti boleh kita bangkitkan lagi. Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Sesi Perbahasan Rang Undang-undang.

**III. RANG UNDANG-UNDANG PERBELANJAAN NEGERI (TAMBAHAN) NO.1
TAHUN 2024.**

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri (Tambahan) No.1 Tahun 2024 dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, para tetamu, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah. Warta jilid 67 (32).

YB. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama satu enakmen untuk meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah. Minta maaf, hat tu rang undang-undang hat sat lagi (sambil ketawa). Terlajak muka surat. Mula lain boleh ka?



YB. TUAN SPEAKER

Boleh! Boleh!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Semua rang undang-undang hari ni, lima. Hat ni Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan na? Memang YB. Tuan Speaker, langkau.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mohon dikemukakan sekali lagi. Sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut, sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah dalam Warta jilid 67 (32).

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama "Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud tertentu dan bagi mengadakan penggantian jumlah-jumlah wang yang dibayar dahulu daripada Kumpulan Wang Luar Jangka".

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BT HJ. GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA

"Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud tertentu dan bagi mengadakan penggantian jumlah-jumlah wang yang dibayar dahulu daripada Kumpulan Wang Luar Jangka". **Bacaan Kali Pertama**

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.



Bacaan Kali Kedua

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Perbelanjaan Negeri (Tambahan) No.1 bagi Tahun 2024 seperti berikut :- Bagi cetakan warna biru ini yang nipis

Yang Berhormat Tuan Speaker, Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 15 Mei 2024 melalui Kertas No.7(F)134/2024 telah bersetuju mengguna pakai Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) Bilangan N7 Tahun 2024 yang dikeluarkan oleh Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan Malaysia berkaitan penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kedah melibatkan 25 perjawatan yang dikuatkuasakan mulai tarikh 1 Januari 2024.

Seterusnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 05 Jun 2024 melalui Kertas No. 7(F)165/2024 sekali lagi telah bersetuju meluluskan pewujudan Vot Perbelanjaan Mengurus B.19 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kedah berkuatkuasa pada 01 Julai 2024. Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kedah sebelum ini adalah satu unit di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (JHEAIK) di bawah Vot Perbelanjaan B.16.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dalam Sidang Belanjawan Negeri Tahun 2024, peruntukan sebanyak **RM768,760,630.00 (Tujuh Ratus Enam Puluh Lapan Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Ribu Enam Ratus Tiga Puluh Ringgit)** telah diluluskan di bawah maksud Anggaran Perbelanjaan Perbekalan Negeri Kedah Tahun 2024.

Sehubungan dengan itu, jumlah peruntukan tambahan yang dimohon mendapat pertimbangan dan kelulusan Dewan pada kali ini ialah sebanyak **RM1,006,500.00 (Satu Juta Enam Ribu Lima Ratus Ringgit)** bagi maksud perbelanjaan B.19 - Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kedah. Pertambahan ini menjadikan keseluruhan Anggaran



Perbelanjaan Perbekalan Negeri Kedah Tahun 2024 berjumlah **RM769,767,130.00** (Tujuh Ratus Enam Puluh Sembilan Juta Tujuh Ratus Enam Puluh Tujuh Ribu Seratus Tiga Puluh Ringgit).

Sekian, terima kasih saya mohon mencadangkan.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan. Silakan.

YB. BRIGEDIER. JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Ahli – Ahli Dewan, seterusnya hadirin yang dihormati Allah sekalian. Pertama, saya ucap terima kasih kerana memberi laluan kepada saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Tambahan No. 1 bagi tahun 2024.

Seperti Ahli – ahli yang terhormat maklum bahawa dalam Pembentangan Bajet 2024 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, satu rang Undang-undang Enakmen Perbelanjaan Negeri 2024 telah dibaca dan diluluskan oleh Dewan ini berjumlah sepertimana yang disebutkan tadi, **RM768,760,630.00**. Daripada jumlah itu, sebanyak **RM68,887,000.00** untuk perbelanjaan mengurus termasuk pengurusan jabatan atau Bahagian Pendakwaan Syariah yang pada masa itu masih lagi di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam.

Jadi, kini telah pun dibuat keputusan bahawa Bahagian Pendakwaan Syariah ini akan dibentuk satu jabatan berasingan. Jadi, sudah tentulah apabila satu jabatan nak mengoperasikan segala apa-apa yang berkaitan dengannya, tentunya mempunyai perbelanjaan yang besar. Kemungkinan akan ada pertambahan apa yang disebut sebagai kakitangan dan sebagainya.

Oleh itu adalah wajar pertambahan diberikan seperti yang telah disebutkan tadi iaitu RM1,600,500.00 untuk pengoperasian Jabatan Pendakwaan Syariah. Dan juga kita sedia maklum bahawa Jabatan Pendakwaan ataupun Bahagian Pendakwaan ini, kita lihat mempunyai tugas-tugas yang cukup penting, dan juga tugas yang mencabar dan bertambah dari semasa ke semasa. Jadi, saya kira sampailah masanya jabatan ini ataupun bahagian ini dinaikkan ke taraf jabatan dan akan mengoperasikan tugas-tugas mereka dengan lebih licin, lancar dan menepati objektif yang telah digariskan. Jadi, saya amat menyokong di atas apa yang telah dicadangkan ini dan menyokong supaya rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Kupang. Seterusnya, silakan Yang Berhormat Tokai.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Rasulilamin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in. Robbisrohli Sodri, Wayassirli Amri, Wahlul 'Uqdatammil Lisani Yafqohu Qouli.

Terima kasih kepada pembentangan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Cuma tadi dia silap, tajuk silap muka surat. Harap lepas ni tak silap rumah pula kot. Jangan marah ya? YB. Tuan Speaker, sejarah penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah ini sebenarnya bermula pada 2007, iaitu di mana mula bermesyuarat di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kebangsaan di peringkat kebangsaan. Kemudian Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang ke-56 pada 16 Januari 2014 telah bersetuju untuk penubuhan Bahagian Pendakwaan di Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dinaik taraf kepada Jabatan Pendakwaan Syariah di negeri-negeri. Kemudian, pada 20 haribulan 3 tahun 2015, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk mewujudkan pengasingan Bahagian Pendakwaan Syariah di jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri dengan syarat yang mendapat perkenan daripada Majlis Agama Islam Negeri kerana Majlis Hal Ehwal Agama Islam ini berada di bawah kuasa sultan.

Jadi Alhamdulillah, kita semak daripada sejarah ini, terdapat berapa-berapa buah negeri yang telah pun memulakan dahulu daripada kita. Sebenarnya Pahang bermula pada 1 Januari 2019, Selangor pada April 2018 dan Wilayah Persekutuan, awal lagi pada 1 November 2016. Dan di bidang kehakiman sivil pun, sekarang ini sudah wujud kerangka untuk mengadakan sekarang kita ada peguam negara dan selepas ini ada pendakwa negara.

Kajian sudah pun dibuat di Negara Kanada, di Australia dan mereka akan pergi ke Afrika Selatan dan juga ke UK untuk membentuk ketua pendakwa negara selain daripada peguam negara. Jadi, rasanya dengan adanya perkembangan yang ini di pihak sivil, di pihak syariah juga, saya rasa kita bertepatan dengan apa yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri dan juga di Bahagian Hal Ehwal Agama Islam di Peringkat Pusat supaya kita mengadakan jabatan.



Dan apabila kita lihat kepentingan kewujudan jabatan pendakwaan ini, saya semak daripada kes-kes yang telah dilaksanakan di Negeri Kedah ini, kebanyakannya adalah kes berhubung dengan MAL bukan berhubung dengan jenayah. Banyak kes-kes yang telah digariskan di dalam statistik kita, MAL banyak kerana kes MAL ini kononnya lah, yang disebut oleh pihak peguam syarie ini dia kata lebih mudah untuk diselesaikan dibanding dengan jenayah di dalam syariah ini. Kerana jenayah di pangkat syariah ini dia memerlukan perbincangan yang lebih tetapi kebanyakan yang didakwa di dalam jenayah syariah ini mereka mengaku salah awal pasal denda dia kurang, 356 itulah. Tetapi kita kena pandang ke hadapan dengan 'progress' hukum-hukum syariah yang kemungkinan akan diperkasakan melalui Rang Undang-undang 355 di mana benda ini akan dibawa masuk ke dalam Parlimen dan InsyaAllah kita harap ianya akan berjaya dibawa.

Kerana kemungkinan bila hukum-hukum yang akan dikenakan itu lebih berat, maknanya orang yang melakukan jenayah dalam bidang syar'iyah ataupun syariah ini kurang nak mengaku salah. Bila kurang nak mengaku salah, dia kena bawa ke mahkamah, bawa untuk perbincangan. Bila bawa perbincangan, pegawai-pegawai syarie ini kena 'well-versed' ataupun kena cekap di dalam bidang-bidang yang mereka nak hadapi di dalam mahkamah kelak.

Jadi, harapan saya kepada sahabat-sahabat kita di bidang terutama YB. Pengkalan Kundor kena membuat persediaan supaya apabila Rang Undang-undang RUU 355 ini yang meletakkan hukuman yang mungkin lebih berat kita rasa, supaya mereka ini lebih bersedia untuk menghadapi situasi ini di dalam mahkamah syariah.

Kerana kita juga dipahamkan dia akan ada 'four-tier' iaitu mahkamah rendah, mahkamah tinggi, mahkamah rayuan dan juga mahkamah utama syariah. Macam di dalam bidang sivil juga. Bila ada empat lapis ini maknanya perkara-perkara perbincangan di dalam mahkamah ini akan lebih rumit dan lebih 'complicated'. Jadi, persediaan kepada peguam-peguam syarie kita ini agar lebih menjurus kepada keilmuan dan juga kefahaman di dalam jenayah ataupun bidang syar'iyah ini.

Jadi, dengan wujudnya jabatan yang memerlukan staff yang saranya lebih komitmen mereka kepada hukum-hukum syara' ini dari dalam ini permohonan diminta untuk 25 jawatan. Saya tengok daripada carta jawatan ini, sekarang ini mereka berada di level yang sama dengan jawatan-jawatan yang lain seperti pengurusan masjid, kelas-kelas KAFA, pejabat agama di peringkat daerah, iaitu bahagian pendakwaan. Apabila dinaik taraf, kita rasa mereka ini akan lebih mempunyai 'level' yang lebih kuat, lebih besar untuk mengendalikan kes. Kerana kes-kes yang dibawa dalam jenayah syariah ini adalah kes-kes yang melibatkan hukum-hukum.



Jadi, pengetahuan tentang hukum-hukum itu diperhalusi oleh mereka-mereka yang ingin menceburkan di dalam bidang pendawaan ataupun pembelaan syariah ini supaya mereka yang nak dituduh dan juga yang nak membela itu supaya lebih meletakkan keadilan kepada mereka yang terkena tuduh ataupun nak dibela. Jadi saya rasa, saya menyokonglah apa yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini kerana ia memberikan suatu nilai ataupun peningkatan taraf kepada Mahkamah Syariah kita. Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Tokai. Yang Berhormat Guar Cempedak. Silakan.

YB. ENCIK ABDUL GHAFAR BIN SAAD

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, izinkan saya membahas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan. Menyorot kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah pada Majlis Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri pada 3 Mac yang lalu, baginda telah menitahkan agar perkara asas kenegerian yang memberi kepentingan utama kepada negeri perlu diperkasakan.

Dalam titah diraja tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah menggariskan aspek berkepentingan tersebut meliputi pembangunan ekonomi, sosial, hasil bumi, fiskal, tadbir urus, perancangan geopolitik serta termasuk perundangan dan kehakiman negeri.

Gerak kerja yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kedah dalam usaha untuk menubuhkan sebuah jabatan pendakwaan khusus iaitu Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kedah adalah satu langkah yang tepat dalam menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Elemen pendakwaan adalah satu aspek yang amat penting untuk membolehkan ekosistem kehakiman negeri, iaitu melibatkan kehakiman syariah, berfungsi dengan sempurna.

Dengan adanya Jabatan Pendakwaan yang khusus, proses pendakwaan dapat berjalan dengan lebih licin dan penyediaan kertas-kertas pendakwaan akan berjalan dengan lebih efektif. Dalam keadaan dunia kini yang semakin membimbangkan dari segi peningkatan kesalahan jenayah syariah dan kes-kes MAL, maka untuk memberi perkhidmatan yang lebih sempurna kepada rakyat di negeri ini, sudah tentu Negeri Kedah perlu maju ke hadapan dan memperbaharui perkhidmatan yang ditawarkan sepertimana negeri-negeri lain yang sudah pun memiliki jabatan pendawaan syariah yang khusus.



Buat masa kini, Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah diterajui oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Gred S48 dan dibantu oleh Seksyen Pentadbiran dengan dua orang kakitangan Seksyen Pendawaan Daerah dengan 11 pegawai dan Seksyen Pendakwaan Mahkamah Tinggi dengan 7 pegawai dan kakitangan, menjadikan keseluruhan perjawatan sebanyak 21 perjawatan. Dengan tertubuhnya Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, perjawatan akan ditambah menjadi 25 perjawatan. Pertambahan ini sudah tentu akan meningkatkan lagi keupayaan jabatan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik di masa hadapan.

Selain itu, kita harus memahami bahawa dengan mempunyai sebuah jabatan yang berasingan, perancangan bajet juga akan terkesan. Jika sebelum ini bahagian pendakwaan adalah sebahagian daripada Jabatan Hal Ewal Agama Islam Kedah, maka perancangan bajet adalah tertakluk kepada Jabatan Hal Ewal Agama Islam Negeri Kedah. Apabila menjadi jabatan berasingan, maka kita dapat jangkakan pelaksanaan perancangan bajet dan juga perbelanjaan jabatan juga akan berlangsung dengan lebih berkesan disebabkan ianya kini tertumpu dan berfokus.

Yang Berhormat Speaker, dalam konteks perkhidmatan awam negeri, apabila perjawatan semakin bertambah, maka peluang untuk pegawai dan perkhidmatan awam negeri turut lebih luas. Peluang yang dimaksudkan di sini bukan hanya dari segi peluang kenaikan pangkat, malah peluang dari segi ruang untuk menikmati ilmu dan pengalaman. Seperti yang kita sedia maklum, sebagaimana perkhidmatan tadbir urus iaitu KCS yang bersifat tertutup (dengan izin) 'close service', perkhidmatan tadbir agama negeri juga adalah sebuah perkhidmatan 'close service'.

Dengan bertambahnya jabatan atau perjawatan, maka pegawai-pegawai agama khususnya dalam skim perundangan syariah akan lebih luas dan peluang untuk ditukarkan dan menimba ilmu pengalamannya lebih luas selain memberi peluang kepada mereka untuk dinaikkan pangkat dan diberi peluang menjadi ketua jabatan. Hal ini secara tidak langsung akan menjadikan para pegawai yang lebih berkualiti dan mempunyai ilmu pengetahuan yang lebih baik. Perkara ini amat penting kerana para pegawai adalah penasihat strategik Kerajaan Negeri Kedah. Nasihat-nasihat mereka ini akan diguna pakai oleh kita semua sebagai penggubal dasar untuk terus memperbaharui dasar – dasar negeri.

Saya percaya dengan tertubuhnya jabatan ini, ekosistem perkhidmatan awam negeri akan terus diperkasakan untuk memainkan peranan yang lebih baik kepada negeri dan rakyat khususnya di masa hadapan. Ini adalah satu langkah kita ke arah mencapai gagasan The Greater Kedah.



Yang Berhormat Speaker, walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian kepada aspek kewangan. Memandangkan kerajaan negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 5 Jun 2024 telah meluluskan pewujudan VOT pebelanjaan mengurus baharu iaitu B19, maka perbelanjaan negeri untuk tahun ini dan tahun-tahun berikutnya sudah tentu akan bertambah.

Sekiranya hasil negeri tidak bertambah, maka dengan adanya perjawatan baharu sudah tentu belanja mengurus negeri akan meningkat dan peruntukan pembangunan negeri perlu dikurangkan. Oleh yang demikian, agenda pemerkasaan fiskal negeri harus diberi perhatian oleh kerajaan negeri agar keupayaan negeri untuk menyediakan peruntukan belanja mengurus tidak terjejas dan keupayaan negeri untuk menyediakan peruntukan perbangunan tidak terganggu.

Namun demikian, saya percaya dengan adanya gagasan The Greater Kedah yang akan memberi tumpuan kepada semua aspek berkepentingan negeri melibatkan aspek fiskal, pembangunan, ekonomi serta sasaran Kerajaan Negeri Kedah ke arah mencapai hasil RM1 bilion setahun menjelang 2028, usaha pemerkasaan tadbir urus dan jentera perkhidmatan awam seperti ini tidak akan menjadi satu batu penghalang.

Yang Berhormat Speaker, saya sambut baik usaha kerajaan negeri untuk terus menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan ke arah memperkasakan aspek-aspek berkepentingan negeri melalui gagasan The Greater Kedah khususnya untuk penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah.

Oleh yang demikian, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perbelanjaan Negeri (tambahan nombor 1) bagi tahun 2004 diluluskan dan dibentang. Saya doakan... Sekian, Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Guar Cempedak. Dipersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung rang undang-undang tersebut.

Tak ada? Ada? Ada sikit. Ringkas.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli – ahli yang Berhormat, ketua–ketua jabatan, tuan–tuan dan puan–puan yang dikasihi sekalian.



Alhamdulillah, dalam perbahasan yang telah dilakukan oleh tiga ADUN menyokong untuk Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan yang kita bentangkan pada pagi ini dan secara automatik juga menyokong penubuhan Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kedah Darul Aman.

Untuk makluman Ahli – ahli Yang Berhormat sekalian, sepertimana yang telah pun jelaskan oleh Yang Berhormat Tokai sejarah di peringkat Persekutuan untuk penubuhan Jabatan Pendakwaan ini berasingan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam di negeri-negeri. Dalam Malaysia, hanya tinggal kita, Sabah dan juga Sarawak yang masih lagi belum berada di bahagian pendakwaan. Alhamdulillah, apabila ia telah pun diluluskan pada 5 Januari 2024, bahagian pendakwaan ini dengan bahagian sumber manusia telah pun mengadakan mesyuarat pada 21 Ogos pada tahun ini dan telah mencapai kata sepakat tarikh bahagian pendakwaan menjadi jabatan adalah pada 1 Oktober 2024. Dan ini juga mengambil kira kelulusan di peringkat MMK untuk beroperasi sebagai jabatan. Kedua, satu permohonan kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri untuk meluluskan 'letterhead' jabatan pendakwaan. Proses dia ada untuk kelulusan jabatan ini.

Dan yang ketiga, surat pemakluman kepada Pegawai Kewangan Negeri bahawa jabatan pendakwaan telah bersedia bila – bila masa dan memlilih tarikh 1 Oktober 2024 dan yang ke empat permohonan pengisian empat jawatan baru. 21 perjawatan sedia ada, dan 4 jawatan baru yang telah pun diluluskan iaitu Gred LS 52. Jadi, ketua jabatan di jabatan pendakwaan ini, pendakwaan syariah ini adalah Gred 52 dan diikuti dengan gred – gred yang lain.

Jadi Yang Berhormat Speaker, dengan penjelasan dan juga perbahasan yang telah pun dilakukan maka kita amat penting untuk kelulusan jabatan pendakwaan syariah ini yang berasingan daripada Jabatan Hal ehwal Agama Islam Negeri Kedah bagi memastikan ketelusan dan keadilan dapat ditegakkan dengan lebih baik dan jitu serta ketua pendakwa syarie dapat menjalankan tugasnya dengan lebih telus tanpa pengaruh daripada pihak-pihak yang lain.

Jadi, saya juga mengharapkan dengan penubuhan jabatan pendakwaan syariah ini juga kompetensi untuk kita mastikan bahawa permulaan kepada pendaftaran di kes-kes yang berlaku di mahkamah syariah dapat kita jadikan sebagai suatu asas yang utama supaya hukuman yang akan dilaksanakan nanti hasil daripada pendaftaran kes supaya apa yang Allah sebut dalam Al-Quran hukuman dilaksanakan itu '*jazaan bima kasaba nakala minallah*' sebagai balasan dan juga sebagai pencegahan daripada Allah.



Jadi, bidang kuasa yang ada di peringkat jabatan apabila ia dikembangkan mungkin penambahbaikan kajian-kajian yang lebih mendalam perlu kita lakukan untuk kita memberikan kemas kini kepada hukuman dilaksanakan. Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan yang kita bentangkan pada pagi ini. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. EXCO.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud tertentu dan bagi mengadakan penggantian jumlah-jumlah wang yang dibayar dahulu daripada Kumpulan Wang Luar Jangka”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud tertentu dan bagi mengadakan penggantian jumlah-jumlah wang yang dibayar dahulu daripada Kumpulan Wang Luar Jangka”. **Bacaan Kali Kedua.**

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 1



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - JADUAL

YB. TUAN Pengerusi

Maksud Perbelanjaan **B.19 – Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kedah**. Saya mencadangkan iaitu wang sejumlah **RM1,006,500.00** untuk maksud perbelanjaan itu menjadi sebahagian daripada Jadual. Perbahasan.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]



YB. TUAN Pengerusi

Wang sejumlah **RM1,006,500.00** untuk Maksud Perbelanjaan B.19 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Jadual.

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan Kembali kepada Persidangannya.

YB. TUAN Speaker

Dipersilakan YAB. Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali ketiga.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BT HJ. GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN Speaker

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbelanjaan Negeri Tambahan (No.1) Tahun 2024. Maka adalah dengan ini dibenar supaya dikeluarkan sejumlah wang tidak melebihi daripada **(Ringgit Malaysia Satu Juta Enam Ribu Lima Ratus Sahaja) RM1,006,500.00 sahaja** daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk pelbagai perkhidmatan bagi tahun 2024 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan secukupnya dalam Anggaran Belanja Mengurus 2024 yang telah diluluskan oleh Enakmen Perbelanjaan Negeri Tahun 2024.



Wang yang tersebut itu adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dipertetapkan di dalam jadual. Adalah dengan ini diperbuat Undang-undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut. Bacaan Kali Ketiga.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2024.

IV. RANG UNDANG-UNDANG UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN KEDAH (PINDAAN) 2024

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2024 dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut, sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah. Boleh rujuk buku warna biru yang tebal. Muka surat 83. Warta jilid 67 no 32.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama "Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah".

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.



TUAN SETIAUSAHA

“Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah”.

Bacaan Kali Pertama

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.

Bacaan Kali Kedua

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2024 seperti berikut:-

Pada 4 Mac 2024 semasa Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-15, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan menitahkan langkah pemerkasaan Mahkamah Syariah dengan meletakkan penubuhan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga menitahkan supaya kerajaan menyemak semula struktur Mahkamah Syariah seperti sistem hierarkinya supaya memberi lebih ruang keadilan kepada pihak terbabit.



Bagi melaksanakan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan menambah baik kedudukan Mahkamah Syariah, Kerajaan Negeri berpandangan penubuhan Mahkamah Syariah wajar diletakkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah. Dengan ini, Mahkamah Syariah menjadi sebuah institusi yang penting sesuai dengan kedudukan Islam di negeri ini.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah merupakan undang-undang utama bagi negeri. Dengan itu, peletakan penubuhan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah mengiktiraf Mahkamah Syariah sebagai sebahagian struktur asas Kerajaan Negeri Kedah.

Pada masa ini, struktur Mahkamah Syariah mempunyai tiga (3) peringkat iaitu Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.

Dengan struktur sedia ada, ia memberikan satu peluang rayuan sahaja kepada kes yang bermula di Mahkamah Tinggi Syariah. Kes tersebut boleh dirayu ke Mahkamah Rayuan Syariah. Sedangkan, bagi kes yang dimulakan di Mahkamah Rendah Syariah, kes tersebut boleh dirayu ke Mahkamah Tinggi Syariah. Kemudian, jika salah satu pihak masih tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Syariah, pihak tersebut boleh merayu sekali lagi ke Mahkamah Rayuan Syariah.

Demi menjamin proses keadilan dilaksanakan secara saksama, satu lagi lapisan rayuan bagi kes yang bermula di Mahkamah Tinggi Syariah perlu diwujudkan dalam struktur Mahkamah Syariah di Negeri Kedah. Dengan itu, bagi menambah baik struktur hierarki Mahkamah Syariah, perlu diwujudkan empat (4) peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah. Dengan struktur baharu ini, kes yang dimulai di Mahkamah Tinggi Syariah boleh dirayu ke Mahkamah Rayuan Syariah dan kemudiannya boleh dirayu lagi ke Mahkamah Utama Syariah.

Rang Undang-Undang ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan mempunyai dua (2) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan ini.



Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan Perkara baharu 63A, 63B, 63C dan 63D iaitu-

- i. Perkara 63A adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan penubuhan Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah;
- ii. Perkara 63B adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan keanggotaan Mahkamah-Mahkamah Syariah yang ditubuhkan; dan
- iii. Perkara 63C dan 63D adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan pelantikan hakim Mahkamah-Mahkamah Syariah oleh Raja Pemerintah mengikut kuasa dan tatacara dalam undang-undang Negeri serta sumpah jawatan Ketua Hakim Syarie.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

Silakan Pengkalan Kundor.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Bismillahirrahmanirahim. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Tuan Speaker. Pertama sekali saya mengalu-alukan kehadiran tetamu daripada Pasukan Peguam Lajnah Undang-Undang dan Hak Asasi Manusia (**LUHAM**) dan juga para tetamu yang lain. Saya mohon izin untuk membahaskan Rang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah. Jika kita lihat, di muka surat 83 dan 84, terdapat penubuhan mahkamah syariah yang mana diletakkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri ini pada perkara 63A dan penambahan lapis mahkamah syariah kepada empat lapisan dengan menambah mahkamah utama pada perkara 63B.

Untuk makluman, saya difahamkan pada masa ini negeri yang memasukkan mahkamah syariah di dalam Undang-Undang Tubuh Negeri hanyalah Terengganu dan negeri yang mempunyai empat lapis mahkamah syariah hanyalah Perak. Jadi, Kedah menjadi negeri yang kedua dalam membuat perubahan ini. Jadi, kedua-duanya adalah usaha untuk memperkasakan mahkamah syariah.



Sidang Dewan yang dihormati sekalian, apabila kita memperkatakan tentang menambah baik atau memperkasakan undang-undang syariah mahupun mahkamah syariah, ia tidak bermaksud kita mahu bersaing dengan mahkamah sivil atau cuba menidakkan kepentingan mahkamah sivil. Saya ingat ini perlu diberi penjelasan yang berterusan.

Mahkamah sivil tetap mempunyai peranannya yang tersendiri dan fungsinya mesti dihormati. Ini adalah penegasan yang perlu difahami agar sebarang usaha negeri dalam melindungi setiap undang-undang yang berada di bawah bidang kuasanya, termasuk undang-undang Syariah, tidak akan disalah tafsir sebagai satu ancaman kepada mana-mana pihak atau ancaman kepada sistem sedia ada yang sedang berjalan.

Meletakkan Mahkamah Syariah di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah adalah satu langkah perhormatan terhadap institusi perundangan syariah serta satu langkah mustahak untuk melindunginya dari cubaan ganggu-gugat pada masa hadapan.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian, jika kewujudan Mahkamah Sivil ada dicatatkan di dalam perkara 121 Perlembagaan Persekutuan kukuh dan terlindung di bawah Perlembagaan, maka begitulah situasinya dengan Mahkamah Syariah yang perlu ada tercatat di dalam undang-undang tubuh kerajaan negeri. Jika tidak, hal ini akan menyebabkan perbandingan medium penubuhan yang tidak seimbang antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil.

Dengan pindaan ini, maka sepertimana yang saya sebutkan tadi, Kedah menjadi Negeri kedua selepas Terengganu yang mengambil langkah nekat dan berani untuk memasukkan Mahkamah Syariah ke dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Tahniah saya ucapkan.

Insyallah, tindakan ini Tuan Speaker, tidak hanya akan disyukuri oleh generasi pada hari ini, tetapi generasi 30 - 40 tahun akan datang di saat undang-undang syariah semakin terdedah kepada cabaran keabsahan yang tiada henti-hentinya. Mereka yang mencabar dan mempertikaikan ini bolehlah dikatakan bukan dalam kalangan mereka yang benar-benar memahami roh ataupun spirit perundangan Islam.

Mereka hanya mampu berfikir dari satu sisi sahaja tanpa memikirkan perancangan yang lebih bijak dan hikmah iaitu mengharmonikan kedua-dua aliran perundangan. Dengan kedua-duanya saling berfungsi secara berkesan dalam mensejahterakan masyarakat dengan keadilan. Kerana itu, kita lihat cabaran demi cabaran dilakukan terhadap mahkamah syariah dan undang-undang syariah sehingga rakyat majoriti yang tertakluk di bawah undang-undang syariah merasa tidak tenteram.



Tuan Speaker, kita harus kembali kepada keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang iaitu rukun negara yang diawali dengan kepercayaan kepada Tuhan. Undang-undang sama ada sivil mahupun syariah ditegakkan adalah demi memberi keadilan kepada masyarakat seluruhnya sepertimana yang diperintahkan oleh Tuhan, yakni Allah SWT.

Negeri Kedah harus menjadi contoh yang terbaik di dalam usaha mengharmonikan pertembungan antara mahkamah sivil dan syariah walaupun usaha untuk melindungi mahkamah syariah dilaksanakan pada tahap yang terbaik. Seperti pada hari ini, kita telah melaksanakan satu tindakan untuk memasukkan mahkamah syariah di dalam undang-undang tubuh kerajaan negeri.

Justeru itu, usaha memperkasakan mahkamah syariah mesti dibuat seiring dengan pemerksaan mahkamah sivil agar seimbang pemerksaannya sepertimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Tokai tadi, tentang usaha-usaha yang dilakukan untuk memperkasakan menambah baik sistem mahkamah sivil yang mana itu kita tak risau sesiapa pun yang memegang tampuk kerajaan, yang memegang tampuk pemerintahan, sentiasa melakukan usaha untuk menambah baik sistem kehakiman sivil.

Namun, janganlah hanya satu sistem perundangan sahaja yang sentiasa ditambah baik, namun satu sistem perundangan lagi dibiarkan tertinggal jauh ke belakang. Di sidang Dewan sekalian, kita mesti berusaha untuk memadamkan stigma bahawa sistem perundangan syariah sebagai sistem perundangan kelas kedua. Dan kita mesti cegah pertikaian punca kuasa kewujudan mahkamah syariah. Jadi, dengan memasukkan pada hari ini mahkamah syariah berada di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri kita dapat mencegah dan menghentikan kata-kata, dakwaan bahawa Mahkamah Syariah ini tak ada surat beranak.

Sidang hadirin sekalian, saya mengambil kesempatan pada pagi ini untuk menjunjung kasih titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang menekankan pemerksaan Undang-Undang Syariah di Kedah sepertimana yang disebut oleh YB. Exco Sungai Limau tadi.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah dan juga Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah. Dengan itu, pada tarikh bersejarah pada hari ini, saya anggap sangat bersejarah atas usaha yang kita ambil pada pagi ini, 25 Ogos 2024, saya menyokong Rang Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Pindaan 2024.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor, semangat Mahkamah Syariah. Jadi, kita jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk berbahas. Silakan. Hari ini cuaca elok, kemudian tajuk pun elok, Mahkamah Syariah. Jadi, saya minta YB. – YB. yang ada ni ambil peluang ni berbahas. Saya hari ini pemurah, berbahaslah. Silakan. Tak dak? Jadi, kalau tak dak, ada daripada pihak kerajaan yang akan menggulung. Saya menjemput YB. Sungai Limau.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Bismillahirrahmanirahim. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli – ahli Yang Berhormat dan ketua – ketua jabatan. Sikit saja. Tadi telah pun dibahaskan oleh YB. Pengkalan Kundor untuk menyokong Undang – undang Tubuh untuk kita buat pindaan memasukkan mahkamah syariah. Maksudnya tuan – tuan kita buat dua harini.

Pertama, pindaan kepada Undang – Undang Tubuh Kerajaan dengan memasukkan mahkamah syariah dalam undang-undang tubuh. Itu satu. Yang kedua, tadi juga disebut Negeri Terengganu negeri yang pertama masukkan. Cuma, di Terengganu tiga 'layer' mahkamah syariah. Perak buat pindaan kepada jadikan empat 'layer'. Tapi Perak masih lagi belum masukkan dalam undang-undang tubuh kerajaan. Jadi, Kedah Negeri yang pertama memasukkan dalam undang-undang tubuh kerajaan negeri ke mahkamah syariah ini dan juga kita mengadakan empat 'layer' sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Tujuan dia supaya berlaku keadilan untuk buat rayuan kepada kes-kes yang terus daftarkan dalam Mahkamah Tinggi Syariah. Jadi, kita mengharapkan apabila penubuhan satu 'layer' lagi dalam Mahkamah Syariah ini dapat memberikan peluang untuk rayuan kali kedua bagi yang tak berpuas hati di peringkat Mahkamah Tinggi dan kita juga mengharapkan bila dia dimasukkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri, Mahkamah Syariah akan dapat kita perkasakan dan masyarakat akan lihat bahawa penubuhan Negeri Kedah ini apabila Tuanku Sultan jadi penaung kepada agama Islam, Mahkamah Syariah diberikan suatu penarafan yang tinggi dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri.



Jadi, dalam penggulungan ini juga, Rang Undang-Undang Pentabiran Undang-Undang Islam diluluskan. Kita mengharapkan apa yang telah pun kita bincangkan pada hari ini, saya menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat dan kita mengharapkan supaya semua kita bersetuju kerana kita perlukan majoriti 2 per 3 dalam pindaan ini untuk pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah. Jadi, saya rasa itulah penggulungan ringkas. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Exco. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah”

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN SPEAKER

Suara bersetuju ramai.

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah”.

Bacaan Kali Kedua.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 1



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Silakan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan Kembali kepada Persidangannya.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan YAB. Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali ketiga.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Bacaan Kali Ketiga

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.



YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2024.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut. Bacaan Kali Ketiga.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Mahkamah Syariah
(Kedah Darul Aman) 2024.

**V. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH
(KEDAH DARUL AMAN) 2024.**

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Mahkamah Syariah
(Kedah Darul Aman) 2024, dibacakan bagi kali yang pertama

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.



Bacaan Kali Pertama

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut, sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah. Boleh rujuk cetakan warta warna biru ini. Hat tebal. Muka surat 91, Versi Bahasa Melayu. Muka surat 131, Versi Bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan rang undang-undang bernama "Satu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan pentadbiran kehakiman Syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya".

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAD

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA

"Satu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan pentadbiran kehakiman Syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya".

Bacaan Kali Pertama

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.

Bacaan Kali Kedua

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024 seperti berikut:-

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengukuh pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kedah selaras dengan peletakan penubuhan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah dan pewujudan empat (4) peringkat Mahkamah Syariah serta menambah baik beberapa peruntukan sedia ada.

Yang Berhormat Tuan Speaker, peruntukan Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024 meliputi elemen-elemen seperti berikut:

Bahagian I, Fasal 1 sehingga 3 memperkatakan tentang soal-soal permulaan, tafsiran dan kuasa prerogatif.

Bahagian II, Fasal 4 sehingga 7 memperuntukkan berkenaan penubuhan Lembaga Pelantikan Kehakiman Syariah, fungsi Lembaga dan sebagainya. Bahagian ini juga menyatakan peruntukan berkaitan pembatalan pelantikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan perletakan jawatan anggota Lembaga.

Bahagian III, Fasal 8 sehingga 17 memperuntukkan berkenaan pelantikan termasuk pelantikan Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Utama, Rayuan, Tinggi dan Rendah Syariah serta sumpah jawatan. Bahagian ini juga memperuntukkan berhubung dengan pembatalan pelantikan Hakim Mahkamah Utama, Rayuan dan Tinggi Syariah oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan melalui tribunal yang dilantik atau dengan rundingan Ketua Hakim Syarie bagi pembatalan pelantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah serta kesan persaraan, pelantikan pendaftar dan bailif.

Seterusnya, Bahagian IV, Fasal 18 sehingga 23 memperuntukkan berhubung dengan Mahkamah Utama Syariah mengenai bidang kuasa, permohonan kebenaran merayu, keanggotaan, keputusan, persidangan dan penerusan prosiding di Mahkamah Utama Syariah walaupun hakim tiada.

Kemudian Bahagian V, Fasal 24 hingga 30. Fasal-fasal yang memperuntukkan berhubung dengan bidang kuasa, permohonan kebenaran merayu, bidang kuasa pengawasan dan penyemakan, keanggotaan, keputusan, persidangan dan penerusan prosiding walaupun hakim tiada bagi Mahkamah Rayuan Syariah.



Seterusnya, Bahagian VI, Fasal 31 sehingga 34. Fasal-fasal yang memperuntukkan berhubung dengan Mahkamah Tinggi Syariah antaranya bidang kuasa asal, rayuan, permohonan kebenaran merayu dan bidang kuasa pengawasan dan penyemakan.

Kemudian Bahagian VII, fasal 35 memperuntukkan berhubung dengan bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah, yang mana Rang Undang-Undang ini memperluas bidang kuasa Mahkamah Rendah Syariah daripada amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM100,000.00) dinaikkan kepada tidak melebihi tiga ratus ribu ringgit (RM300,000.00).

Kemudian yang terakhir, Bahagian VIII, fasal 36 sehingga 53 yang membuat peruntukan berkenaan perkara-perkara am.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Rang Undang-Undang ini tidak lain dan tidak bukan bertujuan untuk memastikan pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah dikelola mengikut perkembangan kemajuan teknologi dan hal ehwal semasa, bagi memastikan keadilan dalam pengurusan kes serta meningkatkan keberkesanan sistem kehakiman Syariah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon untuk mencadangkan. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan. Dipersilakan.

YB. Kota Siputeh, dipersilakan.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Bismillahirrahmanirahim. Robbisrohli sodri, wayassirli amri, wahlul 'uqdatammil lisani yafqohu qouli. Terima kasih Yang Berhormat Speaker yang dikasihi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah, Barisan EXCO dan ADUN Kedah Sejahtera yang dirahmati Allah SWT sekalian. Sebegitu buat para pendiri Kedah dalam kalangan penjawat awam negeri yang dikasihi. Assalamualaikum dan Salam Kedah Segera.



Bagi memulakan pembahasan dengan penuh kerendahan hati, suka untuk saya memetik sepotong dua doa dari junjungan mulia Nabi Muhammad SAW yang diriwayatkan oleh Imam Tarmizi dan Hakim. Nabi berdoa dengan bermaksud, “Ya Allah anugerahkanlah untuk kami rasa takut kepadamu yang dapat menghalangi antara kami dari perbuatan maksiat kepadamu”. Segitu dalam satu potongan doa yang lain di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Nasa'ain, Rasulullah SAW berdoa, “Ya Allah, aku memohon rasa takut kepadamu Ya Allah, dalam keadaan aku bersendirian dan di hadapan orang ramai”.

Merafak sembah ke atas kemuliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Tuanku Sultan Kedah, Al-Aminul Karim Sultan Salehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, kerana perkenan baginda selaku simbol tunjang keagungan Islam, utamanya dalam negeri tercinta, Kedah Darul Aman yang bertuah ini. Tuanku Sultan dengan ini telah bertitah pada Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang DUN Kedah bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua yang lalu dengan menzahirkan tekad baginda untuk kerajaan negeri menyemak semula struktur mahkamah syariah seperti sistem kehierarkinya supaya memberi lebih ruang keadilan kepada pihak yang dihadapkan di bawah sistem kehakiman syariah dalam pada hasrat baginda yang turut menyeru pihak kerajaan untuk menambah baik kedudukan jawatan hakim mahkamah syariah supaya setanding dengan sistem yang diguna pakai di mahkamah sivil.

Hal ini ditambah belakangan ini terlalu banyak mehnah dan tribulati yang dihadapi institusi perundangan syariah dalam negara. Bila mana ada sebilangan pendukung sekularisme mahupun kelompok liberal yang seakannya menafikan makna keadilan dalam konteks kesyumulan Islam itu sendiri yang bersendikan syarak dan kitabullah. Sedang kesucian perundangan Islam adalah tidak lari demi memelihara maqasid syariah atas kepentingan ummah itu sendiri dalam soal hibzuddin, menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan juga harta.

Lantaran itu, setinggi tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan Negeri Kedah di bawah usaha Memanda Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor dan barisan pendiri negeri yang mana atas titah perkenan tuanku akan terkalam dalam lipatan sejarah. Penubuhan mahkamah syariah bakal diletakkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Di Bawah Perkara 63 Undang-Undang Tubuh Negeri sebagaimana mahkamah sivil yang disebut dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan. Sekaligus ini menjadikan Negeri Kedah antara negeri paling awal barisan pendiri negerinya yang memperkasa perundangan Islam serta berusaha membela kesuciannya.



Dalam Islam Yang Berhormat Speaker, terdapat banyak ayat Al-Quran yang menyuruh manusia melakukan dan menegakkan keadilan. Perihal perkataan soal adil diulang lebih 20 kali dalam Al-Quran. Antaranya pada Ayat 90 Surah An-Nahlif yang bermaksud, “sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan berbuat kebaikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu dengan suruhan dan larangannya ini supaya kamu mengambil peringatan dan mematuhiya”.

Agenda pemerksaan ini demi memaknai takrif keadilan dalam Islam yang lebih saksama, tambah lebih signifikan bilamana Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2024 memperuntukkan pertambahan lapisan (dengan izin) 'layer. Mahkamah Syariah yang sebelum ini hanya tiga lapis yang mana disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, kepada empat lapisan proses pengadilan iaitu pertambahan satu lapis lagi mahkamah yang paling tinggi iaitu Mahkamah Utama yang mana segenap lapisan ini membuka peluang rayuan untuk pihak yang gagal di dalam tuntutan kesnya bagi merayu ke peringkat seterusnya.

Penggubalan ini nyata satu tindak yang lebih progresif demi mengangkat penghakiman Islam. Sebegitu kebenaran pada Seksyen 41 yang membolehkan 'proceeding' di tempat lain atau melalui teknologi komunikasi jarak jauh adalah bukti adaptasi merentas zaman dalam pemerksaan proses perundangan syariah yang wajar diberi pujian kerana ini akan memudahkan pihak-pihak yang ada kesukaran dan kemudaratn untuk hadir dan dapat terlibat dengan prosiding mahkamah syariah.

Di samping itu, penubuhan Lembaga Pelantikan Kehakiman Syariah dalam melantik hakim-hakim di peringkat Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi Syariah adalah merupakan sampel maupun contoh terpuji dalam proses pelantikan hakim syariah yang mana citra pelaksanaan ini sebagai pembuktian nilai integriti menerusi Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2024 untuk tidak membuka ruang pemusatan kuasa yang boleh dipertikan.

Nilai integriti yang dipasak dalam penggubalan rang undang-undang ini juga tampak lebih terjamin apabila enakmen ini menetapkan secara jelas bahawa terdapat kod etika hakim syarie yang perlu dipatuhi dan tidak dilanggar yang mana sekiranya ingkar boleh membawa kepada pembatalan pelantikan hakim.

Klausa yang secara jelas ini akan memberi lebih keyakinan kepada institusi perundangan dan kehakiman syariah, khususnya di Negeri Kedah. Lantas menjadi contoh dan mercu dalam negara Malaysia. Untuk pengetahuan kita semua juga, Dewan Yang Mulia ini, kod etika hakim syarie ini secara jelas juga dinyatakan dalam kita punya undang-undang tubuh dan juga secara jelas dalam enakmen kita.



Kalau nak dibandingkan dengan negeri-negeri lain, tak ada pernyataan secara jelas sekiranya pelanggaran-pelanggaran yang dilakukan oleh Hakim Mahkamah Syariah. Jadinya, ini adalah satu contoh mercu yang baik yang kita bawakan oleh Negeri Kedah.

Namun begitu, kita manusia tidaklah sempurna kerana kesempurnaan itu adalah milik Allah SWT. Dalam pada segenap peruntukan ini yang dapat jadi contoh ikutan pihak-pihak lain, segala yang baik dari penggubalan RUU ini tetap perlu kita tinjau pelaksanaannya yang tuntas dengan turut mengambil contoh baik dari penggubalan di beberapa negeri lain agar Kedah dapat sentiasa mengarus zaman. Sebagai contoh, dalam hal pelantikan Hakim Mahkamah Utama Syariah menerusi Enakmen Mahkamah Syariah Perak 2018. Di tangan saya ada contoh sampel daripada undang-undang Negeri Perak, Mahkamah Syariah 2018. Secara jelas, dinyatakan keperluan untuk melantik lima orang Hakim Mahkamah Utama Syariah sebegitu tujuh orang Hakim Mahkamah Rayuan. Namun, tidak dinyatakan secara jelas dalam klausa peruntukan bagi Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman. Sebab kita hanya bagitahu dalam konteks keanggotaan. Yang mana dalam undang-undang tubuh, dalam aspek kita cakap di sini, pelantikan itu sendiri kita tak nyatakan secara jelas.

Bukankah lebih baik sekiranya ada kejelasan dalam hal pelantikan ini? Maka dapat mengimbangi pada peruntukan keanggotaan mahkamah yang memerlukan bilangan ganjil yang lebih besar daripada tiga panel hakim. Dalam pada itu juga, saya nak ambil kesempatan ini untuk nak refleksi keadaan mahkamah syariah kita. Yang mana kita juga nak mencadangkan agar Hakim Mahkamah Tinggi boleh dilantik dari kalangan peguam syarie yang telah beramal lebih 20 tahun.

Ini kerana kita perlukan stok hakim. Kita jelas memerlukan stok hakim syarie untuk ramaikan lagi hakim di Mahkamah Tinggi Syarie. Yang mana daripada itu kita dapat mengimbangi faktor-faktor keperluan hakim di mahkamah utama maupun di mahkamah rayuan.

Pada masa kini, hanya ada dua orang sahaja hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Kedah sedangkan kita ada 12 daerah. Adalah lebih afdal kita tambahkan lagi bilangan hakim Mahkamah Tinggi supaya boleh dibuka sidang mahkamah tinggi untuk tinjau ataupun meliputi kawasan Kulim, Bandar Baharu dan Baling yang boleh bersidang di Kulim dan hakim Mahkamah Tinggi Syariah juga boleh ditambah khas bersidang di bahagian tengah dan untuk jaga kes-kes rayuan Daerah Kuala Muda dan Sik manakala tambah lagi bilangan hakim Mahkamah Tinggi dan Dewan Mahkamah Tinggi yang sedia ada sekarang.



Jadi, meninjau refleksi itu juga, keperluan untuk kita tambahkan stok ini juga kerana itu, kita ada satu persoalan besar tentang keperluan atas ruang untuk boleh melantik mereka dalam kalangan hakim sivil untuk menganggotai institusi mahkamah syariah. Dalam fiqh Al-Awlawiyat, jelas memperuntukkan umat Islam untuk memahami keutamaan dalam tindakan yang turut diertikan sebagai meletakkan sesuatu pada yang hak.

Tangga dan peringkatnya, atau dalam kata lain, serahlah kepada yang ahli. Kata bijak pandai Melayu pernah berbunyi, “hendak belajar berenang, pergi cari itik”, YB. Tuan Speaker, “kalau kita nak pandai memanjat, cari tupai”. Maka selaras dengan sabda Nabi SAW daripada Abu Hurairah RA mengatakan, Rasulullah SAW bersabda, “jika amanat telah disia-siakan, tunggu saja kehancuran terjadi”. Ada seorang sahabat bertanya, “bagaimana maksud amanat disia-siakan?” Nabi SAW menjawab, “jika urusan dia serahkan pada bukan kepada ahlinya, maka tunggulah kehancuran itu”. Hadis riwayat Bukhari.

Kota Siputeh juga membuka premis perbincangan ini untuk dibahaskan lebih mendalam secara teknikal kepada pembahas dari dalam kalangan ADUN yang lain, yang saya rasa lebih ada punyai hak macam kita tahu YB. Pengkalan Kundor kita. Saya yakin dalam bab teknikal ini ada yang lebih layak. Dalam pada itu, ingin ditegaskan juga di sini perundangan syariah ini juga hanyalah tertakluk kepada umat Islam sepertimana Seksyen 44. Ini perlu jelas, pasal kita tak mahu orang-orang yang bukan Islam duk kalut, depa pula duk buat tau lebih, kan? Kita harap jelas kerana kita ada menyatakan bahawa dalam Seksyen 44, perkara ini adalah khas untuk umat Islam.

Sebagai penutup, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut mencadangkan perkara akhir memandangkan pihak kerajaan negeri telah mengambil satu langkah yang cukup-cukup progresif dalam memastikan kerelevanan perundangan syariah.

Justeru, bagi memastikan undang-undang Islam yang syumul terus gah mengarus zaman, moga pada sesi ke hadapan setelah kita selesai segala peruntukan yang dibentangkan ini, adalah dicadangkan untuk kita menyingkap pelaksanaan hukuman alternatif di mahkamah syariah, selain denda sebatan dan juga penjara. Semasa ini kita hanya ada semata denda sebatan dan penjara bagi hukuman di mahkamah syariah. Kita nak tengok, singkap orang kata peruntukan ataupun hukuman-hukuman lain. Sebagai contoh, bon kelakuan baik dan juga mungkin kita perlu mewujudkan pusat pemulihan. Juga pemulihan di pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan.

Dengan mewujudkan pusat pemulihan perundangan syariah mengikut negeri-negeri yang ada. Sebagai contoh, di sini kita ada beberapa negeri-negeri yang ada. Sebagai contoh di sini kita ada beberapa negeri, Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor, Pulau Pinang, Terengganu dan juga Pahang serta Sarawak. Maka negeri-negeri ini ada.



Kalau kita ada mekanisme sebegini untuk kita memastikan bahawa kita ini benar-benar mengurus zaman, maka Negeri Kedah dengan peruntukan yang telah dimasukkan dalam Undang-undang Tubuh dengan banyak pembaharuan-pembaharuan yang tidak dilakukan oleh negeri-negeri lain, kita pasti akan menjadi mercu. Maka dari itu, Kota Siputeh menyokong rang undang-undang ini. Wabilahi Taufiq Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kota Siputeh. Kota Siputeh pun layak. Layak tadi ni yang disebut tadi kata YB. Pengkalan Kundor layak. Sebenarnya YB. Kota Siputeh pun layak. Jadi, saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk berbahas.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Yang Berhormat Tuan Speaker, nama saya dah kena petik, jadi saya bangunlah. Baik, banyak perkara-perkara penting yang telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Kota Siputeh tadi. Jadi, saya sak tambah sedikit saja dan saya nak ambil peluang perbahasan ini untuk menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2024 berserta beberapa pandangan untuk dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini.

Jika kita lihat pada muka surat 97, berkenaan dengan syarat pelantikan ataupun syarat kelayakan menjadi hakim ini, iaitu Ketua Hakim Syarie pada Seksyen 8, Hakim Mahkamah Utama Syarie pada Seksyen 9, Hakim Mahkamah Rayuan Syarie pada Seksyen 10. Yang mana disebut bahawa pelantikan ataupun syarat kelayakan hakim-hakim ini terbuka kepada mereka yang berkhidmat dalam undang-undang sivil. Perkataan yang digunakan ada dua sahaja atau sivil. Tetapi implikasinya besar bagi saya. Jadi, saya berpandangan bahawa jawatan-jawatan ini sebaiknya dilantik hanya dari kalangan mereka yang terlibat dalam bidang kehakiman syarie sahaja terutama sekali bagi jawatan Ketua Hakim Syarie.

Saya khuatir apabila ada di dalam undang-undang, maksudnya disebut perkataan atau sivil di dalam enakmen ini, apabila ruang ini dibuka secara undang-undang, maka pada suatu masa nanti pelantikan mereka yang datang dari undang-undang sivil ini bakal menafikan peluang hakim-hakim syarie atau pakar undang-undang syarie yang telah lama beramal di dalam sistem kehakiman syarie.



Jadi, saya menyatakan kebimbangan awal terhadap risiko masalah baharu di kemudian hari. Apatah lagi jika kita lihat syarat yang seterusnya pada sub Seksyen B2 itu, saya bacakan, “dia telah berkhidmat dalam bidang undang-undang syariah atau sivil serta berpengetahuan dalam hukum syarak”. “Serta berpengetahuan”. Digunakan perkataan berpengetahuan, bukannya berpendidikan ataupun berkelulusan dalam hukum syarak. Jadi, soalan saya, bagaimana mahu kita ukur seseorang itu berpengetahuan syarak tanpa kelulusan dalam bidang syariah pada zaman hari ini? Siapa yang akan menentukan seseorang itu benda-benda mahir di dalam undang-undang syariah? Memandangkan semakin tinggi hierarki mahkamah maka semakin tinggilah ilmu dan pengalaman yang kita ‘expect’ ataupun kita perlukan daripada hakim-hakim tersebut.

Jadi, cuba kita fikirkan bagaimana risiko di kemudian hari apabila keputusan dibuat oleh hakim-hakim ini yang berlatarkan undang-undang sivil, timbul pertikaian daripada pihak-pihak di dalam kes itu bahawa mereka tidak yakin dengan keputusan yang diberikan memandangkan hakim tersebut bukan berlatarbelatangkan undang-undang syariah. Kita risau pertikaian-pertikaian berikut akan timbul di pihak-pihak, jadi masalah baharu pula. Jadi, itu adalah pandangan-pandangan yang saya mohon untuk dipertimbangkan oleh Sidang Dewan ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, tadi ada disebut oleh Yang Berhormat Kota Siputeh berkenaan dengan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan juga Hakim Mahkamah Rendah Syariah Seksyen 11 dan Seksyen 13. Saya bersetuju, ada baiknya kita mencontohi amalan sivil dalam soal ini, iaitu pelantikan hakim-hakim mahkamah tinggi dibuka juga kepada peguam - peguam yang berpengalaman.

Dalam konteks hari ini mungkin kita boleh buka pelantikan hakim-hakim mahkamah tinggi syariah kepada pegawai-pegawai syarie yang berpengalaman lebih 20 tahun contohnya. Dengan cara itu, kita akan boleh menambah bilangan hakim-hakim syarie sepertimana yang disebut, Kedah ada 12 daerah hakim mahkamah syariah, hakim mahkamah tinggi syariah ada 2 orang sahaja.

Jadi, boleh kita bayangkan kesukaran rakyat yang menjadi pihak-pihak di dalam kes mahkamah ini yang perlu sentiasa bermusafir jauh untuk mahadiri kes mereka. Jadi, itu adalah pertimbangan-pertimbangan yang saya mohon untuk diberi perhatian oleh Sidang Dewan kepada tindakan-tindakan yang berikutnya. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2024 bersama permohonan agar pandangan yang saya kemukakan diberi perhatian. Sekian.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Ahli - ahli Yang Berhormat yang lain sekiranya ada?

YB. TUAN HAJI AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassalatu wassalamu ala isyrafil anbiya iwal Mursalin wa'ala alihi wa sahbihi ajma'in. Robbisrohli sodri, wayassirli amri, wahlul 'uqdatammil lisani yafqohu qouli. Subhanakala 'ilmalana ma 'allamtana innakaantal 'ali mulhakim. La haulawala quwatailla billa hil 'ali yil 'azim. 'Ammabaq.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ahli – ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha, Yang Berbahagia ketua-ketua jabatan agensi negeri dan Persekutuan, yang dihormati pegawai – pegawai Dewan, seterusnya dikasihi para pemerhati sama ada secara terus di sini atau ikuti secara online.

Alhamdulillah, bersama -sama kita panjatkan rasa syukur kita yang tidak terhingga kepada Allah SWT dengan izinNya dapat kita kembali ke Dewan yang mulia ini bersama-sama kita menjayakan Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Negeri Kedah Darul Aman Ke-15 yang akan berlangsung pada hari ini dan esok, InsyaAllah. Bersama-sama kita doakan semoga sidang kali ini berjalan dengan lancar dan dapat membuat keputusan yang terbaik demi sejahtera rakyat dan Negeri Kedah yang tercinta ini.

YB. Tuan Speaker, saya ucap terima kasih kerana memberi laluan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini iaitu berucap bagi membahaskan satu undang-undang yang diberi nama Enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2024.

Saya bukanlah seorang ahli undang-undang macam YB. Pengkalan Kundor ataupun mahir macam YB. Kota Siputeh yang YB. Tuan Speaker iktiraf layak untuk sebaris dengan YB. Pengkalan Kundor dari segi hujah dan sebagainya. Cuma saya nak menyorot sejarah perkembangan Mahkamah Syariah ataupun Undang-Undang Islam di Kedah.

Secara umumnya negara kita mempunyai dua set undang-undang yang utama iaitu Undang-undang Sivil dan Undang-undang Syariah yang di dilaksanakan di semua negeri dalam Malaysia. Namun, kita juga ada undang-undang adat yang hanya diaplikasi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Untuk memastikan undang-undang ini di dilaksanakan, maka wujudlah Mahkamah Syariah dan sistem yang berkaitan dengannya yang dari semasa ke semasa mengalami perubahan dan penambahbaikan.



Undang-undang dan Mahkamah Syariah sudah bertapak di Alam Melayu ini sejak sekian lama, sejak sebelum kedatangan pejajah lagi. Pada kurun yang ke-15, apabila raja-raja dan pembesar kerajaan negeri di Alam Melayu memeluk Islam, undang-undang Islam mula digunakan. Antaranya risalah Hukum Kanun, Undang-undang Melaka dan Undang-undang Pahang.

Walaupun Negeri Kedah diyakini menerima Islam lebih awal, iaitu seawal abad yang ke-12 Masihi, namun teks undang-undang yang dapat dikesan hanyalah Undang-undang Kedah yang bertarikh tahun 1650 yang meliputi lima teks undang-undang iaitu Undang-Undang Pelabuhan, Undang-Undang Seri Paduka Tuan, Hukum Kanun Dato' Kota Setar, Cara Membuat Bunga Emas dan Undang-Undang Hijrah 1199.

Dari lima teks itu, teks Undang-Undang Seri Paduka Tuan dan Undang-Undang Hijrah 1199 memperincikan undang-undang yang berkait dengan Undang-undang Syariah atau Undang-undang Islam. Undang-undang Paduka Tuan misalnya, memperkatakan hukum orang mencuri, menyamun, menyabung, makan badat. Badat ni macam candu lah kot. Berjudi, menyembah bahala, minum arak dan tuak serta buatan haram di sisi Islam. Tanggungjawab ketua kampung untuk mengawasi orang tidak puasa dan tidak solat Jumaat, pembayaran zakat pertanian, jual-beli dan perjagaan haiwan dan juga masalah tanah. Manakala teks Undang-Undang Hijrah 1199 pula memperkatakan Undang-Undang Jenayah dan Sivil Islam yang meliputi hukum jenayah terhadap perbuatan mencuri, merompak, membunuh, mengamuk, mengganggu isteri dan tunang orang, berhutang, memfitnah dan menuduh orang.

YB. Tuan Speaker, saya bangkitkan secara Undang-Undang Islam ini bukan apa, nak tegaskan bahawa undang-undang dan Mahkamah Syariah ini sudah ratusan tahun mendahului undang-undang sivil ataupun 'common law' di negeri dan di negara kita.

Sepatutnya undang-undang dan mahkamah syariah berada pada kedudukan yang lebih tinggi, sesuai dengan sejarah kewujudan yang gemilang dan sesuai dengan populasi rakyat yang beragama Islam yang hampir dua per tiga daripada jumlah penduduk Malaysia sekarang.

Merujuk kepada rang undang-undang yang sedang kita bahaskan saya menyokong penuh Enakmen Mahkamah Syariah Kedah 2024 untuk diluluskan oleh Dewan yang mulia ini kerana ini akan membolehkan kita mempunyai satu peruntukan yang jelas yang cukup, yang tersusun, yang berkesan untuk menyokong empat lapisan atau 'layer' Mahkamah Syariah berbanding dengan tiga lapisan sedia ada, menyamai lapisan yang ada pada Mahkamah Sivil.



Penambahan Mahkamah Utama Syariah, kalau kita boleh 'relate'kan dengan kalau Civil berkaitan dengan Mahkamah Persekutuan, sebagai lapisan yang tertinggi akan beri peluang kepada mereka yang didapati bersalah ketika di Mahkamah Tinggi mempunyai peluang kedua membuat rayuan jika rayuan pertama mereka di Mahkamah Rayuan ditolak oleh hakim.

Dengan peluang kedua diberikan untuk mereka merayu dan akan didengar oleh barisan hakim yang lebih senior, yang sangat berpengalaman, kita yakin tertuduh akan lebih berasa lebih mendapat keadilan untuk dirinya.

Sesuai dengan firman Allah SWT;

وَإِنْ حَكَمْتَ فَأَحْكُم بَيْنَهُم بِالْقِسْطِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ

"Dan jika engkau menghukum maka hukumlah di antara mereka dengan adil kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil." Al-Maidah ayat 42.

YB. Tuan Speaker, saya difahamkan mendahului kita inilah Negeri Perak. Tapi saya baca dalam satu kenyataan baru-baru ini, Sabah juga telah meluluskan. DUN Sabah telah meluluskan penubuhan Mahkamah Utama Syariah pada Julai 2024 baru-baru ini. Mungkin belum lagi diwartakan dan kita menjadi negeri yang ketiga. Jika betul berbuat berbuat demikian pada hari ini, InsyaAllah sesungguhnya perkembangan ini adalah sesuatu yang cukup bermakna untuk menarik semua negeri di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan untuk mengambil langkah yang sama dalam masa yang terdekat.

Sejauh daripada itu, kita berharap penerokaan lebih meluas terhadap pelaksanaan undang-undang syariah akan terus dibuat. Bukan sahaja memartabatkan Mahkamah Syariah seperti yang sedang kita lakukan, bahkan kita berharap undang-undang syariah itu sendiri dimartabatkan kududukannya di negeri dan negara kita melalui usaha politik dan pentadbiran yang tersusun dan berterusan.

Cabaran dan halangan tentu ada, tetapi kita perlu ada keazaman dan usaha yang bersungguh-sungguh untuk meletakkan hukum Islam yang bersumberkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas pada tempatnya kerana kita yakin hanyalah pertolongan Allah SWT sahajalah yang akan menyelamatkan dan mensejahterakan manusia seluruhnya. Kerana DIAlah Tuhan kita, Tuhan yang menjadikan kita langit dan bumi serta seluruh alam dan DIAlah yang maha mengetahui akan kekurangan dan kelemahan kita. Kerana DIA yang bersifat maha pengasih dan maha penyayang, adil telah menyediakan peraturan dan undang – undang yang disampaikan melalui lidah Rasulullah SAW untuk kita patuhi demi kemaslahatan dan kesejahteraan kita dunia dan akhirat.



Sekian ucapan saya, sekali lagi saya menyokong rang undang – undang yang berbunyi Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Kedah 2024 diluluskan di dalam Dewan ini. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Ayer Hitam. Kita buka ruang sekiranya ada lagi YB. yang ingin berbahas.

YB. TS. DR. MOHD SUFFIAN BIN YUSOFF

Assalamualaikum YB. Tuan Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Jeneri, rakan – rakan Exco Kerajaan Negeri, rakan – rakan Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga rakan – rakan daripada agensi kerajaan. Seterusnya para pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati.

Alhamdulillah, kita bersyukur kehadapan Allah SWT pada pagi yang mulia ini, pada hari yang diberkati ini, diizinkan kita untuk membenteng satu enakmen iaitu pengukuhan kepada Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negeri kedah ini. Ini merupakan satu tindakan yang sampai kepada waktunya dan tepat pada masanya untuk kita sama – sama bagi melihat bahawa Islam itu tunjang dan tonggak kepada pentadbiran dan pengurusan khususnya kita di Negeri Kedah ini.

Pengukuhan Mahkamah Syariah ini satu tuntutan sebenarnya kepada kita semua khususnya dalam konteks kita memastikan bahawa keadilan itu nampak. Bukan hanya sekarang Nampak, keadilan itu tertegak sebagaimana yang kita harap-harapkan. Dan sesungguhnya bahawa Islam itu adalah adil, Islam itu adalah adil dan di antara sifat Allah Ta'ala juga adalah maha adil (Al 'adl). Oleh sebab itulah, pembentangan ataupun pindaan pengukuhan mahkamah syariah ini sangat tepat pada waktunya. Tuan-tuan, bagaimana Allah Ta'ala berfirman;

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ۗ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا
يَعِظُكُمْ بِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

“Sesungguhnya Allah menyuruh kalian semua supaya menyerah segala jenis amanah kepada ahlinya yang berhak yang berkeelayakan menerimanya dan apabila kalian menetapkan hukuman antara manusia, Allah menyuruh kalian menghukum dengan adil. Sesungguhnya, Allah dengan suruhannya itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kalian. Sesungguhnya, Allah sentiasa mendengar lagi maha melihat”.

Surah An-Nisa' ayat 58.



Enakmen Pentabiran Undang-Undang Islam 2024 ini merupakan satu tindakan yang sama-sama kita harapkan akan dapat dilaksanakan dengan baik oleh mereka yang berkeelayakan, InsyaAllah. Tuan-tuan, bagi memastikan bahawa mahkamah syariah dapat melaksanakan tugasnya dengan baik, ada beberapa asas yang penting perlu kita pertimbangkan. Termasuk yang pertamanya adalah kerangka perundangan itu sendiri. Dengan melihat kepada usaha-usaha untuk memperkukuhkan, memperkasakan undang-undang di mahkamah syariah ini agar ia tidak dipersoal dan dipertikaikan dan tidak mudah dipermainkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Kemudian, mahkamah syariah juga perlu mempunyai kuasa yang cukup untuk mengendalikan kes-kes yang berlaku di dalam masyarakat, di dalam negeri ini. Mempunyai kuasa yang cukup. Dan mahkamah ini bukan hanya sekadar untuk mengendalikan kes tetapi ia sebenarnya untuk mengadili semua orang. Semua orang termasuk yang dituduh dan juga termasuk yang menuduh.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, kemudian asas yang kedua kita melihat juga kepada kecekapan, termasuklah kecekapan kakitangan, hakim-hakim dan juga pegawai-pegawai yang berkaitan dengannya, yakni sumber manusia itu sendiri. Sebab itulah pengukuhan enakmen pentadbiran sangat penting kepada kita. Sumber manusia ini perlu ada pengetahuan dan juga prasarana yang berkaitan khususnya berkaitan dengan teknologi terkini. Pengetahuan berkaitan dengan teknologi terkini, mereka yang terlibat ataupun 'main player', pemain utama dalam mahkamah syarikat ini perlu berkembang pengetahuannya khususnya berkaitan dengan perkembangan teknologi terkini. Yang tuan-tuan sedia maklum bahawa teknologi terkini sangat cepat, pesat membangun. Sebab itulah keupayaan sumber manusia bagi mengendalikan kes-kes ini sangat penting. Khususnya kita lihat lambakan kes yang ada ini, yang perlu diselesaikan dalam masa yang cepat. Inilah pengurusan yang cekap.

Asas yang ketiga yang saya ingin nyatakan di sini bahawa pembiayaan yang mencukupi. Bagi mengendalikan kes-kes ataupun mengendalikan pentadbiran mahkamah syariah ini. Saya yakin, dengan pembentangan sebentar tadi, yang disokong oleh semua pihak, tidak ada bantahan. Saya yakin pindaan enakmen pentadbiran ini InsyaAllah, akan membawa kebaikan kepada semua orang, tak kira pelbagai bangsa ataupun lapisan masyarakat InsyaAllah, akan menerima keadilan daripada enakmen ini.

Tuan-tuan, bagi kita dalam membentangkan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Kedah Darul Aman Pindaan 2024 ini, kita mengharap satu pentadbiran yang cekap, kondusif, inklusif dan juga adil untuk semua, InsyaAllah. Saya yakin itulah Islam, adil untuk semua. Assalamualaikum Warahmatullah. Saya menyokong enakmen ini. Terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bandar Baharu. Sekarang saya persilakan pihak kerajaan untuk menggulung rang undang-undang tersebut.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, wassoala tuwassala muala rasulillah. Wa'ala alihi wasohbihi waman walah. 'Ammabaq.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli – ahli Yang Berhormat, ketua – ketua jabatan, tuan – tuan dan puan – puan sekalian.

Alhamdulillah, kita berada untuk sesi penggulungan Rang Undang – Undang Mahkamah Syariah Negeri Kedah untuk pembentangan pada pagi ini dan terima kasih kepada Ahli – Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan saya melihat setiap kali perbahasan, ada sahaja Ahli – ahli Yang Berhormat mengambil bahagian mulai daripada rang undang – undang yang pertama untuk perbelanjaan, masuk kepada pindaan pada undang – undang tubuh kerajaan negeri yang juga melibatkan mahkamah syariah dan yang ketiga rang undang – undang mahkamah syariah ini akibat daripada pindaan yang telah pun kita buat pada peringkat undang-undang tubuh dan penambahan kepada 'layer' keempat mahkamah utama syariah yang telah pun berada dalam undang-undang tubuh kerajaan.

Jadi, saya zahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli – ahli Yang Berhormat yang terlibat untuk membahaskan. Ini juga menunjukkan bahawa suatu yang kita bincangkan pada pagi ini suatu yang besar. Yang melibatkan undang-undang tubuh kerajaan negeri, melibatkan untuk kita memperkasakan mahkamah syariah, sama ada dari sudut pendakwaannya, dari sudut penghakimannya yang telah pun kita zahirkan dalam beberapa pindaan rang undang-undang yang telah pun dibentangkan dan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berbahas Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah Kedah 2024. Kita alu – alukan dan rakamkan setinggi ucapan penghargaan dan tahniah kepada semua yang telah membuat persediaan yang mengikuti, membaca pindaan – pindaan yang telah pun dicadangkan serta semuanya ini kita yakin memberikan kebaikan untuk menaik taraf Undang – Undang ataupun Mahkamah Syariah Negeri Kedah Darul Aman.



Tuan-tuan, puan – puan dan Ahli – Ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang – undang ini bertujuan untuk kita mengukuh pengurusan pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Selaras dengan perletakan penubuhan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah dengan pewujudan empat peringkat mahkamah syariah yang telah pun kita buat sebelum daripada ini serta menambah baik beberapa peruntukan sedia ada. Antara peruntukan utama yang terkandung dalam rang undang-undang ini adalah pertama, bidang kuasa dan kuasa empat peringkat Mahkamah Syariah iaitu Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah.

Kedua, penubuhan Lembaga Pelantikan Kehakiman Syariah yang bertanggungjawab mengesyorkan orang berkelayakan yang sesuai dan wajar dilantik sebagai hakim Mahkamah Utama Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah, dan Mahkamah Tinggi Syariah untuk pertimbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Ini juga disentuh oleh Yang Berhormat Pengkalan Kundor dan jugak Yang Berhormat Kota Siputeh, persoalan yang dibangkitkan dari sudut kelayakan pelantikan hakim untuk kita mengukur pengetahuan hukum syarak hakim yang berlatarbelakangkan undang-undang sivil yang berada dalam pelantikan untuk ketua hakim, pelantikan untuk hakim-hakim yang lain. Juga kriteria pelantikan hakim syarie kepada peguam syarie yang berpengalaman 20 tahun ke atas. Kalau kita mengikuti dalam buku ini, pindaan buku muka surat 97 untuk pelantikan ketua hakim syarie, pelantikan hakim mahkamah rayuan syariah dan sebagainya, kita bukan hanya perlu untuk tengok kepada sub perenggan 2B sahaja. Tetapi kita juga kena mengambil kira sub perenggan 2(1) iaitu dia telah berkhidmat sebagai pegawai syariah negeri. Kemudian, barulah diikuti dengan 2 (3) yang suatu masa dia berkhidmat di bawah sub perenggan 1 dan pada suatu masa lain berkhidmat di bawah sub perenggan 2.

Jadi, kita merasakan bahawa untuk sub Perenggan b(1) itu memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengetahuan terhadap undang-undang syariah apabila dia telah pernah berkhidmat sebagai pegawai syariah negeri. Dan sub Perenggan 9 2(b)(2) dan juga 10 2(b)(2) memperuntukkan kelayakan pelantikan hakim itu untuk mana-mana orang yang pernah berkhidmat dalam undang-undang sivil. Kita merasakan bahawa pengetahuan tentang supaya perkongsian kepakaran undang-undang sivil memandangkan terdapat juga isu-isu Mahkamah Syariah yang seringkali dicabar di peringkat Mahkamah Persekutuan.

Jadi, kita merasakan bahawa pelantikan ini khusus ataupun keutamaan telah pun berkhidmat sebagai pegawai syariah negeri itu sebagai untuk mengawal supaya ia diberikan keutamaan kepada mereka yang mempunyai kepakaran dalam latar belakang undang-undang syariah.



Walau bagaimanapun, perkara ini merupakan suatu perkara yang kita buat pindaan hari ini, mungkin selepas daripada ini di peringkat jabatan boleh mengadakan libat urus dengan agensi-agensi, dengan persatuan peguam dan sebagainya supaya kita boleh adakan penambahbaikan jika ada keperluan untuk enakmen yang kita bentangkan pada hari ini untuk kita membuat suatu penambahbaikan pada masa yang akan datang.

Kota Siputeh juga ada membangkitkan tentang penjawatan jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah. Untuk makluman, penambahan jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah adalah bergantung kepada waran jawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Setakat hari ini di peringkat negeri, JPA hanya meluluskan dua waran jawatan sahaja.

Dan Kota Siputeh juga membangkitkan tentang hakim, jumlah hakim sepertimana yang berada dalam Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Perak dan juga peguam syarie sebagai hakim tambahan, maka jumlah hakim telah pun diletakkan dalam peruntukan kita ini perkara 63(b)(1)(2) dan (3) yang memperuntukkan secara jelas bilangan hakim bagi Mahkamah Utama Rayuan dan juga Mahkamah Tinggi Syariah. Jadi, minima dia ada dan dia boleh ditambahkan kepada jumlah yang difikirkan perlu. Dan ruang kelayakan untuk dilantik tiada dalam peruntukan pelantikan ini kerana jawatan Mahkamah Tinggi Syariah dan juga Mahkamah Rendah Syariah adalah jawatan perkhidmatan awam untuk hakim. Jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan juga Hakim Mahkamah Rendah Syariah adalah jawatan perkhidmatan awam dan pelantikan tersebut adalah berdasarkan kepada pekeliling perkhidmatan sedia ada. Namun begitu, ruang dibuka untuk jawatan Hakim Mahkamah Utama dan Rayuan Syariah atas dasar kontrak untuk tempoh 3 tahun.

Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan yang dikemukakan saya rasa perlu juga untuk di peringkat jabatan kalau perlu ada penambahan mungkin boleh buat permohonan kepada pihak yang berwajib bagi kita menambah jawatan-jawatan hakim tersebut.

Untuk seterusnya, dalam perbincangan yang kita bincang hari ini juga, perluasan kuasa MAL Mahkamah Syariah daripada amaun dan nilai hal perkara yang dipertikaikan tidak melebihi RM100,000.00 dinaikkan kepada tidak melebihi RM300,000.00. Memandangkan klausa yang ada hari ini, mahkamah rendah hanya boleh bicarakan untuk perbicaraan kes yang tuntutan bawah daripada RM100,000.00. Tapi ia ni ramai orang kaya, mungkin kes-kes yang berada di peringkat mahkamah juga kes-kes tuntutan khususnya sepencarian melebihi RM100 ribu. Jadi, sebenarnya ia hanya boleh ataupun boleh ia dibicarakan di mahkamah rendah. Oleh kerana kita untuk persidangan kali ini, dicadangkan untuk kita angkat daripada RM100 ribu kepada RM300 ribu. Itu merupakan kes yang biasa.



Yang keempat, kuasa mahkamah syariah untuk menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh melalui online dan sebagainya teknologi baru, sepertimana disentuh oleh Yang Berhormat Bandar Baharu tadi, maka ini juga ada dalam peruntukan undang-undang dan kuasa mahkamah syariah untuk mengadakan suatu perkhidmatan elektronik bagi penerimaan, pemfailan, penyampaian, pengakuan terimaan, pengemukaan, penyimpanan apa-apa dokumen atau bayaran secara elektronik. Ini juga terkandung dalam enakmen yang kita bantangkan pada pagi ini.

Jadi, saya rakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh Ahli - ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan, saranan dan InsyaAllah, saya yakin jabatan akan mengambil kira pandangan-pandangan yang dikemukakan untuk suatu masa yang akan datang. Mungkin libat urus yang lebih kepada agensi-agensi yang terlibat. Moga-moga apa yang kita cadangkan pada hari ini untuk kita luluskan dan ia merupakan sejarah baru kepada Negeri Kedah Darul Aman apabila pindaan Undang – Undang Tubuh Kerajaan dan juga Rang Undang-Undang Mahkamah Syariah ini, kitalah antara negeri yang terawal. Sekian, saya menyokong rang undang-undang ini. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Exco.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan pentadbiran kehakiman Syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Satu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berhubung dengan pentadbiran kehakiman Syariah dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya”.



YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 1

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 3 – 7

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 – 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 3 – 7 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 8 – 11

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 8 – 11 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 8 – 11 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 12 – 15

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 12 – 15 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 12 – 15 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 16 – 19

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 16 – 19 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 16 – 19 ditetap menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 20 – 23

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 20 – 23 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 20 -23 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 24 – 27

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 24 -27 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 24 – 27 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 28 – 31

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 28 – 31 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 28 – 31 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 32 – 35

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 32 – 35 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 32 – 35 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 36 -39

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 36 – 39 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 36 – 39 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 40 – 43

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 40 – 43 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 40 - 43 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 44 – 47

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 44 – 47 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 44 – 47 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 48 – 53

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 48 – 53 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 48 – 53 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - JADUAL BAHAGIAN I

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Jadual Bahagian I menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Jadual Bahagian I ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - JADUAL BAHAGIAN II



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Jadual Bahagian II menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Jadual Bahagian II ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Jitra. Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024”.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.



YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam
(Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024.

**VI. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(KEDAH DARUL AMAN) (PINDAAN) 2024.**

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam
(Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024, dibacakan bagi kali yang pertama

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

Bacaan Kali Pertama

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah. Boleh tengok dalam warta jilid 67 muka surat 167 untuk versi Bahasa Melayu, muka surat 171 untuk versi Bahasa Inggeris.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan rang undang-undang bernama "Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008".

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker saya pohon menyokong cadangan itu.



TUAN SETIAUSAHA

“Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008”. **Bacaan Kali Pertama**

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.

Bacaan Kali Kedua

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER - SILAKAN

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024 seperti berikut:-

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menyelaraskan beberapa tafsiran dalam seksyen 2 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 9/2008*] sebagai suatu pindaan berbangkit selari dengan pemansuhan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 12/2008*] dan digantikan dengan enakmen yang baharu.

Pada masa yang sama, Rang Undang-Undang ini juga bertujuan untuk meminda seksyen 28 *Enakmen No. 9/2008* bagi memperluas perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis Agama Islam Negeri Kedah (“MAIK”) kepada **mana-mana orang** bagi penunaian mana-mana kewajipan atau penjalanan mana-mana kuasa MAIK. Cadangan pindaan ini adalah bagi melancarkan pengurusan pentadbiran MAIK dalam penjalanan kuasanya.



Rang Undang-Undang ini mempunyai tiga (3) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang berikut:

- (a) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan;
- (b) Fasal 2 bertujuan untuk meminda takrif tertentu dalam seksyen 2 Enakmen No. 9/2008, berikutan pemansuhan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 [Enakmen No. 12/2008] dan digantikan dengan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024; dan
- (c) Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 28 dalam subseksyen (1) dan (3) Enakmen No. 9/2008 untuk memperluas perwakilan kewajipan atau kuasa Majlis kepada mana-mana orang bagi penunaian mana-mana kewajipan atau penjalanan mana-mana kuasa Majlis.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon untuk mencadangkan. Terima kasih.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan. Silakan.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah rabbi 'alamin, wassalatu wasalla mualla rasulillah lil amin wa'ala alihi wa sahabihi ajma'in. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat ADUN, pegawai kerajaan serta pemerhati yang dikasihi sekalian.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan negeri yang telah berusaha mewujudkan dan meletakkan Mahkamah Syariah dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri dan kita merasakan satu kebanggaan kepada kita selain daripada Terengganu dan Perak. Terengganu telah meletakkan di dalam undang-undang tubuh kerajaan negeri adapun di Negeri Perak meletakkan empat 'layer' untuk mahkamah syariah.



Tetapi bagi Negeri Kedah, kita lebih hebat iaitu kita menggabungkan kedua-duanya sekali di dalam persidangan kita pada kali ini. Syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Kedah. Seterusnya, untuk kita nak memastikan supaya perjalanan Mahkamah Syariah kita berjalan dengan lancar terdapat beberapa fasal, fasal pertama dan fasal yang kedua di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Kedah. Kemudian, saya ingin menyebut dalam pindaan seksyen yang ke 28 daripada Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri Kedah 2008. Daripada 89 seksyen itu, kita nak pinda satu seksyen, iaitu seksyen 28(a) subseksyen 1 dan (b) subseksyen 3.

Di dalam seksyen 1 menyatakan bahawa hendaklah menjadi kewajipan Majlis, iaitu Majlis Agama Islam untuk menggalakkan, mendorong dan membantu dan mengusaha kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Kedah Darul Aman selaras dengan hukum syarak. Dalam seksyen 7(2), Majlis hendaklah mempunyai kuasa bagi maksud menunaikan kewajipan di bawah subseksyen 1, iaitu terdapat 8 kuasa yang telah diberikan kepada Majlis untuk dilaksanakan.

Antaranya ialah (a), menjalankan segala aktiviti yang tidak melibatkan apa-apa unsur yang tidak dibenarkan dalam agama Islam khususnya memajukan perusahaan komersial dan perindustrian. (d), untuk melabur dalam apa – apa pelaburan yang dibenarkan (e), untuk menubuhkan apa – apa skim bagi memberi pinjaman daripada Baitulmal kepada individu beragama Islam bagi pendidikan tinggi.

Sehinggalah ada lapan tugas dan kewajipan Majlis untuk dilaksanakan. Yang terakhirnya (h), untuk melaksanakan segala perbuatan yang difikirkan oleh Majlis dikendaki ataupun sesuai dengan manfaat. Jadi, maknanya yang ke (h) ini, yang ke-8, memberi satu ruang yang lebih luas lagi usaha yang perlu dilakukan oleh Majlis. Jadi, kuasa Majlis ini terlalu banyak, terlalu besar, tetapi apa yang terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam ini seolah menyekat untuk kita nak berusaha, nak berurusan lebih luas lagi. Dengan dihadkan dalam seksyen 28(a) dan 28(b) itu, hanya Majlis boleh melalui ketetapan dan tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis mewakilkan kepada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Setiausaha ataupun mana-mana Jawatankuasa Majlis dalam menunaikan kewajipan ataupun menjalankan kuasa tersebut.

Iaitu kuasa ini hanya diberikan kepada Yang Dipertua Majlis, Timbalan Yang Dipertua Majlis, Setiausaha Jawatankuasa Majlis sahaja. Jadi, kita fahami Yang Dipertua Majlis ialah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Syarafuddin Badlishah Ibni Sultan Salehuddin, Raja Muda Kedah. Adapun Setiausahanya ialah Yang Dipertua Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, hendaklah menjadi Setiausaha Majlis.



Kemudian, jawatankuasa – jawatankuasa yang ada dalam Majlis ini pula daripada Mufti, kemudian daripada Ketua Hakim Syarie, Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang dan Pegawai Kewangan Negeri.

Jadi maknanya, kesemua yang ada dalam Jawatankuasa Majlis ini semuanya mempunyai komitmen dan kerja mereka yang tersendiri. Maka, dicadangkan supaya ditambah di dalam seksyen 28 ini iaitu dengan perkataan mana-mana orang. Iaitu pihak Majlis boleh mencadangkan sesiapa yang sesuai, sesiapa yang patut untuk melaksanakan, untuk melakukan tugas-tugas yang begitu banyak yang ada dalam Majlis. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis kerana pihak Majlis telah berjaya dalam tahun ini sahaja mengikut rekod yang kita dapat melalui sumbangan yang telah diberikan oleh Baitulmal. Iaitu yang berada salah satu daripada usaha yang dilakukan oleh Baitulmal yang berada di bawah pihak Majlis, iaitu tugas mereka yang begitu banyak. Tugas Baitulmal ini antaranya adalah untuk harta pusaka, kemudian 'luqatah', perkara-perkara yang jatuh dan hilang, wang dan harta yang tidak patuh syariah, kemudian wang yang tidak dituntut, hisbah dan wasiat, infaq fi sabilillah.

Semuanya berada di bawah bidang kuasa Baitulmal dan usaha yang dilakukan oleh Baitulmal ini begitu banyak dan tentulah ia perlu kepada mereka-mereka yang disebutkan ini, mana-mana orang yang ada kemampuan untuk konsep "*wa ta'awanu alal birri wa taqwa*", iaitu ta'awun bantu ke arah kebaikan dan ketakwaan, maka pihak Majlis boleh melantik sesiapa yang dianggap sesuai dan perlu untuk melaksanakan kerja-kerja ini demi memastikan supaya ekonomi dan kehidupan umat Islam ini terjamin.

Antaranya program yang dilakukan oleh Baitulmal ini saya ucapkan terima kasih kepada pihak Baitulmal yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Syarafuddin Badlishah Ibni Sultan Salehuddin, Raja Muda Kedah yang telah melaksanakan beberapa program dan sumbangan khususnya 18 Jun 2024 baru – baru ini telah pergi ke kawasan saya di Pokok Sena untuk menyampaikan sumbangan Majlis Penyerahan Daging Korban dan Sumbangan Baitulmal 1445 di Masjid Al-Kausar Bukit Payung. Kemudian sumbangan pada 28 Mac, sumbangan Hari Raya Aidilfitri di Masjid Sungai Layar dengan bantuan kepada 120 penerima, semua ibu tunggal, anak yatim dan sebagainya. Anggarannya lebih kurang RM50,000 keseluruhan sumbangan untuk Hari Raya Aidilfitri sahaja, iaitu RM636,000 diberikan.

Kemudian, menurut Ketua Bahagian Baitulmal, Syeikh Ahmad Zaki Ghazali iaitu menyediakan 11 kabin guru kelas, kelas kabin guru, kelas Al-Quran dan Fardhu ain KAFA sejak 2022 hinggalah 2024, keseluruhannya hampir RM300 ribu.



Jadi, maknanya sumbangan yang diberikan begitu banyak dan kita mengharapkan dengan kita mengubah sedikit daripada seksyen 28 ini, maka ia akan menjana pendapatan yang lebih banyak kepada Baitulmal dan khususnya kepada Majlis dan InsyaAllah, sumbangan-sumbangan ini akan dapat diberikan lebih banyak lagi. Dengan ini, saya menyokong supaya pindaan seksyen 28 ini dilakukan di dalam rang undang-undang ini. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Lada. Sekarang dipersilakan pihak kerajaan untuk menggulung rang undang-undang tersebut.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Yang Berhormat Speaker, harap Ahli-ahli Yang Berhormat semua jelas dengan apa yang dibahaskan oleh YB. Bukit Lada sebentar tadi. Terima Kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008”.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 1

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 3

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 3 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. TUAN PENERUSI

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024”.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam
(Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024.



VII. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (KEDAH DARUL AMAN) (PINDAAN) 2024.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024, dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

Bacaan Kali Pertama

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah. Boleh rujuk warta muka surat 175.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan rang undang-undang bernama "Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008".

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BT HAJI GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA

"Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008". **Bacaan Kali Pertama**

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.



Bacaan Kali Kedua

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024 seperti berikut:-

Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan beberapa tafsiran dalam seksyen 2 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 11/2008*] sebagai suatu pindaan berbangkit selari dengan pemansuhan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 12/2008*] dan digantikan dengan enakmen yang baharu.

Pada masa yang sama, Rang Undang-Undang ini juga bertujuan untuk meminda seksyen 37 Enakmen No. 11/2008 berkenaan gangguan seseorang yang menghalang lelaki atau perempuan yang telah mencapai umur untuk berkahwin dengan sah. Pindaan ini adalah bagi menyelaraskan dengan pindaan yang telah dibuat melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2022 [*Enakmen No. A51/2022*] bertarikh 8 September 2022 yang telah menaikkan had umur perkahwinan seseorang perempuan daripada enam belas tahun kepada lapan belas tahun melalui seksyen 8 dan seksyen lain yang berkaitan.

Rang Undang-Undang ini mempunyai empat (4) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang berikut:



Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas Enakmen dan bertujuan untuk memberi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan kuasa untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Enakmen ini;

Fasal 2 bertujuan untuk meminda dan memotong beberapa takrif dalam seksyen 2 Enakmen No. 11/2008;

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 37 Enakmen No. 11/2008 bagi menggantikan perenggan (b) untuk menyelaraskan dengan pindaan yang telah dibuat kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2022 [Enakmen No. A51/2022]; dan

Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon untuk mencadangkan. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BT HAJI GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

Diminta Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berbahas.

YB. PUAN SHAMSILAH BINTI SIRU

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, para Exco, Ahli – Ahli Yang Berhormat, ketua – ketua jabatan dan tuan – tuan dan puan – puan yang saya hormati sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024.

Ada beberapa berlaku perubahan istilah seperti di pindaan Seksyen 2, pindaan Seksyen 37 dan pindaan jadual kedua di muka surat 175, kita bersetuju dengan perubahan istilah ini untuk penambahbaikan. Saya cuma ingin menyentuh mengenai pindaan Seksyen 37 yang menggantikan perenggan (b) dengan perenggan berikut, “untuk menahan seorang lelaki atau seorang perempuan yang telah mencapai umur 18 tahun daripada berkahwin



dengan sahnya.” Jika dulu perenggan ini berbunyi, “untuk menahan seorang lelaki yang telah mencapai umur 18 tahun atau seorang perempuan yang telah mencapai umur 16 tahun dan berkahwin dengan sahnya.”

Perubahan umur dari 16 ke 18 tahun ini bagi kedua – dua lelaki dan perempuan yang ingin berkahwin adalah suatu keputusan yang baik dan rasional. Sidang DUN Negeri Kedah pada 18 Julai 2022 yang lalu, telah meluluskan pindaan RUU Enakmen Keluarga Islam ini termasuk menaikkan had umur berkahwin bagi perempuan Islam dari 16 tahun. Namun begitu, di bawah RUU ini, perempuan Islam di bawah usia 18 tahun masih boleh berkahwin dengan keizinan Mahkamah Syariah Negeri Kedah. Walaupun had umur perkahwinan di Malaysia berbeza – beza antara satu negeri dengan negeri yang lain, kerajaan sedang giat menjalankan usaha untuk menyelaraskan usia perkahwinan pada 18 tahun bagi lelaki dan wanita. Buat masa ini, terdapat negeri yang menetapkan umur perkahwinan yang lebih rendah seperti 16 tahun, seperti di Perlis, Pahang, Pulau Pinang, terutamanya bagi perempuan. Maka Negeri Kedah menjadi antara negeri yang terkehadapan dalam melakukan perubahan kepada isu ini dalam RUU Keluarga Islam.

Di kesempatan ini juga saya ingin menyentuh sedikit mengenai isu yang dibenarkan berkahwin di usia 18 tahun ini atas beberapa sebab yang rasional. Yang pertamanya, isu pemantapan ekonomi sesebuah rumah tangga di awal perkahwinan. Kebanyakan kes perceraian yang berlaku pada hari ini adalah disebabkan oleh masalah ekonomi, pendapatan yang tidak tetap dan peningkatan kos hara hidup dan sebagainya. Usia 18 tahun adalah waktu yang dikira mereka ini baru nak menamatkan waktu persekolahan sekolah menengah atau waktu untuk mula melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, perubahan umur ini adalah untuk mengelakkan kes perceraian di usia muda yang berpunca daripada sikap tidak matang, tidak dapat mengawal emosi, masih bergantung kepada ibu bapa dan sebagainya.

Contohnya di Langkawi, bagi bulan Julai 2024, kes cerai adalah sebanyak 22 kes yang dilihat sebagai agak tinggi dalam sesuatu bulan itu. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Speaker, bila kita turun sendiri menyantuni permasalahan rakyat bila melihat sendiri beban, sengsara yang ditanggung oleh si isteri ataupun kaum ibu, antaranya tiada sumber pendapatan untuk membesarkan anak bila ditinggalkan oleh suami, digantung tidak bertali, kes anxiety, gangguan jiwa di usia muda, terpaksa meninggalkan anak – anak kepada ibu bapa yang telah tua untuk menjaga dan sebagainya, maka kita juga kadang – kadang menjadi penyumbang kepada kes perceraian tersebut.

Maksud saya, bila turun berjumpa dengan kes-kes ini, kita memang tengok statistik perceraian itu tinggi tapi kita juga menasihati mereka untuk cerai. Bukan maksud saya, faham kot maksud saya no? Bukanlah ADUN ni menjadi punca kepada peningkatan statistik perceraian tu.



Tapi bila tengok kes tu, kita kata elok lah, “hampa bercerai saja lah”. So, bulan lepas sahaja tiga kes yang saya bawakan kepada Pegawai Agama Daerah Langkawi, Tuan Syeikh Lukman bin Ishak, untuk mendapat nasihat berkaitan kes-kes yang berlaku di Langkawi. Jadi, antaranya adalah perkahwinan di awal usia ni lah.

Yang seterusnya berkaitan isu keluarga ini juga, saya ingin menyentuh mengenai kes-kes bunuh. Nak sebut pun takut ni, yang berlaku melibatkan wanita dan anak-anak yang dilihat semakin serius dan mengerikan. Selisih faham saja bunuh, cemburu bunuh, rogol bunuh. Di manakah rasionalnya? Kewarasan manusia sekarang bila masalah yang membelenggu tidak dapat diselesaikan, maka manusia lebih mudah memilih jalan pendek untuk menyelesaikan masalah yang sebenarnya ia adalah permulaan kepada masalah yang lebih sukar dan panjang.

Maka kita menyeru agar mahkamah syariah ini sentiasa lebih diperkasakan, lebih dimudahkan, mempercepatkan kes-kes yang tertangguh sekian lama yang mengganggu emosi dan perjalanan hidup terutamanya wanita atau si isteri bila berlakunya kes-kes cerai dalam sesebuah keluarga. Saya juga nak ucapkan terima kasih kerana memilih saya untuk menjadi pembahas di atas tajuk ini yang telah menyebabkan saya terpaksa membaca keseluruhan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah Darul Aman tahun 2008 yang mempunyai 130 seksyen yang memberi idea dan ilmu kepada saya untuk menjawab isu ini dan permasalahan rakyat ini yang lebih baik di Kawasan, Insyallah.

Maka dengan ini, saya menyokong pindaan di dalam RUU Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedah Darul Aman pindaan 2024. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Ayer Hangat. Nak panggil YB. Ayer Hangat pergi selesai kes rumah tangga ni bahaya. Dia kira mudah saja, cerai saja (sambil ketawa). Ada lagi tak pembahas? Kalau tak ada.... Oh! Lunas nak?

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Boleh ya, YB. Tuan Speaker?

YB. TUAN SPEAKER

Jangan panjang sangat noh?



YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Depa kata nak bagi cukup sampai pukul 1.00. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker. Dia nak sebut Dato' jugak. Yang Amat Berhormat Jeneri, Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ketua – ketua jabatan, tuan-tuan dan puan - puan yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, hari ni kita mendengar perbahasan dari pagi tadi lah, semua bab syariah saja lah. Tapi saya nampak Yang Amat Behormat Jeneri ceria berbanding selalu. Ini ayat umum, umum. Baik. Saya pun ambil ayat yang disuarakan oleh YB. Ayer Hangat juga tadi. Kita tidaklah mahir dalam bidang syariah, tapi terpaksa membaca enakmen syariah ni daripada malam sampai subuh. Jadi, nak hadam tu tak lah, tapi sikit-sikit tu boleh lah. Dia macam YB. Ayer Hangat, dia senang tadi. Dia punya cadangan untuk penyelesaian masalah tu cepat. Macam kita ni lambat lah sikit.

Baik, apapun enakmen ataupun Pindaan Rang Undang-Undang Keluarga Islam ni amat baik dan perlu kita perhalusi mengikut kepada kesesuaian peredaran zaman. Kerana dalam pindaan ini, tadi dinyatakan juga had umur untuk berkahwin ini dinaikkan daripada 16 ke 18. Saya bersetuju, atas beberapa faktor kerana kalau kita lihat definisi kepada perkahwinan itu sendiri, perkahwinan kanak-kanak itu sendiri, dia rujuk kepada sebarang perkahwinan rasmi atau tidak rasmi di mana pasangan seperti telah berkahwin antara kanak-kanak di bawah umur 18 dengan orang dewasa atau kanak-kanak yang lain.

Kalau kita lihat kepada masalah rumah tangga yang berlaku pada hari ini, kalau ambil daripada data daripada mahkamah syariah, jumlah peningkatan perceraian itu amat tinggi. Kalau hari itu semasa taklimat dengan Ketua Hakim Syarie ini dimaklumkan Kedah sahaja satu tahun lebih kurang 15,000 kes. Dan kalau kita buat perincian kepada peringkat umur, rata-rata pasangan yang bercerai ini adalah terdiri pada golongan muda. Dan apabila perkahwinan itu tidak berlandaskan kepada syarat-syarat ataupun persiapan terutama pada diri sendiri, bukan sahaja persiapan dari segi materialistic, tapi persiapan dari segi dalaman diri, maka ianya mudah membuka ruang kepada berlakunya perceraian.

Mujurlah hari ini, bukanlah hari ini, Allah SWT tu bagi hak cerai tu kepada lelaki. Kalau dibagi kepada perempuan, Allah hu'alam, sehari berapa kali kena cerai, saya pun tak taulah. Ini hukum-hukum! Hukum! Yang Berhormat Merbau Pulas, itu hukum. Sebab Allah ciptakan lelaki ni 9 akal, 1 nafsu dan wanita ni 9 nafsu, 1 akal. Tapi yang 1 akal ni, dia banyak akal, lelaki ini.



Baik. Kenapa juga saya katakan tadi perceraian itu apabila pernikahan itu berlaku terlalu usia muda? Yang pertama, kalau kita izinkan perkahwinan ini pada usia muda, kita akan mendedahkan satu, kepada keganasan rumah tangga. Yang ni banyak kena kepada wanita lah, penderaan rumah tangga. Kemudian, dia akan mengalami masalah perkembangan emosi dan psikologi yang terganggu. Bila dia kahwin terlalu muda juga, terutama sekali di usia yang dia masih lagi menuntut ilmu. Sebagai contoh di sekolah, kalau dia berkahwin 16 tahun, 16 ni, tingkatan 4. Bila dah berkahwin ni, tumpuan dia lebih kepada rumah tangga, maka dia ada peratusan yang tinggi tercicir ke sekolah.

Jadi, bila tidak ada pendidikan, dia akan membuka ruang yang lebih luas kepada masalah kemiskinan. Sebab kemiskinan ini boleh diubah salah satunya dengan ilmu. Kalau wanita itu sendiri, dia dah berkahwin muda, dia dah tak belajar. Bila tak belajar, mana dia nak datang ilmu tu? Bila tak datang ilmu, maka kadar kemiskinan kita akan menjadi lebih tinggi. Oh! 10 minit lagi no YB Speaker, jenuh goreng.

Kemudian, perkahwinan awal usia muda ni juga, ia akan mendedahkan ibu itu kepada komplikasi semasa mengandung dan melahirkan. Kalau kita tengok data-data di kementerian kesihatan itu sendiri, banyak terjadinya kes kematian terutama kepada ibu dan anak itu berlaku pada usia ataupun kandungan yang maknanya berkahwin muda. Ibu-ibu muda ini terdedah. Kerana mungkin dia tidak diberikan pendedahan dalam soal kesihatan dan menguruskan rumah tangga. Jadi, mudah berlakunya kepada masalah kematian kepada ibu dan juga anak.

Yang Berhormat Speaker, justeru itu satu kajian perlu dibuat bagi memastikan pindaan kepada enakmen undang-undang ni benar-benar memberikan kesan kerana mungkin kesesuaian untuk kita kata perkahwinan awal usia ni zaman mak ayah kita, tok, tokwan kita mungkin sesuai kerana waktu tu peredaran zaman dia berbeza dengan kita. Tapi hari ni, had pada perkahwinan itu perlu ditetapkan kepada umur 18 tahun. Sekurang-kurangnya kalau kita mengundi sekali pun had yang ditetapkan adalah syarat 18 tahun kepada yang boleh mengundi. Maknanya pemikiran, tahap matang itu sudah ada pada umur 18 tahun. Jadi, apa juga keputusan-keputusan yang nak dibuat, terutama dalam rumah tangga ini, dia akan berfikir lebih Panjang lah daripada kita meletakkan satu had usia 16 tahun ini adalah satu had yang amat tidak sesuai.

Justeru itu, apa juga pindaan yang dibuat dalam Enakmen Undang-Undang Syariah ini, daripada awal pembentangan sehinggalah sekarang ini, tujuannya adalah pertama untuk memperkukuh serta memperkasakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam itu sendiri. Yang kedua, untuk memastikan tidak berlaku ketidakadilan ataupun kezaliman kepada mana-mana pihak. Adil itu, ataupun adil yang diwajibkan itu adalah berkonsepkan 'samawi' iaitu perintah Allah yang melengkapkan segala hubungan manusia dengan kehidupannya dan mengatasi undang-undang ciptaan manusia itu sendiri.



Firman Allah SWT:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۗ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

Maksudnya; “Sesungguhnya Allah menyuruh kalian berlaku adil dan berbuat kebajikan serta memberi bantuan kepada kaum kerabat dan melarang daripada melakukan perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Dia mengajar kalian dengan suruhan dan larangannya, supaya kalian mengambil pernyataan dengan mematuhihinya”.

Surah An-Nahl Ayat 90.

Justeru itu, apa jua pindaan yang kita persetujui, apa jua pindaan yang kita akan buat dan kita sokong mestilah selari dengan perintah Allah SWT agar kita dapat berlaku adil terhadap setiap peruntukan undang-undang yang kita akan laksanakan.

Justeru itu, saya mohon menyokong Pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kedah. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Lunas. Sekarang dipersilakan pihak kerajaan untuk menggulung rang undang-undang tersebut.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada Ahli – ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan. Walaupun pindaan kita ini hanya pindaan untuk perubahan – perubahan yang kita buat hasil daripada pindaan enakmen yang telah pun berlaku sebelum ini. Jadi, pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, jabatan – jabatan akan ambil perhatian. Terima kasih Yang Berhormat Sepaker.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Exco. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008”.



YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008”.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 1

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 3

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

[Dipersetujui]

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 3 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO’ USTAZAH HJH. SITI ASHAH BT GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga sekarang dan diluluskan.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024”.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.

YB. TUAN SPEAKER

Oleh kerana semua atur cara mesyuarat pada hari ini telah selesai dijalankan, maka saya dengan ini menangguhkan persidangan Dewan pada jam 9.00 pagi esok.

[Sidang Dewan ditangguhkan pada jam 1.20 petang]



[Sidang Dewan pada 26 Ogos 2024 - Hari Kedua Persidangan]

YB. TUAN SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan Doa.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, hari ini Dewan Undangan Negeri Kedah telah menerima kunjungan sebagai pemerhati daripada Majlis Ikatan Mahasiswa Darul Aman (MIMDA), Pasukan Peguam daripada undang-undang dan hak asasi manusia Negeri Kedah dan Persatuan Pesuruhjaya Sumpah Kedah/Perlis.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

I. SAMBUNGAN SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi Pertanyaan-Pertanyaan Mulut.

YB. TUAN SPEAKER

Sat Tokai Nak tengok yang nak jawab belum sampai Ada dah? Alhamdulillah. Jadi silakan Yang Berhormat Tokai.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 7.



**7. YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN
[ADUN TOKAI]**

Kadar jumlah hujan semasa tahun ini berkurangan iaitu pada kadar 1/3 sahaja berbanding tahun sebelum ini. Jangkaan Jabatan Metereologi untuk tahun hadapan kemarau akan dihadapi agak panjang, jadi apakah persediaan Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) di dalam menghadapi situasi ini?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan yang Berhormat Exco.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Menteri Besar. Ahli – ahli yang Berhormat. Ketua – ketua jabatan. Seterusnya para pemerhati sekalian.

Menjawab soalan ini, Yang Berhormat Tokai berhubung dengan jangkaan Jabatan Meteorologi untuk tahun depan dijangka kemarau panjang dan bekalan air dijangka berkurangan. *HasbunAllah wa ni'mal wakil, ni'mal mula wa ni'mal nasir wa la hawla wa la quwwata illa billahi al-azim*. Untuk tujuan itu, Lembaga Sumber Air diamanahkan untuk menjaga sumber air ini.

Lembaga Sumber Air Negeri Kedah ataupun LSANK telah dan melakukan beberapa tindakan dan juga akan meneruskan tindakan itu antaranya pertama ialah membuat simpanan air secara maksimum, untuk memastikan takungan mencukupi untuk menghadapi musim kemarau.

Yang kedua ialah, mengawal pelepasan air dari empangan untuk kegunaan domestik, pertanian dan industri. Pelepasan air ini dibuat mengikut SOP yang tertentu, yang bukan boleh dilepaskan bergitu sahaja.

Untuk jangka pendek, Lembaga Sumber Air insyaAllah akan terus berusaha dengan melakukan pembenihan awan. Dan untuk makluman Dewan, pada 31 Julai, 29 hingga 31 Julai yang lepas, Lembaga Sumber Air dengan Jabatan Meteorologi dan juga NADMA telah melakukan pembenihan awan, operasi pembenihan awan, OPA.



Dan Alhamdulillah, hasil daripada operasi tersebut, empangan muda yang sebelumnya mencapai 1.15 juta meter cube dapat meningkat sehingga 3.05 juta meter cube.

Yang Berhormat Speaker, yang kedua, jangka panjang. Jangka panjang, Lembaga Sumber Air atau LSANK telah memohon kepada Kementerian Tenaga dan Transformasi Air iaitu PETRA untuk cadangan Pembangunan Kolam Takungan Air Pinggiran Sungai atau ringkasnya disebut TAPS.

Ada 27 tapak yang dicadangkan dan dalam RMK12 ini telah diangkat 4 tempat. 4 permohonan untuk diadakan takungan air pinggiran sungai ini. Dan selain itu Lembaga Sumber Air juga bercadang untuk memohon lagi untuk RMK13 bagi diadakan TAPS ini. Dan juga satu lagi ialah usaha empangan rendah untuk membina empangan rendah di beberapa tempat di muka sawah yang kita harap bila dibina empangan rendah ini, paras air akan meningkat. Dan pump di muka sawah SADA itu tidak tergantung dan bekalan air akan sentiasa kita harap mencukupi untuk diproses menjadi air terawat.

Ini yang disebut oleh Yang Amat Berhormat, Menteri Besar sebelum ini yang kata belat sungai kita nak sekat dengan blok – blok konkrit untuk memastikan bekalan air mencukupi di muka sawah untuk diproses oleh SADA.

Berikutnya sebagai satu usaha Lembaga Sumber Air juga menyediakan atau telah melakukan beberapa buah telaga tiup untuk dibekalkan ke tempat-tempat tertentu. Bergantung kepada pematuhan syarat syarat teknikal dan setakat ini telah banyak juga yang telah dibuat dan kita harap insyaallah dari masa ke semasa dapat dipertingkatkan.

Selain itu Lembaga Sumber Air Negeri Kedah juga berharap oleh kerana kita telah mendapat maklumat awal daripada jabatan meteorologi dan juga daripada Jabatan Meteorologi dan juga daripada NAHRIM bahawa tahun depan ini akan jadi kemarau panjang kerana air berkurangan. Kita harap seluruh rakyat dapat mengambil sikap yang lebih berhati-hati, berhemah dalam penggunaan air.

Sebab setakat ini mengikut kajian dilaporkan rakyat Malaysia menggunakan air yang banyak, melebihi daripada yang dicadangkan oleh WHO. Pertubuhan Kesihatan Sedunia mencadangkan seorang satu hari sepatutnya pakai 165 liter sehari. Tetapi hari ini rakyat Malaysia secara umumnya menggunakan air sebanyak 219 liter sehari.

Jadi kita nak kena ubah sikit sikap supaya kita lebih berhemah berjimat menggunakan air mudah-mudahan dengan itu dapat memastikan kemampuan sumber bekalan air ini. Dan akhir sekali sebagai seorang Islam, kita berdoa lah, kita sembahyang sunat istisqaq. Bila mana hujan tak turun lama, bila mana kemarau sebagai satu ikhtiar dan doa kepada Allah SWT. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Speaker.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih yang Berhormat. Soalan tambahan.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN.

Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Kuala Nerang. Tuan Speaker, satu – satunya sumber air pada bumi ini adalah melalui hujan. Sebab itu negara – negara yang tidak mempunyai hujan menghadapi masalah bekalan air. Tapi kecerdekan yang Allah Ta'ala beri manusia ini, dia boleh kumpul air itu buat empangan. Kita ada banyak empangan di negeri Kedah ini. Dan baru – baru ini, Yang Berhormat Menteri Besar pun dah pi ke Beris nak tgk empangan dan nampaknya bila musim kemarau panjang empangan kia ni akan surut. Dan pernah belaku dalam sejarah empangan kita ni berada dialam keadaan kritikal. Jumlah airnya berlaku kurang sampai kubur beratus tahun pun timbul.

Soalan yang saya nak tanya, apakah tahap yang paling kritikal yang sepatutnya empangan kita ni boleh berada dalam simpanan air tu dan bilakah pernah berlaku dalam sejarah yang paling teruk lah empangan kita ni mendapat simpan air?

Dan yang keduanya, apakah usaha kita untuk memujuk sahabat – sahabat kita yang dok sebelah sana tu supaya hampa ambil air? Bayar la. Sampai ke la tak bayar lagi. Kita harap usaha ni akan berterusan lah supaya sumber tanah negeri ni dapat ditambah melalui talian air.

Kerana hutan kita tak boleh nak terbang lah nak dapat sumber tu. Minta Kuala Nerang menjawab, terima kasih Tuan Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan yang Berhormat Exco.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih yang Berhormat Tokai atas soalan. Mengikut rekod yang ada khususnya pihak MADA paras kritikal atau paras paling rendah daripada tahun 1974 hingga tahun 2023 di 3 empangan ni, yang paling kritikal berlaku bukan sekarang mengikut pengalaman MADA dilaporkan, dipahamkan oleh saya ketika saya melawat baru-baru ni fenomena nampak kubur ni ialah satu fenomena yang berlaku biasanya 4 tahun sekali. Jadi apa yang berlaku hari ni bagi MADA disifatkan sebagai normal dan bukan lagi kritikal.



Yang kritikal yang paling teruk seperti yang ditanya oleh yang Berhormat Tokai tadi ialah berlaku pada tahun 1978, 6 bulan 3 ketika itu paras terendah ialah 274.5 kaki. Dengan paras paling rendah 2.7% pada ketika itu berbanding dengan paras kemarin 290 kaki dengan 24 juta meter padu 15.74%.

Sebelum ini dilaporkan 7% tak seteruk pada tahun 1982. Maafkan saya 1978. Kemudian di empangan Pedu pada tahun 1982, 15 haribulan 4, 11.21% tetapi paras kemarin 34.29%. Dan di Ah Ning pada 29 haribulan 3 2005, parasnya 293.79 kaki 74.24 juta meter padu. 27% ketika itu. Dan kemarin di Empangan Ah Ning 353 kaki dengan 216 juta meter padu 78.53%.

Jadi Alhamdulillah hari ini kita tengok paras air ini semakin meningkat dan mengikut unjuran pihak MADA, insyaAllah kita akan dapat simpan sehingga hujung Mac sebanyak 678 juta meter padu. Dan boleh menampung untuk musim pertama tahun 2025. Kita harap selepas itu insyaallah akan ada lagi hujan dan mengikut laporan yang difahamkan kepada saya insyaallah keadaan ini akan boleh di himpun, disimpan air ini untuk memastikan bekalan ini mencukupi.

Yang kedua ditanya oleh yang Berhormat Tokai berhubung dengan bayaran kepada kerajaan negeri. Untuk makluman dewan, sekali lagi saya ulang bahawa SADA selaku operator pengeluaran air memang kena bayar kepada LSANK atau Lembaga Sumber Air Negeri Kedah bagi pihak kerajaan Negeri Kedah sebanyak 3 sen, 3 duit untuk 1 meter padu. Dah lama mula bayar. Cuma jiran kita setakat ini di Pulau Pinang belum dan tidak membayar walaupun 1 sen kepada Negeri Kedah, walaupun satu sen kepada negeri Kedah, walaupun air yang digunakan banyak, sampai 84% sumber air itu daripada negeri Kedah.

Dan usaha untuk mendapatkan bayaran ini sebenarnya bukan baru dan mula sejak lama, 2012 lagi, berterusan dibuat dan sekarang pun masih kita usaha. Cuma harapan kami harapan pihak kerajaan negeri Kedah khususnya, mudah-mudahan pihak kerajaan Pulau Pinang dapat pertimbangkan dan dapat buat bayaran lah. Kalau kita selaku SADA ini anak syarikat kerajaan negeri sendiri di bawah MBI dan sebagainya juga membayar kepada LSANK, apalah pula jiran kita yang mengambil sumber air daripada kita, yang kita tadah, yang kita jaga, kawasan hutan kita tadahan air dan sebagainya yang kita tak boleh membalak kita tak boleh buat operasi lain-lain. Jadi kita harap mudah-mudahan dan sungguh-sungguh supaya dapat dipertimbang dan dibayar seperti mana SADA membayar kepada LSANK. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. TUAN SPEAKER



Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan Tambahan. NAHRIM meramalkan kemarau berpanjangan daripada tahun 2025 hingga 2035. Apakah langkah yang diambil sebagai persiapan untuk menghadapi dan memastikan kelestarian air ini dan juga sekuriti makanan terjamin terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat Exco.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih Muhammad Tokai saya ingat sebahagian besar jawapan telah diterangkan tadi, langkah-langkah untuk kita terangkan tadi, langkah-langkah untuk kita maaf, Tanjung Dawai. Selain daripada itu saya faham soalan ini ditujukan sebab Tanjung Dawai menghadapi masalah air agak kritikal, bagi setengah - setengah tengah tempat, bukan semua, tetapi ada langkah-langkah, pelan tindakan jangka pendek diambil oleh SADA.

Bagi kita, sumber air ini insyaallah akan ditakung, disimpan oleh pihak LSANK dan yang saya sebut tadi TAPS ataupun Takungan Air Pinggir Sungai ini bila dilaksanakan dalam RMK-12 ada lagi setahun kemudian RMK-13 ada lagi masa kita harap bila banyaknya takungan-takungan ini kita dapat simpan air yang banyak. Dan pada masa yang sama loji-loji rawatan air kita yang sedang dibina sekarang ini siap dan insyaallah masalah bekalan air ini akan dapat diselesaikan. Insyaallah. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN Speaker

Kota Darul Aman.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya adalah dengan adanya perubahan iklim yang tidak menjangka dan kita nampak bila kemarau itu dia berpanjangan, tapi bila yang itu kita nak minta Tuhan bagi pun, belum tentu. Tapi lepas kemarau itu hujan turun, air itu turun sampai kita tak boleh jangka. Dan sekarang ni kalau kita lihat pagi tadi kalau datang dari Mergong. Sepanjang Mergong semua longkang banjir. Dan dekat Alor Setar sekitar ibu kota ini semua banjir. Jadi, apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi selepas kemarau banjir kilat yang berlaku untuk langkah-langkah yang telah diambil? Terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Kota Durul Aman.

Pertama bagi kami orang Islam khasnya memang mesti dan wajib meyakini bahawa semua ini adalah ketentuan Allah SWT, Tuhan kami dan Tuhan kita semua yang menurunkan hujan. Dan seumpamanya, semuanya ketentuan Allah SWT. Kita berusaha. Kita usaha yang buat OPA, Operasi Pembenihan Awan. Kita usaha buat loji rawatan air. Kita usaha buat TAPS. Itu semua sebagai usaha.

Pada masa yang sama, kita doa lah minta hujan turun. Ini tidak memudaratkan kita, tidak sampai banjir. Dan banjir ni pun satu perkara musibah yang menimpa. Yang mesti kita cari jalan untuk atasi. Contoh, masalah perparitan yang disebut tadi, banjir dan sebagainya kalau bawah bandarraya, Majlis Bandaraya nak kena proses longkang dan sebagainya kalau di kampung dan tempat-tempat lain yang berkaitan dengan sungai, alur dan sebagainya yang itu JPS.

Jadi dari masa ke semasa, memang JPS sentiasa untuk mencuci sungai, mencuci alur dan sebagainya. Begitu juga pihak berkuasa tempatan sentiasa mengambil berat ni. Cuma, cuma biasalah kan kadang-kadang masalah dia diperlukan untuk menyelesaikan satu masalah. Terutamanya bila berlaku banjir kilat dan sebagainya. InsyaAllah kita sama-sama berganding bahu untuk atasi masalah. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. TUAN SPEAKER

Bukit Lada.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerang. Berkenaan dengan isu banjir yang berlaku di kawasan kita ini saya ucapkan terima kasih kepada pihak JPS yang baru ni di kawasan kita di Pokok Sena ni dah beberapa tahun dah daripada zaman sebelum saya di YB lagi di kawasan kuala itu yang kawasan itu kawasan yang selalu banjir jadi kita usahalah, kita usah minta-minta. Alhamdulillah baru ni daripada JKR dah meluluskan 1.5 juta. Alhamdulillah saya ucapkan terima kasih kepada pihak JKR yang prihatin. Dan



Insyallah saya rasa lepas ni bila dah kalver ni semua siap untuk kawasan di kolon itu dan di kawasan Jabi dan semua ni akan selesai lah InsyaAllah.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Respon ka? Baik. Yang Berhormat Bukit Lada. Ini yang saya sebut tadi, kita berusaha. Dan ia mengambil masa yang panjang. Tambah pulak projek yang memerlukan nilai Jutaan ringgit. Saya bagi contoh. Baru – baru ni saya pi di tanjung dawai. Di kampung huma. Kampung huma ni sebenarnya rumah tu dah rapat dengan pantai. Dulu sebelum ni dikatakan lebih kurang 1km pantai tu ke rumah saya dipahamkan begitu tapi bila saya pergi baru ni, rumah tu memang rapat tak sampai 20 kaki, ombak main 3.0 lebih kurang 10 kaki yang berhomat.

Dah rapat dengan rumah. Minta tu lama lah, Yang Berhormat jadi adun dulu pun dah minta kan, tetapi Alhamdulillah baru diluluskan. Dan insyaAllah pada bulan Februari 2025 nanti akan mula tender dengan nilai yang lebih kurang 17.5 juta. Jadi insyaAllah akan dibuat projek untuk kawalan hakisan pantai yang insyaAllah akan menyelamatkanlah, kita harap sebagai ikhtiar, menyelamatkan mereka daripada musibah banjir.

Ini yang saya nak sebut, dia makan masa. Bukan boleh minta hari ini, siap esok. Di bank bolehlah kita pergi cucukkan, lala dia keluar duit. Tapi itu pun kalau ada duit kalau mesin tak rosak kan jadi makna semua ni memerlukan masa begitu juga kalau buat dangau kan, baru habis musim durian, kita pergi pacak tiang pagi tengah hari boleh la duk, teduh kan. Semua ni memerlukan masa, dia ada prosedur perolehan dan sebagainya, dan kita harap seluruh rakyat bersabar mohon ikut saluran dan bersabar insyaAllah kita akan dapat apa yang kita pohon, sekian terima kasih.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

YB. Tuan Speaker...

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. ENCIK LOH WEI CHAI

Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya adalah, perkembangan terkini LRA Bukit Selambau dan juga perkembangan terkini LRA sungai Limau. Sebab sampai harini,



masih lagi terima banyak aduan persekitaran sungai petani, seperti bukit bayan dan beberapa kawasan terdekatnya masih mengalami gangguan bekalan air lah, walaupun sekarang sudah start musim hujan. Jadi, ditanyakan kepada YB Kuala Nerang?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih kepada Bakar Arang atas keprihatinan. Sebenarnya kalau pembangkang prihatin tentang LRA ini, pihak kerajaan terutama Yang Amat Berhormat Menteri Besar 10 kali, bahkan berpuluh-puluh kali lebih prihatin, lebih susah hati bila projek itu tergendala. Bukan sahaja rakyat susah hati, kami pemimpin Yang Amat Berhormat selaku ketua kerajaan ini lagi – lagi susah hati dan kita bukan duduk sahaja, bukan duduk tunggu tengok sahaja, tak membiarkan Yang Berhormat, SO, selaku pegawai penguasa bertindak bersendirian tapi kita ada pasukan yang profesional.

Walaupun macam mana pun kita tak nafikan bukan hanya projek ini, tetapi juga projek-projek lain, sebenarnya biasa mengalami kelewatan dan dipanjangkan atau dilanjutkan masa. Sebagai contoh loji kumbangan air, di Alor Setar ini kan. Tahun 2018 dia mula buat, tetapi telah diberikan lanjutan masa sehingga 5 kali tapi insyaAllah akan siap pada hujung tahun ini.

Yang ini bukan JKR buat. Dan bukan kerajaan negeri buat. Bila habaq apa, proses lanjutan masa ini biasa. Dan terlambat ini biasa. Tapi kita bukanlah biar benda begitu saja. Tapi kita usaha untuk atasi. Untuk selesaikan.

Dan setakat ini, Alhamdulillah. Sebagai contoh, Bukit Selambau. Bila menghadapi masalah kelewatan. Kerana masalah kewangan mereka. Lalu jalan keluar yang diberikan. Yang dicadangkan ialah. Kita memberikan DOE. *Deep of Assignment*. Bayaran terus kepada subcontractor dan ini telah pun kita bagi kepada mereka untuk mereka buat pinjaman bank dan sebagainya untuk melancarkan kerja-kerja di Bukit Selambau yang hari ini telah mencapai tahap 29.2%. 29.2% yang memang pada asalnya tahun 2023 siap tapi oleh kerana PKP, COVID dan sebagainya dan tempoh lanjutan yang baru diberikan ialah sehingga tahun 2025. Itu yang saya sebut dulu, kita jangka insyaAllah 2026 boleh selesai masalah air di sana lah. Sekian terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Untuk soalan seterusnya Yang Berhormat Belantek.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN



Rakyat Malaysia sambut merdeka pada 31 haribulan 8, soalan saya no 8.

**8. YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN
[ADUN BELANTEK]**

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dalam Daerah Sik?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Exco.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Terima Kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Salam Sejahtera. Selamat pagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Berhormat – Yang Berhormat. Ketua – ketua dan pengarah – pengarah agensi, dan para tetamu sekalian.

Soalan no 8. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan di Daerah Sik?

Pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mencipta lebih banyak peluang pekerjaan di daerah Sik melibatkan pelbagai inisiatif dan projek yang bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan taraf hidup penduduk tempatan.

Beberapa sebagai langkah utama yang telah diambil seperti galakan dalam sektor pertanian. Sik adalah daerah yang terkenal dengan sektor pertaniannya dan di sasar untuk menjadi hub tanaman padi huma di negeri ini sebagai langkah alternatif bagi menambah bekalan beras putih tempatan.

Kerajaan negeri melalui inisiatif oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah telah melaksanakan inisiatif penanaman padi huma di mana Lembaga Zakat Negeri Kedah bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri Kedah untuk mendorong dan menyediakan bantuan kepada petani untuk meningkatkan hasil petanian. Termasuk penggunaan teknologi moden serta pembukaan tanah baru untuk petanian.

Selain itu, usahawan tempatan di daerah Sik telah memperkenalkan konsep pertanian alami dengan membangunkan beras organik di Sri Lovely Organic Rice Farm, Lembah Organik Kampung Lintang, Sik. Usaha - usaha ini telah menunjukkan sektor pertanian bukan sahaja dapat menjamin kelangsungan dan keterjaminan makanan malah



membuka peluang peningkatan pekerjaan, ekonomi dan taraf hidup kepada khususnya rakyat di daerah Sik.

Selain daripada itu langkah yang seterusnya adalah promosi sektor pelancongan Eko dan Agro. Daerah Sik mempunyai potensi besar dalam sektor pelancongan, terutama dalam pelancongan eko dan agro. Seajar dengan slogan 'Experience Kedah' Tahun Melawat Kedah 2025, Kerajaan Negeri telah mempromosikan pelbagai kawasan pelancongan seperti Tasik Beris, pelbagai Hutan Lipur Lata Air Terjun, Hutan Simpan Kekal Ulu Muda yang merupakan aset permata di Negeri Kedah dan banyak lagi tempat menarik sebagai destinasi pelancongan untuk menarik pelancong tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, pertubuhan pelbagai resort, chalet dan inap desa di Daerah Sik juga turut menambah dan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dalam sektor pelancongan, perhotelan dan perkhidmatan.

Di samping itu, inisiatif kerajaan negeri membangunkan industri Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Kerajaan Negeri juga melalui Unit Pembangunan Usahawan Kedah (UPUK) dan beberapa agensi kerajaan telah memberikan sokongan kepada usahawan tempatan melalui pelbagai program pembangunan usahawan dan bantuan kewangan untuk memulakan perniagaan kecil dan sederhana. Ini termasuk bantuan dalam pemasaran, latihan, dan teknologi. Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai pusat latihan kemahiran dan agensi-agensi kerajaan telah menjalankan pelbagai program peningkatan latihan dan kemahiran dalam bidang yang diperlukan oleh keperluan industri bagi meningkatkan kebolehpasaran penduduk tempatan.

Seterusnya melalui Galakan Pelaburan Baru. Kerajaan Negeri telah menaiktaraf pembangunan infrastruktur dan prasarana di Daerah Sik untuk menarik pelaburan baru dan mewujudkan kawasan projek pembangunan baru dalam sektor perindustrian bagi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan khususnya kepada rakyat di Daerah Sik. Selain itu, ianya akan memudahkan perniagaan sedia ada untuk lebih maju dan berkembang pesat.

Dengan langkah-langkah ini, kerajaan negeri Kedah berharap dapat meningkatkan taraf ekonomi Daerah Sik dan menyediakan dan menciptakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan. Sekian terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan Tambahan. Yang Berhormat Belantek.



YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Soalan Tambahan YB Speaker. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk membuka zon perindustrian baharu di Sik bagi merancakkan lagi sektor pengkilangan sekaligus menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat? Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Exco.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Terima kasih soalan tambahan dari Adun Belantek. Ada ciri – ciri dan kriteria – kreterianya untuk pembukaan zon perindustrian baharu. Dan negeri Kedah kini merupakan sebuah negeri yang mendapat perhatian para pelabur dari dalam dan luar negara khususnya dalam segmen pendusian berkaitan elektrik elektronik, semikonduktor tenaga yang boleh diperbarui dan juga pembuatan cip.

Ada ciri-cirinya yang seperti saya sebut tadi, kawasan tumpuan bagi Zon perindustrian seperti Bukit Kayu Hitam, Kulim dan Sungai Petani mempunyai lokasi kedudukan yang lebih strategik. Not pelaburan kerana berdekatan dengan jaringan leburaya, akses kepada kemudahan logistik dan pelabuhan, serta ketersediaan kemudahan infrastruktur dan utiliti seperti gas, elektrik dan telekomunikasi.

Hasil manfaat daripada pelaburan yang masuk ini telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat bagi menjana peluang pekerjaan dan juga menyumbang kepada peningkatan hasil kepada negeri.

Namun, buat masa kini kerajaan negeri tidak bercadang untuk membangunkan kawasan perindustrian yang menempatkan kepada industri berat mahupun teknologi tinggi di kawasan Sik.

Ini adalah kerana menilai dari segi kedudukan geografi dan topografi daerah Sik yang berada di kawasan pedalaman luar bandar, zon perindustrian ini mungkin sukar untuk dilaksanakan. Walaubagaimanapun kerajaan negeri akan meneliti dari segi penyelesaian bentuk industri yang berpotensi dengan lokaliti setempat seperti industri IKS iaitu Industri Kecil Dan Sederhana dan industri Pelancongan Eko Dan Agro yang boleh dimanfaatkan di daerah sik yang kaya dengan nilai alam semula jadi serta produk – produk pelancongan yang berpontensi.



Secara tidak langsung ia akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi setempat dan juga menyediakan banyak peluang pekerjaan serta memberi manfaat kepada penduduk setempat khususnya di daerah Sik. Sekian Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima Kasih Yang Berhormat Exco.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Soalan Tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Lunas.

YB. ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN RAMLI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Datuk Speaker. Umum kita mengetahui bahawa Kulim Hi – Tech park ini menerima limpahan pelabur ratusan billion sejak daripada penubuhannya tahun 90an sehinggalah sekarang.

Dan kita juga tidak dapat menafikan bahawa jumlah pelaburan terbesar yang diterima sewaktu permulaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Jeneri sehinggalah sekarang. Apabila ada pelaburan yang masuk ke kawasan tersebut, sudah pastilah dia menyediakan puluhan ribu peluang pekerjaan.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Kulim, apakah ada di tetapkan satu jumlah kuota pekerjaan ini kepada anak-anak negeri Kedah. Kerana Hi-tech ini berada dalam negeri Kedah. Kalau peluang pekerjaan ini tidak ditetapkan satu kuota, ia menjadi satu kerugian kepada anak-anak negeri Kedah. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Exco.

YB. ENCIK WONG CHIA ZHEN

Baik, terima kasih. Soalan tambahan daripada Yang Berhormat Lunas. Jadi, baru-baru ini kerajaan negeri telah melaksanakan Karnival Kerjaya peringkat Negeri Kedah tahun 2024 pada 20 hari bulan Julai yang lalu Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah. Dan objektif program ini adalah untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada golongan sasaran terutamanya kepada rakyat negeri Kedah menjalani temuduga terbuka



bagi mengisi kekosongan jawatan oleh lebih 25 buah agensi dan syarikat korporat swasta yang terlibat.

Selain itu program ini juga menawarkan pelbagai peluang kepada golongan sasaran untuk menceburkan diri dalam bidang latihan dan kemahiran yang ditawarkan oleh pelbagai institusi TVET di seluruh negeri Kedah.

Oleh demikian, program ini dapat memberi pendedahan dan peluang pekerjaan kepada seluruh rakyat negeri Kedah mengenai pekerjaan dan ruang kerjaya yang ada di negeri Kedah khususnya. Jadi program ini telah mencatatkan kehadiran peserta lebih 1,500 orang dan hampir 1,200 orang telah berjaya melepasi saringan berjaya temuduga.

Dan kerajaan negeri berhasrat untuk terus melaksanakan program Karnival Kerjaya di peringkat zon daerah termasuk Kulim kerana ianya akan memberi impak yang besar dan positif dalam mengurangkan kadar perangguran di negeri Kedah.

Jadi untuk maklumat semua ahli – ahli yang Berhormat, saya ingin melaporkan negeri Kedah telah mencapai kejayaan yang membanggakan mengurangkan kadar perangguran. Berdasarkan statistik terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Kedah telah mencatatkan kadar perangguran paling terendah sekali di negara ini iaitu 1.7% jauh lebih rendah berbanding purata nasional iaitu 3.3%. Kadar perangguran di bawah 4% ini dianggap sebagai tahap guna tenaga penuh yang bermaksud Kedah ini berada dalam situasi di mana hampir semua rakyat yang ingin bekerja mampu mendapat pekerjaan dan ini bukan sahaja ada usaha kerajaan negeri mencipta peluang pekerjaan di daerah Sik tetapi orang Sik yang mencipta peluang pekerjaan ini dengan vision belia The Greater Kedah 2025 ini di seluruh negeri Kedah.

Terima kasih kepada orang Sik yang amat Berhormat Datuk Sri Haji Mohd Sanusi bin Mohd Noor, Menteri Besar Kedah. Di bawah pucuk pimpinan beliau telah mencerminkan kestabilan negeri dan kestabilan politik negeri juga keberkesanan program yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Dan kerajaan ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dan kerajaan ini mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan kesejahteraan rakyat melalui penciptaan peluang pekerjaan yang stabil dan berterusan dan kami akan terus bekerja keras untuk mengekalkan prestasi cemerlang ini demi kemajuan negeri Kedah. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Seterusnya, Yang Berhormat Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Hari Malaysia bulan 9, mohon jawapan nombor 9.



**9. YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI
[ADUN TANJUNG DAWAI]**

Keputusan SPM 2023 bagi Kedah adalah yang terbaik alam tempoh 13 tahun.

Pohon dinyatakan :-

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi memastikan prestasi cemerlang ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi?
- b) Apakah tindakan bagi mengatasi ketidakhadiran pelajar dalam peperiksaan tersebut?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Exco

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Dato Seri. Seluruh ahli – ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjung Dawai. Tak dan nak buat pantun. Bulan Kemerdekaan 8, tunggu saya sertakan jawapan. Soalan dibangkitkan tentang SPM. Iaitu perancangan kerajaan untuk mengekal ataupun memperolehi prestasi cemerlang bagi pelajar SPM yang akan datang dan langkah untuk mengatasi ketidakhadiran pelajar dalam peperiksaan SPM.

Kesempatan ini saya mengajak kepada semua ahli dewan untuk kita sama-sama mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada semua calon-calon SPM negeri Kedah secara khusus 2023 dan kepada semua guru-guru dan waris yang kita difahamkan SPM Negeri Kedah pada tahun ini merupakan yang terbaik dalam tempoh 10 tahun.

Dan saya juga rakamkan ucapan tahniah kepada Sekolah Maktab Mahmud Yan atas pencapaian Sekolah Terbaik SPM dengan GPS, 1.55, diikuti dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Jelutong, GPS 1.81 dan ketiga SBPI Kubang Pasu dengan GPS 1.85. Tiga yang terbaik di peringkat Negeri Kedah.

Untuk makluman yang Berhormat Tanjung Dawai kalau kita sebut tentang pendidikan Negeri Kedah, secara uniknyanya kita akan melihat usaha-usaha yang dilaksanakan di peringkat kerajaan negeri dan agensi-agensinya yang ada Jabatan Pendidikan Negeri.



Kemudian Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah. Juga usaha dilaksanakan oleh Lembaga Maktab Mahmud. Sebab bawah Lembaga Maktab Mahmud juga ada 13 buah sekolah Maktab Mahmud dan juga Lembaga Zakat Negeri Kedah. Kerana Lembaga Zakat juga mempunyai 2 buah sekolah, bawah zakat.

Jadi tiga agensi inilah yang menggerakkan secara bersungguh-sungguh untuk merancang sehinggalah ke peringkat bawah bagi memastikan bahawa pencapaian anak-anak kita khususnya dalam peperiksaan SPM dapat kita pertingkatkan tahun demi tahun.

Dan saya juga merasakan bahawa di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ada bahagian pendidikan. Tapi rasa nak kena ada jabatan juga kot macam kemarin. Terulus jabatan pendakwaan yang juga daripada bahagian pendidikan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sebab Jabatan Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ni dia menyelia banyak sekolah. 36 sekolah menengah SAR, 45 sekolah rendah SAR, 124 tahfiz yang berdaftar, 40 buah pondok, dan ada sebahagian lagi yang masih dalam proses pendaftaran melebihi daripada 200 sekolah yang diselia. Jadi mungkin dah tiba masa untuk kajian meningkatkan bahagian pendidikan di jabatan kepada jabatan pendidikan.

Di peringkat kerajaan negeri, keempat-empat jabatan inilah, agensi inilah yang mengurus, merancang dan juga mengurus program-program berkaitan peningkatan pendidikan. Dan di peringkat negeri alhamdulillah kita melaksanakan program sanjungan ilmu pada bulan enam yang lalu untuk kita memberikan penghargaan kepada pelajar – pelajar cemerlang SPM dengan 21 orang pelajar cemerlang Straight A SPM yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar saguhati RM1000.00 setiap orang. Dan juga kita meraikan pelajar MUMTAZ, TAHFIZ, STAM dan juga pelajar yang memperolehi MUMTAZ dan JEDJIDAN dalam Sijil Tahfiz Malaysia.

Jadi di peringkat kerajaan kita memberikan penghargaan dan program-program yang dilaksanakan di peringkat jabatan amat banyak sama ada Jabatan Pendidikan, Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Lembaga Maktab Mahmud dan juga Jabatan Zakat, Program Penggunaan Modul Kecemerlangan Murid yang namakan sebagai KAMPUI, modul utama Kedah Akademik Master Plan untuk dilaksanakan bagi melibatkan 16 mata pelajaran utama.

Program kunjung bimbing mata pelajaran kritikal di peringkat JPN, Bengkel Kecemerlangan Murid Tabung Amanah Sultan Kedah 2024, program jalinan jaringan bersama-sama agensi luar, UiTM, Polimas, Yassan Hassanah, NCR, YAPIM, IPG dan sebagainya laksanakan oleh JPN dan juga Lembaga Maktab Mahmud, juga Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah.



Diskusi profesional akademik pada sekolah – sekolah fokus prestasi pembinaan modul kecemelangan mata pelajaran program pembangunan prasarana sekolah dilaksanakan oleh Zakat. Program pembangunan anak asnaf juga dilaksanakan oleh lembaga Zakat Negeri Kedah dan banyak lagi program-program yang telah pun dirancang oleh pihak jabatan yang melibatkan guru-guru, melibatkan murid, dan juga yang melibatkan komuniti setempat supaya perhatin dengan pendidikan anak-anak kita.

Dan saya juga mengambil kesempatan untuk kita sebagai masyarakat awam, khususnya ibu bapa bukan hanya memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada guru-guru untuk membimbing, tapi komuniti masyarakat dan juga ibu bapa juga harus terlibat secara langsung untuk kita memberikan galakan motivasi kesedaran kepada anak-anak kita untuk terus belajar.

Untuk soalan yang kedua iaitu tentang langkah kerajaan bagi ketidakhadiran pelajar dalam periksaan SPM. Kita digemparkan dalam satu analisa statistik bahawa SPM tahun 2023, selama 10,000 lebih calon tidak hadir dalam periksaan. Jadi itu merupakan sesuatu yang telah pun dibincangkan semasa keputusan SPM dikeluarkan Mac yang lalu.

Dan di peringkat Negeri Kedah, maklumat yang saya terima daripada data Jabatan Penyelidikan Negeri Kedah, bahawa pada tahun 2022 jumlah ketidakhadiran pelajar SPM di Kedah di Kedah 2022, untuk SPM 2022, seramai 1,298 orang dan 2023 berlaku penurunan kepada 766.

Tapi walaupun menurun, kita mengharapkan jumlah ini dapat kita sifarkan dengan program-program yang telah pun dirancang oleh pihak agensi-agensi yang terlibat. Maka antara program yang telah dilaksanakan, Ziarah Cakna yang dilaksanakan oleh guru bimbingan, kaunseling guru-guru terus melawat pelajar. Pemerkasaan Guru Bimbingan Dan Kaunseling, Program Gempur Kehadiran SPM 2024, Psikometrik PBS, Program Minda Sihat. Banyaklah program.

Dan di peringkat negeri untuk maklumat Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat Menteri Besar pada tahun penghujung 2021 telah mengeluarkan geran sebanyak RM300,000. Kita sebutlah, diberikan kepada UUM untuk suatu program yang disebut Komitmen Kedah. Mendidik Pelajar Sukses, KOMPAS. Program ini diwujudkan bagi memenuhi keperluan untuk membangunkan satu model dan sistem pengesanan awal pelajar berisiko tercicir dan intervensi yang bersesuaian.

Maknanya di peringkat kerajaan negeri, sejak 2021 lagi, kita telah membuat perancangan supaya pelajar-pelajar tercicir ini ada kaedah bagaimana untuk kita atasi dan tahun ini merupakan tahun yang terakhir.



Dan kita rakamkan ucapan terima kasih dan selepas daripada ini kita harap UUM boleh serah hasil kajian yang telahpun mereka buat selama 3 tahun kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk kita manfaatkan kepada khususnya di sekolah-sekolah di Negeri Kedah Darul Aman dan di sekolah seluruhnya.

Jadi itulah antara perancangan yang telahpun dirancang dan program-program yang telah dilaksanakan untuk peningkatan SPM dan juga untuk mengatasi keciciran pelajar di Negeri Kedah Darul Aman. Sekian terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Soalan Tambahan Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan Yb Sungai Limau. Soalan tambahan saya, ada dak alasan daripada ketidakhadiran pelajar SPM yang lalu? Yang keduanya, Portfolio pendidikan ada mengadakan pilot projek tuition rakyat di beberapa DUN yang terpilih jadi, apakah kriteria DUN yang dipilih Itu? Dan berapakah sasaran jumlah pelajar yang terlibat dalam tuition rakyat tersebut? Yang ketiga, yang ketiganya ialah saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Exco tadi berkaitan dengan peruntukan 300 ribu kepada UUM untuk buat kajian. Jadi saya harap bahawa kajian itu bukan sekadar kajian dan pihak yang sepatutnya untuk melihat dan melaksanakan hasil kajian itu menghargai dan perhatin dengan apa yang telah dibuat oleh pihak UUM. Terima kasih Yang Berhormat Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih atas soalan tambahan daripada yang Berhormat Tanjung Dawai. Hasil daripada kajian yang telah pun dilaksanakan oleh UUM untuk KOMPAS. Kalau secara detailnya daripada isu ketidakhadiran pelajar – pelajar untuk SPM itu, saya tidak terima maklumat spesifik daripada Jabatan Pendidikan Negeri sama ada 1,200 ataupun 700 yang tidak hadir tahun lepas itu ada alasan apa-apa kita tak pasti. Tapi daripada kajian yang dilaksanakan di peringkat UUM ada 5 faktor utama yang menyebabkan keadaan untuk pelajar-pelajar kita ini tercicir daripada pendidikan.

Antaranya faktor keluarga, pengaruh rakan sebaya, kemudian teknologi yang ada, kemudian persekitaran jadi banyak perkara yang telahpun, daripada kajian yang telah pun dilaksanakan.



Dan sebenarnya kajian-kajian yang telah pun dilaksanakan ini kita nak ketengahkan, sebab tahun ini tahun yang terakhir, di peringkat Exco kita telah merancang dengan beberapa PBT di Langkawi, Baling, Sik, dan juga Kubang Pasu untuk kita mengadakan program seminar pemerksaan pemimpin komuniti dalam menangani isu pelajar tercicir di negeri Kedah.

Dipengurusikan oleh DO masing-masing daerah sebut untuk menjadikan langkah awal supaya UUM bersedia untuk menurunkan maklumat-maklumat dapatan yang mereka dapat hasil daripada kajian 3 tahun.

Tapi malangnya, apabila program yang kita rancang dan saya pun program yang kita nak buat itu kita dah bincang, dah sampaikan maklumat itu kepada YB Menteri Pendidikan. Kita juga dah bincang dengan Jabatan Pendidikan kerana program yang kita rancang ini melibatkan yang pertamanya, penghulu, melibatkan pimpinan masyarakat di peringkat kampung, Imam-imam masjid, pengetua sekolah dan juga YDP - YDP PIBG.

Program yang kita hadir, saya hadir di Langkawi, pengetua, YDP PIBG, tak hadir kerana kata ada sekatan. Di Kubang Pasu pun sedemikian, di Baling dan kita nak tengok 28 hari bulan ni, program akan diadakan, satu lagi yang terakhir di daerah Sik. Jadi kita juga hairan ini usaha yang kita nak dilaksanakan, yang akan memberikan pembentangan itu daripada UUM orang akademik, dua kertas yang dibentangkan oleh pensyarah UUM. Tapi kita lihat sama ada pihak kementerian, sebab kita jumpa direct dengan YB Menteri, maklum dengan JPN. Tapi ada katanya larangan untuk mereka-mereka yang terlibat di sekolah ini untuk hadir.

Jadi kita pun hairan dan saya merasakan bahawa keadaan sebegini perlu untuk kita atasi khususnya tatakelola baik yang sering disebut oleh pihak kerajaan supaya kita memastikan bahawa usaha yang dirancang oleh mana pihak demi meningkatkan peningkatan di negeri Kedah, peningkatan akademik khususnya dapat kita sambut, dapat kita sahut.

Bahkan pihak kerajaan kita cuba patuh pada pekeliling yang dikeluarkan kita tak buat di sekolah, kita tak buat di dewan-dewan sekolah. Kita buat di luar daripada sekolah dan dikendalikan oleh Pegawai Tadbir Negeri supaya tak nampak politik. Tapi malangnya perkara ini masih lagi belum mendapat kerjasama baik daripada pihak khususnya Kementerian Pendidikan dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Kita faham, saya pun saya berkata kepada pengarah, selagi mana JPN tak bagi saya masuk sekolah, saya tak masuk. Tak ada jemputan, saya tak masuk. Bahkan saya pernah pergi sekolah awal-awal dulu lah sekolah lama saya kita nak ziarah dua hari lepas tu, guru besar terima telefon.



Pasal apa YB. ni mai sekolah? Saya juga rasa ramai juga di kalangan adun-adun yang waris anak dia mengajar sekolah, dia nak pergi pun dia rasa, ish, sat gi ni masalah kepada pentadbir. Jadi saya rasa itu antara perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian secara khusus oleh pihak dasar yang ada tu, kalau boleh kalau tetamu mai ni, rai lah ajak bincang di bilik, di kantin ataupun sebagainya, kita bukan nak berucap kepada semua pelajar.

Kita bukan nak berucap kepada semua pelajar. Kita bukan nak berucap, nak suruh himpun semua waris, semua guru. Dak. Kadang-kadang Yang Berhormat pi sekolah itu untuk berbincang. Apa isu yang boleh untuk dibantu oleh kepimpinan masyarakat.

Jadi, saya rasa tak tahulah saya ni mungkin jodoh tak baik kot. Kementerian Pendidikan. Tak ada. Nak ni payah ni. Satu lagi, Kementerian Komunikasi Penerangan. Ini pun satu. RTM tak boleh nak mai. Nak masuk RTM untuk program ini tak boleh. Jabatan Penerangan nak kerjasama dengan negeri pun tak boleh. Jadi, mungkin saya pun tak tahulah mungkin jadi Sidam, Kota Darul Aman, Bakar Arang. Jadi kita dok nampak dua kementerian yang ada ni macam tak bagi respon yang baik untuk kita di peringkat negeri kita sebagai sebuah kerajaan nak runding bincangan atas atas dasar. Tapi tak ada respon yang terbaik kerjasama terbaik. Tapi maklumat kita minta itu dia bagi tapi untuk kerjasama-kerjasama lain amat mendukacitakan. (kota siputeh mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

YB. Speaker.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Jadi, saya rasa itulah tak tahu ada ni macam-macam. Bila ni jadi Madanon, bila tak puas hati kan. Nama tu elok dah bila tak puas hati.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

YB. Sungai Limau.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

ada tak habis lagi. Yang Berhormat nak ambik tu. Jadi tu luahan setahun setahun jadi Exco ni. Tentang Tuisyen Rakyat di peringkat kerajaan, kita buat pilot projek di lima dun untuk kita buat setahun selama 2 bulan bagi kita pilih di peringkat dun – dun tu, anak-anak B40 dan juga mereka yang asnaf untuk mengadakan Tuisyen Rakyat dan moga-moga selama dua bulan tu lah, kita jemput guru-guru pakar dan kita harap hasil daripada Tuisyen Rakyat yang kita buat bulan 8, 9, ada yang buat 9, 10 ni, kita dapat natijah yang terbaik untuk kita perluaskan ke DUN – DUN yang lain. Terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Silakan Kota Siputeh.

YB. ENCIK MOHD ASHRAF MUSTAQIM BIN BADRUL MUNIR

Baik, terima kasih. Bismillahirrahmanirrahim. Saya kagum dengan apa yang diusahakan oleh Sungai Limau dan juga tekad untuk kita membantu anak negeri Kedah. Tapi saya nak sentuh satu perkara kat sini yang rasa kita perlu bongkarkan.

Juga dekat sini adalah, kalau kita tengok apa yang dikatakan oleh Paulo Freira, seorang sarjana yang bercakap tentang pendidikan dia kata “**pendidikan adalah senjata untuk bantu orang yang lemah**”. Dan saya kat sini berdiri bukan sahaja sekadar saya anak muda masuk politik bukannya sebab nak berpolitik tapi saya mai bawa semangat sebab saya memang asalnya aktivis pendidikan lalui GPMS. Tapi selaku orang GPMS ni saya risau bila kita tengok masalah angka keciciran yang tinggi. Tapi bila angka keciciran yang tinggi ni, kita difahamkan pula, dimaklumkan bahawa ada program-program yang tuisyen percuma yang dibawa ke sekolah. Tapi tuisyen – tuisyen percuma ini hanya fokus kepada pelajar-pelajar yang potensi. Bukannya fokus kepada pelajar-pelajar yang lemah. Bukan fokus kepada pelajar-pelajar yang susah.

Kemudian bila kalau kita tengok dekat sini, kalau contohnya kita cakap dekat dalam kawasan Kota Siputeh, ada tiga sekolah menengah. Satu sekolah di Sekolah Megat Dewa, hanya orang yang dapat straight A, seorang saja 10A. Di Sekolah Menengah Tungku Bendahara, yang paling tinggi dapat 8A. Di Sekolah Menengah Kebangsaan Sanglang, paling tinggi dapat 6A. Nak kena hadap dengan masalah sosial, dengan masalah dia punya orang dengan penghisap dadahnya, keluarga dengan masalah pelbagai masalah keciciran lain. Tapi sekolah tak bagi kita masuk, sumbangan mau sumbangan minta, kan tapi kita dihalang, bila sumbangan minta kita bukan tak bagi, kita bagi kan.

Tapi nak dapat terima kasih lepas tu, tak ada lah pun. Bagi sampai seribu, kan. Tapi saya nak berhenti dekat situ, saya nak cakap dekat sini bagaimana kita nak mengimbangi masalah ni, saya nak tanya juga macam mana kerajaan Negeri Kedah nak imbangi masalah ni. Sebab data pun tak boleh nak kongsi dekat kita. Bila data pun tak boleh nak kongsi bagaimana yang berapa jumlah yang tercicir tadi tu, macam mana kita nak bertindak sebagai wakil rakyat ni nak tolong masyarakat dekat bawah untuk nak bantu. Sebab kerja tu kalau nak harap kat cikgu sahaja, cikgu pun tak mampu nak buat.



Maka ini yang kita nak persoalkan dan kita harap lah pihak Madani buka mata dan ini adalah soal membangun masyarakat dan bukan soal politik semata-mata dan kita kena noktahkan perkara ini ini adalah perkara yang cukup penting demi anak negeri Kedah.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tambahan, tambahan sikit sebelum Yang Berhormat menjawab. Dalam soalan jawab soalan bertulis saya iaitu saya tanya kepada, iaitu berkenaan dengan satu inisiatif yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat, iaitu sumbangan tabung Tengku Mahmud. Ini satu inisiatif yang boleh bersemangat pelajar kita untuk menyambung pelajaran.

Iaitu kalau kita lihat sumbangan ini dah lebih daripada 4juta yang diberikan sepanjang daripada dia di aktifkan tabung Tengku Mahmud ini sampai kini ada 2,420 orang yang mendapat sumbangan ini. Cuma saya kesian dengan sahabat-sahabat kita dari Tiga Dun Pembangkang ni. Saya harap Tiga Dun ini juga dapat bantulah untuk kita dapatkan sumbangan untuk pelajar – pelajar yang berjaya dalam SPM di Kota Darul Aman hanya seorang yang minta. Kota Darul Aman seorang kemudian Bakar Arang tujuh orang Sidam lima orang.

Jadi saya mengharapkan kalau boleh lah lepas ini kerjasama dengan pihak di peringkat pembangkang juga boleh kemukakan, boleh bincang macam mana supaya semua tak cicir-cicir daripada sumbangan yang diberikan oleh pihak kerajaan ini.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan, Yang Berhormat Exco.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih pada soalan Kota Siputeh dengan Bukit Lada. Kota Siputeh itu macam dia bahas, bukan dia tanya. Mungkin dia pun salah seorang, nak tindas juga lah. Program-program yang dilaksanakan di peringkat JPN. Jadi saya harap teguran daripada Kota Siputeh untuk khususnya kepada mereka yang terlibat dalam perancangan untuk kita memberikan kecemerlangan, maknanya jangan kita cicirkan pelajar-pelajar yang, kalau dulu saya sekolah dia panggil galus, gagal, lulus.

Bukan gagal, lulus. Kadang-kadang gagal, kadang-kadang lulus. Itu dia panggil galus. Jadi ada setengah, mungkin pihak sekolah perlu memberikan perhatian kepada semua pelajar supaya peningkatan dan motivasi untuk belajar itu ada pada semua pelajar kita yang hadir ke sekolah.



Jadi saya harap perkara itu juga diberikan perhatian. Dan apa yang kita harap sebenarnya daripada penglibatan semua kita ini di peringkat kerajaan negeri, ada suatu mesyuarat yang dilaksanakan di peringkat PBT, di peringkat daerah fokus group dan biasanya fokus group juga tempat agenda untuk membincangkan isu – isu di samping isu – isu masyarakat yang miskin, isu – isu keciciran sekolah juga jawatankuasa pembangunan juga mesyuarat bulanan yang diadakan di peringkat daerah-daerah. Saya rasa itu merupakan antara platform yang terbaik untuk semua adun – adun memainkan peranan dalam pendidikan.

Saya juga nak tambah sikit tadi di samping yang tadi saya sebut kerjasama dengan kementerian kerjasama dengan JPN di pihak negeri. Saya juga difahamkan Yang Berhormat Speaker ada urus setia khas sekarang ni di peringkat JPN dok pi turun cari guru – guru yang terlibat politik walaupun di luar waktu kerja. Kemudian diugut ditukar diberikan ataupun tindakan disiplin. Saya rasa ini suatu langkah kebelakang yang dulu dah berlaku dah tapi hari ini nampak macam hidup balik perkara ni.

Jadi saya harap Bakar Arang, Kota Darul Aman, Sidam, kalau benda ini benar boleh buat teguran kepada mereka yang terlibat dan saya harap perkara sebegini tidak akan berlaku kerana ia akan merencatkan guru – guru ni khususnya pentadbir untuk mereka berfikir kreatif dalam pendidikan. Kalau kami nak hadir ke sekolah pun ada sesetengah guru besar kata YB tak payahlah kami nak kena tanya banyak.

Pasal perkara macam itu yang dihadapi oleh adun-adun kalau kita hadir sepatutnya kita layan sebagai tetamu, bawa bincang jadi itu satu solusi yang terbaik. Kalau nak hadir pun tak boleh, nak hadir bincang bukan nak hadir majlis, hadir majlis lagi dengan hat dok ada ni memang tak boleh lah, saya difahamkan macam tu.

Jadi saya harap perkara ni dapat untuk kita atasi, supaya isu-isu yang berbangkit. Dan Kota Darul Aman tadi sebut bila kita sebut Tabung Tengku Mahmud yang Amat Berhormat Menteri Besar arahkan maksud dia siapa-siapa yang nak mohon dihantar permohonan itu ke pejabat adun kalau Kota Darul Aman terima boleh ambil surat itu buat cadangan untuk hantar ke pejabat Menteri Besar tak ada halangan. Saya rasa Menteri Besar terima semua surat-surat daripada mereka yang memohon Tabung Tengku Mahmud untuk diberikan bantuan oleh pihak kerajaan, siapa saja. Jadi penyelaras pun boleh terima adun pun boleh terima sebab akan diangkat semula ke pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Jadi itulah. terima kasih kepada Kota Siputeh.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan seterusnya Yang Berhormat Bukit Selambau.



YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Yang Berhormat Speaker, mohon jawapan soalan nombor 10.

**10. YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH
[ADUN BUKIT SELAMBAU]**

Modul perpaduan dan kebudayaan penting bagi membentuk masyarakat yang berbilang kaum dan mengekalkan kebudayaan sedia ada.

Pohon dinyatakan apakah langkah kerajaan negeri dalam menyediakan modul perpaduan dan kebudayaan dikalangan golongan belia dan wanita di Negeri Kedah?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan Yang Berhormat Exco.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih yang Berhormat Speaker. Terima kasih Bukit Selambau. Terima kasih yang Berhormat Exco, Ahli – ahli yang Berhormat Ketua-ketua jabatan.

Untuk Soalan no.10. Modul perpaduan dan kebudayaan penting bagi membentuk masyarakat yang berbilang kaum dan mengekalkan kebudayaan sedia ada.

Pohon dinyatakan apakah langkah kerajaan negeri dalam menyediakan modul perpaduan dan kebudayaan dikalangan golongan belia dan wanita di Negeri Kedah?

Untuk jawapan itu Modul perpaduan dan kebudayaan biasanya merujuk kepada program yang bertujuan untuk mempromosikan perpaduan dalam kalangan masyarakat, terutamanya di negeri yang mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya.

Namun begitu, modul perpaduan dan kebudayaan di kalangan golongan belia dan wanita di Negeri Kedah masih belum dilaksanakan buat masa ini. Walau bagaimanapun program-program yang dijalankan oleh kerajaan bersama jabatan dan agensi ini adalah menjurus kepada perpaduan seluruh rakyat Negeri Kedah tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan, jantina dan peringkat usia.

Selain itu, kerajaan negeri juga mempunyai inisiatif untuk mewujudkan modul perpaduan dan kebudayaan yang bertujuan untuk mempromosikan keharmonian dan kerjasama antara pelbagai etnik dan budaya dalam masyarakat.



Melalui modul ini, kerajaan berusaha untuk mendidik rakyat mengenai kepentingan toleransi, saling menghormati, dan memahami kepelbagaian yang wujud di Negeri Kedah.

Di antara program-program yang dijalankan oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut:-

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT)

Rukun Tetangga memainkan peranan yang cukup penting untuk membantu kerajaan dalam meningkatkan keharmonian dan kesejahteraan komuniti. Peranan ini adalah sejajar dengan fungsi Rukun Tetangga sebagai mata dan telinga Kerajaan serta sebagai agen perpaduan di peringkat akar umbi. Di Negeri Kedah, terdapat lebih daripada 501 kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang beroperasi. Umur minimum untuk menjadi ahli biasanya adalah 18 tahun ke atas sehingga 69 tahun sahaja.

Namun, ada juga kemungkinan untuk golongan muda di bawah 18 tahun mendaftar sebagai anggota dengan persetujuan ibu bapa atau penjaga.

2. Mediator Komuniti

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah telah memperkenalkan Program Mediator Komuniti bertujuan melatih pemimpin Rukun Tetangga, Pegawai Perpaduan dan NGO Agama menjadi pengantara (pemudahcara orang tengah) sebagai tindakan pencelahan bagi meredakan dan mendamaikan konflik sosial di peringkat komuniti.

Mediator juga merupakan pemudahcara atau orang tengah yang berperanan membantu pihak-pihak yang bertikai/bertelagah untuk bekerjasama mencari penyelesaian secara damai dan dipersetujui oleh kedua pihak secara sukarela. Yang mana ini yang dijalankan Mediator Komuniti bagi Negeri Kedah.

3. Jiran Muda

Jiran Muda ditubuhkan sebagai satu kelompok komuniti di bawah Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga yang bertujuan untuk menarik dan melibatkan golongan belia dalam aktiviti-aktiviti kejurangan dan pembangunan komuniti ke arah mencapai objektif Rukun Tetangga. Penglibatan kelompok ini juga dapat mewujudkan interaksi antara rakan sebaya disamping untuk menghindarkan mereka daripada gejala negatif. Syarat keahlian untuk jiran muda ini adalah remaja berumur di antara 13 hingga 25 tahun yang bermastautin dalam KRT.



4. Jiran Wanita

Jiran Wanita merupakan salah satu kelompok komuniti di bawah Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga. Kelompok tersebut mula diwujudkan pada tahun 1983 dan merupakan sayap kanan kepada jawatankuasa ini untuk mempergiatkan aktiviti khususnya bagi kaum wanita. Jiran Wanita amat penting dalam setiap aktiviti yang digerakkan dan merupakan pelengkap yang banyak membantu dalam menjayakan setiap aktiviti yang dijalankan. Syarat keahlian untuk Jiran Wanita mestilah wanita berumur 18 tahun ke atas yang bermastautin dalam KRT.

5. Mek Mulung

Mengangkat seni budaya tempatan sebagai produk pelancongan budaya Negeri Kedah. Tahun lepas telah diadakan Festival Mek Mulung @ Wang Tepus 'Warisan Akar Umbi' bertempat di Wang Tepus, Jitra anjuran Jabatan Kesenian & Kebudayaan Negeri Kedah. Dicalonkan diperingkat UNESCO bagi mendapatkan pengiktirafan Warisan Budaya Antarabangsa.

6. Temasya Oghang Kedah

Merupakan Program Pelancongan Budaya yang akan mengangkat serta melestarikan seni budaya masyarakat Kedah di samping mempamerkan warisan terdahulu yang menjadi amalan untuk dirasai, dihayati dan diwarnai oleh generasi hari ni. Diadakan setiap tahun bagi menjadikan Temasya Oghang Kedah sebagai Program Tahunan daripada Jabatan Perpaduan. Terima Kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih. Exco. Ada soalan tambahan? Kalau tak dak kita jemput yang Berhormat Bayu.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Yang Berhormat Speaker, saya ada soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Soalan tambahan.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Soalan tambahan saya. Adakah pihak JKM hanya berpuas hati untuk terus membayar duit bantuan bulanan kepada penerima secara berterusan dengan tidak memikirkan untuk mengubah kehidupan penerima dari miskin tegar kepada menjadi golongan yang berkemampuan seterusnya tidak menerima lagi bantuan bulanan ini?



YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih yang Berhormat Bayu. Yang Berhormat mungkin terqhalit kot. Soalan nombor 10 ini soalan mengenai perpaduan. Jadi insyaAllah Jabatan Kebajikan Masyarakat saya akan (YB Bayu mencelah)

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Tak qhalit Yang Berhormat, sebab soalan ni di bawah EXCO JKM.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

InsyaAllah, saya akan bagi dalam bentuk bertulis. Terima kasih.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Yang Berhormat Speaker, soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. USTAZ HAJI HANIF BIN HAJI GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Soalan saya apakah jentera perpaduan terlibat mekanisme yang memacu indeks kesejahteraan perpaduan Negeri Kedah? Terima kasih.

YB. DATO' HAJJAH HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Yang Berhormat Tanjung Dawai. Untuk jawapan soalan tambahan ini, insyaAllah bagi menggerakkan usaha-usaha untuk mencapai visi dan misi ini yang digalas bersama kita ada 12 jentera perpaduan di bawah seliaan Jabatan Perpaduan Nasional Negeri Kedah.

Terutamanya kita ada Rukun Tetangga kita ada Skim Rondaan Sukarela (SRS) kita ada Mediator Community, Squad Unity dan kita ada Tunas Jiran, Jiran Muda, kita ada Jiran Wanita, kita ada Jiran Usia Emas, Tabika Perpaduan, Taska Perpaduan dan juga Kelab Rukun Negara dan juga Sekretariat Rukun Negara.

Bagi mencapai misi dan misi di atas seluruh jentera perpaduan digemlingkan bagi mekanisme perpaduan melalui program-program komuniti bagi menyediakan platform dan ruang pertemuan warga komuniti agar mereka dapat saling kenal – mengenal bertegur – sapa, bekerjasama di antara dan juga satu sama lain bagi mengeratkan silaturahmi. Terima kasih Yang Berhormat.



YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Exco. Soalan terakhir untuk hari ini saya jemput Bayu.

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Yang Berhormat Speaker saya mohon jawapan soalan saya yang bernombor 11.

**11. YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB
[ADUN BAYU]**

Kadar kemasukan pelabur-pelabur dalam bidang industri amat baik dan tinggi. Ianya hanya tertumpu di sekitar Kulim Hi-Tech dan Sungai Petani sahaja.

Pohon dinyatakan :-

- a) Apakah tindakan kerajaan negeri untuk menyeimbangkan taburan pelabur ke kawasan - kawasan industri lain seperti di Mergong dan lain-lain tempat?
- b) Adakah terdapat pelabur yang diterima oleh kerajaan negeri berasaskan industri pertanian dan makanan?

YB. TUAN SPEAKER

Yang Berhormat Exco saya minta cuba pendekkan kita akan habiskan dalam 10.30 untuk soal jawab.

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Terima kasih YB Speaker dan sahabat saya YB Bayu. Bismillahirrahmanirrahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB Bayu dan Ahli Dewan dan tuan-tuan dan puan-puan yang bersama pada pagi ini.

Soalannya adalah berkaitan dengan tertumpunya pelaburan yang begitu besar di Kulim Hi-tech Park secara khususnya. Izinkan saya katakan di sini, kejayaan Kulim Hi-tech Park ini bukanlah datangnya overnight. Yb Speaker ia adalah satu perancangan jangka panjang yang telah didahulukan atau dimulakan oleh bekas Perdana Menteri kita, yang Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dengan kata lain, ia disambut oleh negeri kita, diusahakan dalam keadaan di mana kita juga tidak pasti sebenarnya, apakah itu Hi-tech park. Pada masa itu mungkin. Namun demikian, negeri kita telah melakukan yang terbaik dan Alhamdulillah, hari ini kita telah mengorak langkah dan menjadi *benchmark* kepada negara kita.



Di mana Kulim Hi-tech Park ini menjadi sebuah destinasi pelaburan yang dipanggil mesra pelabur kawasan pendasaran terancang dengan adanya *dedicated park management*.

Ini adalah satu model yang harus kita di peringkat negeri lakukan bagi membolehkan semua industri park di negeri kita ini berada dalam liga seperti KSTP ini supaya kita dapat usahakan bersama. Jadi sahabat-sahabat pegawai daerah, YDP dan semuanya, marilah kita sama-sama gerakkan usaha ke arah tersebut.

Di masa yang sama, KTPC ataupun KHTP ini telah berusaha dengan semua agensi-agensi yang ada saya nyatakan di sini, seperti MPKK, MAIDA, MPC, PBT Plan Malaysia, SADA, IWK, JKR, JAS, JKPP, JPS dan NURPOWER. Dengan kata lain, sebagai contoh telah bersama melakukan sesuatu yang mungkin tidak biasa dilakukan sebelum ini, malah di peringkat negara juga, mungkin bukan satu kebiasaan, iaitu kita menjuarai *what we call it at ease of doing business*. Jadi ini juga satu kekuatan baru yang harus menjadi sebahagian daripada pentadbiran kita di negeri Kedah, bagi membolehkan kita menjadi kompetitif.

Ketiga, adalah kerana tanah yang mana tersedia dan dilengkapi dengan segala infrastruktur. Jadi kalau kita cerita pasal SBEZ, Bukit Kayu Hitam kita cerita tentang industri park yang lain di Gurun dan semua tempat yang kita ingin bangukan, saya rasa hari ini atas semangat The Greater Kedah cara pemikiran kita harus diubah untuk seperti mana kita dapat lakukan di Kulim Hi-tech Park.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasih, di sini ingin saya katakan juga, kita mempunyai dalam konteks ini, usaha kita adalah untuk memastikan kelangsungan pendidikan yang mana mampu memenuhi keperluan industri.

Apa yang dibentangkan oleh sahabat saya, YB Sungai Limau adalah suatu yang menduka ceritakan. Apabila kita melihat kerajaan negeri memberi komitmen untuk memastikan kebangkitan anak bangsa kita dalam pendidikan tapi malangnya Kementerian Pendidikan telah melakukan atau melaksanakan apa yang dipanggil *the law of the jungle*. Di mana kita telah menghalang anak-anak kita untuk mendapat kerjasama daripada kerajaan negerinya dalam merancang untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompetitif.

Ini sesuatu yang mendukacitakan hari ini dan di dewan ini. *Prime Minister Anwar looking to this your minister*. Ini sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku dan kita dalam konteks untuk menjadikan negeri kita sebuah negeri yang maju, negara yang maju kita harus terbuka untuk memberi ruang pendidikan itu dikongsi bersama kerajaan negeri dan kerajaan pusat. *It's not belongs to your ministry only Prime Minister Anwar*.



Jadi, dengan kata lain dalam usaha kita untuk membangunkan ekonomi negeri kita ini kita pastinya amat memerlukan agar pendidikan itu seiringan dengan perkembangan industri. Bagaimana seorang Exco, industri dan pelaburan apabila sepatutnya kongsi dengan pihak sekolah dan institusi-institusi pengajian yang ada di Negeri Kedah, dihalang untuk berkongsi tentang perkembangan industri kita dimanakah ruang yang diberikan untuk membolehkan kita dapat sampaikan kepada anak-anak kita, inilah masa depan negeri kita, ini industri yang sedang dibangunkan, ini yang diperlukan oleh Negeri dan Negara. Tetapi kita melakukan sesuatu yang pasif dan kolot dan ini tidak sepatutnya berlaku di negeri Kedah dan di Malaysia di zaman kerajaan Madani ini. Sungguh mendukacitakan.

Jadi apa yang ingin saya katakan disini, yang Berhormat Speaker, izinkan saya katakan di sini sesungguhnya usaha-usaha yang kita lakukan dalam membangunkan negeri kita ini juga haruslah kita gerakkan usaha itu Yb Bayu dimana kawasan – kawasan perindustrian lain haruslah bergerak seiringan. Kita juga harus mengambil pendekatan dalam konteks pembangunan ekonomi dunia yang mana harini China Plus One Policy telah dilakukan. Dan disini lah kita harus mesyusun strategi kita walaupun mungkin kita di peringkat negeri tetapi kita harus juga bersama dengan agensi-agensi pusat seperti Maida dan sumpamanya.

Agar *China Plus One Policy* ini mereka melihat kita. *Plus One Policy* meaning that pelabur yang ada di China hari ini mula melihat keluar daripada China untuk mereka melabur. Dan apabila mereka melihat keluar daripada China, destinasi pelaburan yang perlu mereka lihat pertama adalah negeri kita, Kedah dan Malaysia insyaAllah.

Jadi untuk itu kita tidak boleh business as usual. Kita berusaha pada tahun 2050. InsyaAllah kita akan gerakkan ekonomi kita di bawah agenda The Greater Kedah. Kalau kita nak jadi *top 5 in the country by 2050*. Kalau kita nak jadi *top 5 in the country by 2050* Yang Berhormat Speaker kita perlu sekitar dengan kata lain dari GDP negeri kita sekitar lebih kurang 572 bilion.

Ini satu jumlah yang besar. Hari ini 50 bilion kita nak pergi 500 tetapi kalau kita tidak lakukan kita akan *remain at the bottom 2 and bottom 3*. Itu sesuatu yang mendukacitakan. Jadi kita harus usahakan bersama *it's a wake up call for everyone* kita dalam Dewan dan semua agensi kita untuk bekerja cara yang berbeza *ease of doing business*. *Speed* adalah segalanya dalam usaha untuk melakukannya.

Yang Berhormat Speaker, saya ingin rumuskan di sini dalam konteks ini kalau boleh kita sama-sama katakan...



YB. TUAN SPEAKER

Tolong pendek kan?

YB. DR. HAIM HILMAN BIN ABDULLAH

Sekiranya Yang Berhormat, kalau kita tidak melakukan lonjakan ini, dan kita biarkan keadaan seperti hari ini, pada tahun 2050 dijangkakan Selangor, GDP Selangor akan 1.2 trillion, bayangkan tuan-tuan, dalam tempoh menjelang 2050, kalau Selangor bergerak seperti hari ini pada kadar pertumbuhan 5.5% Selangor pada tahun 2050 akan merekodkan GDP iaitu 1.2 trillion, Kuala Lumpur pada 790 bilion. Sarawak 611 bilion, Johor 611.7 bilion, Penang 449.3 billion.

Ini jangkaan kita, *calculation* kita. *Nothing secret*. Kita buat projection, based on 5.5% on average, apa yang mereka ada hari ini, dan ke arah 2050. *If we want to do the same thing, 5.5 is not enough for us. We must do at the 8 to 10% economic growth every year. This is the call, for everyone of us.* Yb Speaker. Kalau kita ingin menjadi sebuah negeri maju, berdaya saing, seperti mana yang YB katakan, *not only Kulim Hitech YB, thank you very much for the question, the entire state and industrial park* mestilah berprestasi tinggi seperti mana Kulim Hi – tech Park today dan insyaAllah kita dapat saksikan bersama. terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Exco.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Nak mencelah sikit boleh?

YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Soalan tambahan YB Speaker.

YB. TUAN SPEAKER

Saya ingat saya dah tutup soalan tambahan. kita pergi kepada acara seterusnya.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Nak ulas sikit saja, ulas sikit saja. Boleh?

YB. TUAN SPEAKER

Kita pergi kepada acara seterusnya. Urusan seterusnya, Tuan Setiausaha.



YB. ENCIK MOHD TAUFIK BIN YAACOB

Kalau ikut daripada segi peraturan soalan tambahan, dibenarkan sebab ada soalan tambahan.

YB. TUAN SPEAKER

Kita pergi kepada urusan seterusnya. Silakan Tuan Setiausaha.

YB. TUAN SPEAKER

Aik. Takkan tak boleh kawan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan perbahasan Rang Undang-Undang.

**II. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH
(KEDAH DARUL AMAN) (PINDAAN) 2024**

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024, dibacakan bagi kali yang pertama

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan rang undang-undang bernama "Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014".



YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA

“Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014”. **Bacaan Kali Pertama**

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024 seperti berikut :-

Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan beberapa tafsiran dalam seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 [*Enakmen No. 18/2014*] sebagai suatu pindaan berbangkit selari dengan pemansuhan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 12/2008*] dan digantikan dengan enakmen yang baharu.



Rang Undang-Undang ini mempunyai tiga (3) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang berikut:-

- (a) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan;
- (b) Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am dengan menggantikan perkataan ‘ “Hakim” ’ di mana-mana jua terdapat dalam Enakmen No. 18/2014 perkataan “Hakim Syarie”; dan
- (c) Fasal 3 bertujuan untuk meminda takrif tertentu dalam seksyen 2 Enakmen No. 18/2014 berikutan pemansuhan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 [Enakmen No. 12/2008] dan digantikan dengan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon untuk mencadangkan. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Bismillahirrahmanirahim. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Tuan Speaker, jika kita lihat pindaan di dalam rang undang-undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Kedah Darul Aman 2024 pada muka surat 184, hanya melibatkan pindaan istilah dan tahun enakmen sahaja. Yang mana kalau dalam enakmen lama mahkamah ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah yang mana dalam enakmen yang baru Mahkamah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2024.



Maksudnya yang enakmen lama itu panjang-panjang, yang baru ini pendek sajalah. Dan yang keduanya, perkataan Hakim sebelum ini pada enakmen yang lama, Hakim artinya Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah sehingga tamat ayat. Dan yang terbaru, Hakim Syarie mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dibawah enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman tahun 2024. Perubahan yang panjang – panjang tu dia jadi di pendekkan.

Jadi saya menyokong Rang Undang – undang enakmen Kesalahan jenayah Syariah Kedah Darul Aman Pindaan 2024 ini namun saya ingin menyentuh sedikit tentang situasi semasa berkenaan enakmen kesalahan jenayah syariah ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Sidang Dewan sekalian, saya merujuk kepada kenyataan timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, Zulkifli Hassan di dalam Parlimen. Seperti mana yang disiarkan media pada 27 Februari 2024, yang mana hanya 16 kesalahan syariah di dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1 Kelantan 2019 yang telah diputuskan terbatal dan tidak sah di dalam kes Nik Alin Zurina Abdul Rashid.

Jadi jelas Timbalan Menteri lagi peruntukan-peruntukan di dalam enakmen atau ordinan jenayah syariah di negeri – negeri lain termasuk Kedah masih lagi sah dan berperlembagaan dan boleh dikuatkuasakan. Dan boleh dikuatkuasakan. Saya ulang selagi peruntukan-peruntukan tersebut di negeri-negeri lain tidak dicabar dan tidak diisytiharkan sebagai tidak sah dan tidak berperlembagaan. Dalam erti kata yang lain, semua peruntukan-peruntukan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Kedah Darul Aman adalah sah dan berperlembagaan.

Dan tambah timbalan menteri lagi kenyataan ini bagi pihak kerajaan persekutuan, apa yang boleh diputuskan berdasarkan fasal 2 perkara 74 dan butiran 1 senarai 2, senarai jadual ke-9 Perlembagaan Persekutuan, Hal Ehwal Agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri. Apa yang ingin saya sampaikan ialah yang pertamanya pindaan pada hari ini hanyalah pindaan minor melibatkan istilah dan tahun sahaja tanpa mengganggu seksyen - seksyen lain berkaitan kesalahan jenayah syariah. Walaupun ada antara kesalahan yang ada dalam enakmen ini sama dengan sebahagian dari kesalahan yang diputuskan di dalam kes Nik Alin sebagai tidak sah.

Dan juga berkenaan dengan kesalahan judi yang dicabar adalah melibatkan peraturan di bawah PBT. Bukan yang berada di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah ini. Jadi yang dicabar itu yang berada di bawah peraturan PBT yang di dalam enakmen ini tidak dicabar.



Jadi, ianya tetap haram dan menjadi kesalahan kepada umat Islam jadi berdasarkan kenyataan daripada pihak kerajaan persekutuan yang saya sebut tadi, maka segala peruntukan-peruntukan di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Kedah Darul Aman ini boleh diteruskan penguatkuasaannya.

Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-Undang Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Kedah Darul Aman Pindaan 2024 ini. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Pengkalan Kundor. Sekiranya ada pembahas yang lain, silakan. Kalau tak ada, dipersilakan pihak kerajaan untuk menggulung rang undang-undang.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Yang Berhormat, Tuan Speaker. Jadi, tadi pun dah jelaskan oleh Pengkalan Kundor. Apa yang kita bincangkan dalam undang – undang ini adalah hasil kerana pindaan kepada apa yang telah pun kita laksanakan pada kemarin dengan masukkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan dan juga Mahkamah Syariah itu sendiri kepada empat layer.

Dan saya juga mengambil maklum apa yang telah pun dibentangkan oleh Pengkalan Kundor mengenai undang-undang yang telah pun sedia ada masih lagi sah walaupun yang dicabar adalah di negeri Kelantan. Yang terbatal adalah di negeri yang tersebut tapi di negeri kita masih lagi boleh untuk kita laksanakan. Jadi terima kasih dan insyaallah kita mengharapkan semoga kita semua akan terus berusaha untuk memperkasakan mahkamah syarah di negeri Kedah Darul Aman. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih YB. Exco. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)



YB. TUAN SPEAKER

Silakan tuan Setiausaha

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014”.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN -

Fasal 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

(Dipersetujui)



YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN -

Fasal 3

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 3 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO’ USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga sekarang dan diluluskan.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024”. Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

III. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH (KEDAH DARUL AMAN) (PINDAAN) 2024

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024, dibacakan bagi kali yang pertama

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan rang undang-undang bernama “Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014”.

YB. DATO’ USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker saya pohon menyokong cadangan itu.



TUAN SETIAUSAHA

“Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014”. **Bacaan Kali Pertama.**

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024 seperti berikut :-

Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk menyelaras beberapa tafsiran dalam seksyen 2 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 [*Enakmen No. 19/2014*] sebagai suatu pindaan berbangkit selari dengan pemansuhan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 [*Enakmen No. 12/2008*] dan digantikan dengan enakmen yang baharu.

Rang Undang-Undang ini mempunyai tiga (3) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang berikut:

- (a) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan;



- (b) Fasal 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am dengan menggantikan perkataan ‘ “Hakim” ’ di mana-mana jua terdapat dalam Enakmen No.19/2014 dengan perkataan “Hakim Syarie”; dan
- (c) Fasal 3 bertujuan untuk meminda takrif tertentu dalam seksyen 3 Enakmen No.19/2014 berikutan pemansuhan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008 [Enakmen No. 12/2008] dan digantikan dengan Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya memohon untuk mencadangkan. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan. Silakan Belantek.

YB. TUAN HAJI AHMAD BIN SULAIMAN

Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Alhamdulillahirrahmanirrahim Salatul Salam Alay Sayyidina Muhammadin Ashraf Mursalin Waala Alahi Wasohbihi Ajmain. Yang Berhormat Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Tuan dan puan yang dihormati sekalian.

Mahkamah syariah di Malaysia memainkan peranan penting dalam mengendalikan isu – isu berkaitan dengan undang – undang islam yang, melibatkan umat islam di negara ini. Kekuatan mahkamah syariah terletak kepada beberapa aspek berikut.

1. Bidang kuasa.

Mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa eksklusif dalam hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang Islam. Seperti perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan anak dan harta pusaka. Jadi iaitu menjadi kuasa dan kes-kes yang melibatkan kesalahan jenayah syariah seperti zina, minum arak dan kazaf bergantung pada undang-undang negeri.



2. Aspek hukum dan undang-undang.

Mahkamah syariah menggunakan undang-undang syariah yang digubal oleh Dewan Undangan Negeri sebagai rujukan dalam membuat keputusan ini bermakna undang-undang yang diterapkan adalah selaras dengan prinsip-prinsip Islam dan mempunyai pengaruh yang kuat dalam kehidupan masyarakat Muslim.

3. Aspek autonomi.

Mahkamah Syariah beroperasi secara bebas daripada mahkamah sivil, menjadikannya sebuah institusi yang autonomi dalam membuat keputusan yang berkaitan dengan undang-undang Islam. Dan ini adalah untuk memastikan bahawa isu-isu agama diuruskan oleh pihak yang mempunyai kepakaran dalam undang-undang Islam.

4. Penyelesaian pertikaian.

Mahkamah Syariah berfungsi sebagai platform untuk menyelesaikan pertikaian yang timbul dalam masyarakat, terutama dalam perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan secara damai. Ia menawarkan ruang untuk keadilan dan memberi hak kepada individu untuk menentu hak mereka berdasarkan undang-undang syariah.

5. Pelaksanaan hukuman.

Mahkamah Syariah juga mempunyai kuasa untuk melaksanakan hukuman yang diputuskan dalam kes-kes yang dibawa kehadapannya namun kuasa ini terhad kepada hukuman yang dibenarkan di bawah undang-undang negeri sahaja untuk dilaksanakan.

Jadi Yang Berhormat Speaker dan tuan-tuan sekalian kekuatan mahkamah syariah terletak pada kemampuannya untuk menegakkan undang-undang Islam dengan adil menjaga keharmonian umat Islam dan mengukuhkan identiti setelah kedaulatan undang-undang syariah dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Tuan Speaker, undang-undang syariah di Malaysia secara umumnya terpakai kepada umat Islam dan bidang kuasa mahkamah syariah adalah terhad kepada orang-orang Islam sahaja. Namun begitu terdapat beberapa situasi di mana prinsip keadilan dalam undang – undang syariah ini dapat dilihat bermanfaat atau relevan kepada bukan Islam terutamanya dalam konteks keharmonian masyarakat. Berikut adalah beberapa contoh.



Yang Berhormat Tuan Speaker.

1. Penyelesaian pertikaian harta pusaka

Dalam situasi di mana pasangan campuran, seorang muslim dan seorang bukan muslim terlibat dalam pertikaian harta pusaka. Mahkamah sivil kadang kala merujuk kepada prinsip undang – undang syariah untuk memastikan pembahagian harta yang adil dan saksama terutama apabila melibatkan anak-anak atau saudara mara yang beragama Islam. Contohnya jika salah satu pihak memeluk Islam prinsip faraid boleh dirujuk dan boleh memberi jalan penyelesaian yang terbaik.

Itu yang pertama.

2. Kontrak perniagaan

Dalam perjanjian perniagaan antara Muslim dan bukan Muslim yang melibatkan prinsip-prinsip muamalat iaitu perniagaan Islam Undang-Undang Syariah kadang-kadang digunakan sebagai asas dalam menyelesaikan pertikaian perniagaan. Prinsip keadilan dalam syariah memastikan semua pihak terlibat mendapat hak mereka secara adil tanpa penindasan atau riba atau faedah yang berlebihan.

Dari segi undang-undang syariah juga yang Berhormat Tuan Speaker kita melihat

3. Keselamatan masyarakat.

Undang-undang syariah melarang perbuatan jenayah seperti zina, minum arak secara terbuka dan kazaf yang menuduh orang lain tanpa bukti, bukan saja memberi manfaat kepada orang Islam tetapi juga menjaga keharmonian masyarakat seluruhnya.

Sebagai contoh larangan terhadap penyebaran fitnah atau tuduhan palsu boleh melindungi reputasi individu termasuk bukan Muslim daripada kerosakan yang tidak adil.

4. Kerjasama yang baik.

Terdapat situasi di mana institusi Islam seperti Majlis Agama Islam Negeri menawarkan bantuan kepada golongan bukan Islam yang memerlukan termasuk bantuan kewangan atau sokongan sosial. Walaupun ini bukan secara langsung di bawah mahkamah syariah yang mencerminkan prinsip keadilan dan ihsan yang dianjurkan oleh Islam. Bertapa baiknya kita lihat di sini rang undang-undang syariah yang kita bahas dan untuk diluluskan hari ini.



5. Pengiktirafan hak asasi.

Terdapat kes di mana mahkamah sivil merujuk kepada prinsip undang-undang syariah untuk mengukuhkan hak asasi manusia seperti hak keadilan, kesaksamaan dan perlindungan daripada penindasan. Ini mungkin berlaku dalam kes-kes yang melibatkan aspek moral dan etika yang berkaitan dengan masyarakat secara keseluruhan. Meliputi masyarakat Islam dan juga masyarakat bukan Islam.

Secara keseluruhannya yang Berhormat Tuan Speaker, walaupun mahkamah syariah ini mempunyai bidang kuasa yang terhad hanya kepada umat Islam prinsip-prinsip keadilan dalam undang-undang syariah dapat memberi menafaat kepada masyarakat yang lebih luas termasuk bukan Islam terutama dalam konteks menjaga keharmonian moral dan etika, keharmonian hidup dalam masyarakat. Dan kita lihat dengan lulusnya enakmen Alhamdulillah, Enakmen Syariah di negeri Kedah ini, di negeri Kedah yang kita cintai ini kita akan dapat melihat suasana hidup di negeri Kedah ini, suasana masyarakat hidup dalam aman dalam penuh harmoni. Dan inilah yang kita katakan supaya akan lahir di negeri Kedah ini dengan lulusnya enakmen ini negeri Kedah akan menjadi Negeri Kedah akan menjadi *Baldatun Tayyibatun Warabun Wafur*.

Ia ini merujuk kepada sebuah negeri atau negara yang diberkati Kedah akan menjadi negeri yang diberkati dengan kemakmuran, kesejahteraan dan kebaikan di mana penduduknya hidup dalam keadaan harmoni, aman sejahtera dan tenteram meliputi semua islam dan bukan islam berakhlak mulia dan mendapat rahmat. Dan yang penting sekali ialah mendapat perlindungan dari Allah SWT. Hendaknya dengan lulusnya hari ini yang Berhormat Tuan Speaker Kedah akan menjadi *baldatun tayyibatun warabun wafur*, seperti mana kita petik daripada surah sobat ayat 15.

Yang Berhormat Tuan Speaker izinkan saya untuk membaca di sini.

Bismillahirrahmanirrahim.

لَقَدْ كَانَ لِسِيَّ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِنْ رِزْقِ رَبِّكُمْ
وَاشْكُرُوا لَهُ، بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ

Insyallah dengangan lulusnya apa yang kita telah bahaskan dua hari ini akan memberi kebaikan kepada semua khususnya bagi masyarakat dan penduduk negeri Kedah ini. Dengan itu saya menyokong Undang-undang-undang yang dibentangkan. Terima kasih.



YB. TUAN SPEAKER

Terima Kasih. Dipersilakan Anak Bukit.

YB. ENCIK RASHIDI BIN RAZAK

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Behormat Tuan Speaker, Yang Amat Behormat Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Jabatan. Dalam Perbahasan Enakmen Keterangan Menggantikan takrif Hakim iaitulah Hakim Syarie. Nama Hakim Syarie ini nama baru. Sebelum ni orang tak dengar. Kalau kita tengok di kampung-kampung tu dia pun tak panggil Hakim Syarie, depa panggil Tok Kadi. Betol tak YB. Bayu?

Hang pi mana ni? Pi pejabat agama, buat apa? Pi jumpa Tok Kadi. Tok Kadi hat tulah jatuh hukum, Tok Kadi tu lah menikah, Tok Kadi tu lah cerai. Ini bahasa, bahasa orang kampung. Dia tak panggil Hakim Syarie. Dia panggil Tok Kadi. Ada satu lagi panggilan di sebelah Kubang Rotan nu.... Depa panggil Hakim Sya'yah. Mahkamah Sya'yah Beto tak YB. Kubang Rotan?

Jadi, bila kita buat keterangan enakmen untuk meminda istilah Hakim Syarie maka kita nak kena faham jugalah bahasa baku dan juga bahasa orang kampung. Tok Kadi dan juga Hakim Syariah. Kot mana pun kita kena ceritalah kepada peringkat di bawah tu bahawa ada pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Hat ni lah yang saya nak habaq.

YB. Tuan Speaker, dalam Dewan yang mulia ini saya menyokong penuh dan bersetuju dan mencadangkan suatu Pindaan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah 2024, diterima dalam Dewan yang mulia ini, Wallahualam. Terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih, Yang Behormat Anak Bukit. Silakan Bukit Selambau.



YB. USTAZ AZIZAN BIN HAMZAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Alhamdulillahirrahmanirrahim Salatul Salam Alay Sayyidina Muhammadin Ashraf Mursalin Waala Alahi Wasohbihi Ajmain. Yang Berhormat Speaker, Yang Amat Berhormat Adun Jeneri, Ahli – Ahli yang Berhormat, ketua-ketua jabatan seluruh yang saya hormati sekalian. Terima kasih kepada Speaker yang memberi peluang kepada saya menyertai perbahasan Rang Undang-Undang berkaitan Mahkamah Syariah yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Jeneri dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar dengan itizam bersungguh-sungguh untuk memurtabatkan keHakiman syariah di negeri yang kita cintai.

Saya percaya dengan adanya pembentangan dan perbahasan rang undang-undang ini jika dipersetujui akan menjadi enakmen yang terpakai dengan pindaan enakmen baru 2024. Saya yakin dan percaya dengan usaha menubuhkan mahkamah utama berarti kita akan mempunyai 4 tingkatan mahkamah sudah tentulah enakmen sudah ada yang tujuh ini perlu dipinda bagi mengangkat martabat mahkamah syariah. Mengikut undang-undang yang sah dan tidak ada lagi persoalan berkaitan cabaran kesahan penubuhan mahkamah utama yang mempunyai empat lapisan.

Yang Berhormat Speaker dan Ahli Mesyuarat. Saya ingin membahaskan berkaitan pindaan undang-undang keterangan Kedah 2014 yang dibincangkan dalam Rang Undang-Undang Keterangan 2024. Pindahan am seksyen 2 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2014 yang disebut enakmen ibu dalam enakmen ini dipinda dengan menggantikan perkataan Hakim di mana-mana jua terdapat perkataan Hakim syarie. Pindahan seksyen 3 enakmen ibu dipinda dalam seksyen 3.

(a) Dengan menggantikan ta'rif Hakim ta'rif yang berikut Hakim syarie mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah enakmen mahkamah syariah Kedah Darul Aman 2024.

(b) Menggantikan ta'rif mahkamah atau mahkamah syariah ta'rif yang berikut mahkamah syariah atau mahkamah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah enakmen Mahkamah Syariah Kedah Darul Aman 2024.

Ini berarti dengan pindaan ini, perkataan Hakim Syarie adalah lebih jelas digunakan dalam enakmen ini. Oleh yang demikian saya menyokong pindaan tersebut agar undang-undang yang sedia ada nanti lebih selari dengan tafsiran. Wallahualam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Izinkan saya mencelah sedikit ya. Mengenai dengan Enakmen ini terlihat Fasa 2 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pindaan am dengan menggantikan perkataan Hakim di mana-mana jua terdapat dalam enakmen nombor 18 obit 2014 Perkataan Hakim Syarie. Perkataan Hakim syarie seperti yang tertulis dalam pindaan ini memang tepat dan betul tetapi bila kita rujuk kepada Enakmen Mahkamah Syariah Mahkamah Syariah, saya rasa dari segi dari segi bahasa arab, kurang tepat. Kalau mahkamah kena sebut Mahkamah Syariah dan perkataan ini selalu dilaungkan oleh di diucapkan oleh semua pimpinan-pimpinan dan juga masyarakat, sama ada dalam majlis rasmi atau tidak, dengan merujuk kepada mahkamah syariah.

Mahkamah syariah berarti Mahkamah Undang-Undang. Kalau kita kata fakulti syariah, itu betul. Tapi kalau mahkamah, kena mahkamah syariah. Jadi, akan timbul implikasi dalam perbahasan dalam mahkamah dari segi ejaan. Jadi, sebab itu saya rasa setepatnya bila perkataan mahkamah sebutlah mahkamah syariah. Sekian, terima kasih.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Assalamualaikum. Boleh tambah sikit tak?

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih yang Berhormat Speaker Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah. Tuan-tuan dan puan – puan yang dirahmati Allah swt.



Saya menyokong sepenuhnya cuma ada satu benda saya nak add sikit apa yang disebut oleh YB Belantek tadi. Kita perlu memahami *bal datun tayyib batun warrabun ghafur*. Dia ada empat syarat tuan – tuan. Saya mengharapkan insyaAllah kepimpinan Yang Amat Berhormat dapat melaksanakan akan wujudlah Kedah sejahtera nikmat untuk semua.

Dia ada empat kriteria *bal datun tayyib batun*.

Yang pertamanya ialah kemakmuran. Kemakmuran yang dinikmati oleh seluruh rakyat. Ini yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat. *Regardless of races* dengan izin. Cina ke india kita bagi semua. Tabung Tunku Mahmud kita bagi semua. Kita tak mahu kekayaan itu hanya dibolot oleh sekelompok golongan itu tak betul. Nak mewujudkan *bal datun tayyib batun, fair distribution of countries' wealth*. Dengan izin.

Yang kedua, adil. Sebab itu negara kita, malaysia bukan negara yang adil. Sebagai contoh tadi, sampai tak boleh masuk sekolah. Saya pun pi. Nak bagi duit bubur Syura ja. Kebetulan, yang mai pun kawan saya juga. Dia tanya guru besar. Ini siapa yang bagi izinannya? Ini zolim. Dalam islam kalau nak mewujudkan Madani masyarakat yang bertamadun ini tak tamadun macam Prof sebut tadi apa? *Rule Of Jungle* lebih kurang.

Dia mesti kembali kepada firman Allah

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلّٰهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
شِقَاقُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ
خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

Surah Al-Ma'idah. Surah Kelima. Di Pertengahan Ayat Ke-8.

“Dan janganlah kerana kebencian kamu terhadap satu kaum sehingga kamu tidak berlaku adil. Berlaku adillah. Karena adil itu hampir pada taqwa.”

Amat malang. Nak bagi duit bubur syura pon tak bagi. Saya pun susah hati juga takut guru besar tu kena tukar. Kita duk text kat dia. “*are you safe now?*” Dia terselamat dunia akhirat. Kalau saya tak ambil bahagian, ceroi lah yang dah mai dua hari ni. Yang ni kena bagi kat saya. Saya nak cakap bab agama insyaAllah. Saya tak alim. Tapi kita dah dalil. Tuan - tuan boleh rujuk dengan kitab.



Jadi, yang kedua ni adil. sebab tu tadi prof tadi sebut. “PM you should be fair to all of us”. Jangan pilih bulu. Kita orang islam. Macam mana orang non-islam nak *have respect* kalau kita asyik menzalimi.

Yang ketiga aman percayalah dengan undang-undang mahkamah syariah enakmen – enakmen yang kita luluskan. Bila keamanan wujud baru wujud *bal datun tayyib batun*.

Yang keempat ini yang penting. Malangnya saya duduk prepare kat rumah ni. Wajib kena cakap. Kalau MB nak marah pun, marah pi lah. *Amar Ma'ruf Dan Nahi Mungkar*. Ma'ruf ni segala amalan yang dapat mendekatkan kita kepada Allah, itu dinamakan ma'ruf.

Mungkar apa jua aktiviti yang menyebabkan kita jauh daripada Allah. Itu mungkar. Bagaimana judi? Malangnya judi yang telah kita haramkan selama setahun, lapan bulan Ada golongan yang cuba nak menghidupkannya kembali. Saya tanya seorang ustazah mengaji pandai. Tuan-tuan kena faham judi ini sebab inilah dia selaras sama level macam syirik menyembah berhala. Ini kena buka kitab besar sikit.

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ وَالْاَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاجْتَنِبُوْهُ
لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُوْنَ

Surah Kelima, Al-Ma'idah, Ayat 90.

“Wahai orang-orang beriman, sesungguhnya, arak, judi, sembah berhala. Dan tenung nasib adalah najis. Amalan syaitan.”

Allah tak sebut haram ustaz. Ustaz mengaji tinggi pada saya. *Fajr tanibu*. Boleh tanya ustaz. Dato Najmi lah. Ustazah tu hurai. Ini lebih teruk daripada segala-galanya. Termasuk judi itu level syirik pada Allah. Sebab itu dia suruh kita hindari. *Lalakum tufli'un*. Mudah-mudahan kamu tergolong di dalam golongan orang lain beruntung.

Jadi amat malang. Takkan wujud minta maaf. Selagi mungkar tidak dibenteras. Tak habis lagi. Seminit sikit. Satgi nak balik dah. Saya nak bagi faham kepada semua yang ada. Kebanyakan orang Islam. Kenapa kita perlu benteras kemungkaran?
Baca Quran. Surah Al-Ma'idah. Surah kelima. Ayat 78, 79. Apa yang berlaku kepada Bani Israel. Kenapa? Mereka dilaknat oleh Allah.



لُعِنَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ عَلَى لِسَانِ دَاوُدَ وَعِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ
ذَلِكَ بِمَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٧٨﴾

كَانُوا لَا يَتَنَاهَوْنَ عَنْ مُنْكَرٍ فَعَلُوهُ لَبِئْسَ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧٩﴾

Alasan yang disebut dalam Quran “mereka tidak mencegah kemungkaran yang berlaku di kalangan mereka” ha ini lah bila penceramah jadi wakil rakyat. tang mana pun dia nak ceramah.

YB. TUAN SPEAKER

Panjang lagi YB.?

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Tapi kita cakap kita ada sandaran Quran dan hadith.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Nak mencelah sikit.

YB. TUAN SPEAKER

Sidam nak mencelah.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Baik terima kasih Tuan Speaker. Daripada ungkapan daripada Ustaz Pantai Merdeka tadi Yang Berhormat ada menyebut perkataan sembah berhala. Jadi saya rasa dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa ungkapan itu kurang sesuai. Seolah-olah menghina, ada bentuk usul-usul menghina. Saya mohon kalau boleh YB Pantai Merdeka tarik balik Terima kasih.

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Saya tak boleh tarik balik sebab dia ajaran Islam. Dia kalau menghina dalam Quran



وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ

Surah ke 6. Al-An'am. Ayat 108.

Yang kita tak boleh ni ialah kita menghina apa yang mereka sembah. Kita mencerca. Ini kita baca ayat, kita beritahu. Dalam islam ada empat perkara. Yang memang perkara ini amat besar. Dia punya mudarat dan dosanya. Itu YB Sidam kena faham. Saya tak menghina agama YB. Jadi saya tak perlu tarik balik. Tak puas hati jom kita jumpa Pantai Merdeka.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Ada sikit lagi. YB Pantai Merdeka. Saya rasa lah kalau YB ingin menyebut hal-hal sedemikian, saya rasa dalam ceramah ataupun di luar daripada dewan, saya rasa lebih sesuai tapi ini dalam Dewan Yang Mulia mempunyai macam-macam pegangan dan juga kami pun punya perasaan yang rasanya terguris. Itu saja Tuan Speaker. Terima kasih

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Baik saya tegaskan sini YB Bau. Saya tidak menghina agama awak. Ada saya sebut berhala tak ada saya cuma sebut apa yang disebut *in the holy quran*. Ada empat amalan ini tidak baik. Itu *this is our faith*. Saya bukan hina agama awak. Baik, jadi seterusnya, amar, makruh dan nahi mungkar perlu berjalan serentak, jadi amat malang lah, kalau perkara yang baik, yang kita pasti, especially judi, *gambling*. Boleh sebut,

YB. TUAN SPEAKER

Panjang lagi YB?

YB. USTAZ SHARIR BIN LONG

Sikit-sikit lagi. Nk habis dah. Lagi lama, lagi panas pulak. Bau Wong tak nak kawan dengan saya pulak sedikit. Bukan jauh pun sidam dengan pantai merdeka. Jadi kita nk simplify, nak permudahkan, ringkaskan. Jadi amar maaruf dan nahi mungkar perlu wajib berjalan simultaneously, berjalan serentak. Sekadar seorang buat baik tapi membiarkan kemungkaran kita mengundang bala Allah. Kita orang islam. Saya baca tadi kenapa yahudi dilaknat oleh allah kerana mereka membiarkan kemungkaran.



Jadi saya amat mengharapkan insyaAllah dengan undang-undang atau enakmen yang diluluskan akan wujudlah. Insyaallah. Kita akan terus berusaha sebagai yang MB sebut kita akan pertahankan mana Kedah sifar judi.

Jadi minta maaf YB Sidam atau tiga-tiga empat dah sekali dengan Wong. Tak ada niat untuk menghina agama kamu. Ini saya hanya petikan daripada Quran saja sekian terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Terima kasih Yang Berhormat Pantai Merdeka.

YB. TUAN SPEAKER

Sekarang dipersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung rang undang-undang tersebut.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker. Daripada perbahasan daripada yang berlaku kelmarin, sampailah harini. Pindaan ataupun Rang Undang – Undang yang telah kita bentangkan, akan berlaku perubahan pindaan – pindaan. Contohnya pada hari ini untuk Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syara'iyah. Yang Berhormat Dato Najmi noh. Pindaan 2024 untuk menyelaraskan tafsiran-tafsiran tertentu agar tidak bertentangan dan selari dengan undang-undang yang sedia ada yang telah pun kita luluskan kemarin. Dan tafsiran melibatkan perkataan Hakim dan juga perkataan mahkamah.

Dan saya rakamkan ucapan terima kasih atas penglibatan Adun – Adun daripada Belantek, daripada Anak Bukit, Bukit Selambau, Pantai Merdeka, juga Kupang, juga celahan daripada Sidam. Perbahasan untuk kali ini, Rang Undang – Undang ini. Dan banyak yang dibentangkan oleh perbahasan itu menyentuh tentang keunggulan Kehakiman Islam. Undang – Undang Syariah Islam yang boleh memberikan keharmonian kepada seluruh manusia. Dan saya juga nak mengambil kesempatan lah sebab ada juga dimaklumkan oleh Kulim. Ada yang bila kita bahas, kelmarin kita ada buat pindaan kelmarin *trigger* kepada Masyarakat bukan Islam tentang pindaan-pindaan yang telah pun kita buat.

Sebenarnya dalam undang-undang syariah yang telah pun ada harini pun ini bukan benda yang baru kita buat. Mahkamah kepada 4 lapis ni telah pun dibuat di negeri Perak. Nak masukkan mahkamah dalam Undang – Undang Tubuh Kerajaan Negeri telah pun dilaksanakan oleh Terengganu.



Dia masyarakat bukan Islam tak perlu rasa terancam dengan apa yang telah dibahaskan. Dalam dalam semua Undang – Undang Syariah ini, sebenarnya ia tidak melibatkan, hanya melibatkan orang Islam sahaja. Tak melibatkan masyarakat yang belum Islam. Ini saya rasa perlu, diberikan kefahaman supaya kita semua sedar batas – batas yang telah pun sedia ada.

Dan untuk makluman Sidam, yang disebut oleh Pantai Merdeka tadi, itu adalah tegahan Allah SWT kepada orang yang beriman. Yang dibacakan maksud daripada ayat Quran, yang telah pun disebutkan tadi. Jadi larangan kepada kami orang – orang Islam. Supaya tidak melakukan perkara – perkara yang sedemikian.

Jadi, saya rasa setakat itu penjelasan. Terima kasih kepada semua. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. TUAN SPEAKER

Walaikummusalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Satu Enakmen untuk meminda Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2024”.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 3

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak’.

(Dipersetujui)



YB. TUAN Pengerusi

Fasal 3 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2024”.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.



YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

IV. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN ORANG-ORANG BESAR NEGERI KEDAH DARUL AMAN (KEISTIMEWAAN DAN KEMUDAHAN) 2024

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan Dan Kemudahan) 2024.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan Dan Kemudahan) 2024, dibacakan bagi kali yang pertama.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut, sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 8 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai keistimewaan dan kemudahan kepada Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman dan mengenai perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya".

YB. TUAN HJ. MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai keistimewaan dan kemudahan kepada Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman dan mengenai perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya".



Bacaan Kali Kedua.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan Rang Undang-Undang tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Kedua di dalam Persidangan Dewan ini juga.

YB. TUAN SPEAKER

Silakan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Kedua dan dengan ini sukacita saya memberi sedikit penjelasan mengenai Rang undang-undang Enakmen Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan dan Kemudahan) 2024 seperti berikut :

Rang Undang-Undang Enakmen Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan dan Kemudahan) 2024 merupakan undang-undang baharu yang akan menggantikan Enakmen Dato' Bergelar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan dan Kemudahan) 1983 [*Enakmen 27/1983*].

Rang Undang-Undang ini telah memperuntukkan keistimewaan dan kemudahan bagi Orang-Orang Besar dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Selain itu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan iaitu berhubung pengurusan dan pentadbiran Orang-Orang Besar dan pindaan keistimewaan dan kemudahan yang sebelum ini telah diperuntukkan dalam Enakmen Dato' Bergelar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan dan Kemudahan) 1983 [*Enakmen 27/1983*].

Rang Undang-Undang ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang MahaMulia Tuanku Sultan Kedah dan mempunyai dua belas (12) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang berikut:



Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan ini.

Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan termasuk takrif “keistimewaan” sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Kedua.

Fasal 3 mengandungi Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk mengurniakan gelaran dan darjah kebesaran Negeri yang dikenali “Orang-Orang Besar” sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung tempoh pemakaian dan pembatalan Orang-Orang Besar yang mana tempoh itu adalah selama diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan gelaran tersebut boleh disambung atau dibatalkan.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan tugas-tugas Orang-Orang Besar iaitu antara lain mengiringi Sultan dan keluarga diraja dalam Malis istiadat Diraja dan membantu memantau istiadat pertabalan serta pengurusan infrastruktur.

Fasal 6 dan 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung pelantikan Ketua Istiadat dan Timbalan Ketua Istiadat.

Fasal 8 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung Pendaftar dan buku daftar bagi Orang-Orang Besar untuk mendaftar pelantikan dan simpanan rekod.

Fasal 9 bertujuan untuk memperuntukkan berhubung kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk meminda Jadual Kedua.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung sekatan kepada kelayakan keistimewaan dan kemudahan dalam Negeri Kedah sahaja melainkan dinyatakan sebaliknya.

Fasal 11 memperuntukkan berhubung pemansuhan Enakmen Dato’ Bergelar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan dan Kemudahan) 1983.

Fasal 12 memperkatakan tentang peruntukan kecualian.

Sekian, saya mohon mencadangkan terima kasih.



YB. TUAN HJ. MOHAMMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

(Tiada perbahasan)

YB. TUAN SPEAKER

Sekarang dipersilakan pihak Kerajaan untuk menggulung rang undang-undang tersebut.

(Tiada Penggulangan)

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi “Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai keistimewaan dan kemudahan kepada Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman dan mengenai perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan mengenai keistimewaan dan kemudahan kepada Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman dan mengenai perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya”.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 3

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 3 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 4

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 4 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 5

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 5 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN -

Fasal 6

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 6 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 7



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 7 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan

Fasal 8

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 8 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan

Fasal 9

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 9 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan

Fasal 10



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 10 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 10 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan

Fasal 11

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 11 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 11 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan

Fasal 12

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 12 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 12 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan

Jadual pertama



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Jadual Pertama menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Jadual Pertama ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Jadual kedua.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Jadual Kedua menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Jadual Kedua ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Jadual ketiga

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Jadual Ketiga menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Jadual Ketiga ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.



YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. TUAN HJ. MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga dan sekarang diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Orang-Orang Besar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan dan Kemudahan) 2024”. Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.

TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

V. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN KERABAT BERGELAR NEGERI KEDAH DARUL AMAN (KEISTIMEWAAN DAN KEMUDAHAN) 2024

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Kerabat Bergelar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan Dan Kemudahan) 2024.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-Undang Enakmen Kerabat Bergelar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan Dan Kemudahan) 2024. Bacaan Kali Pertama.



YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk membentangkan Rang Undang-Undang tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut, sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 08 Ogos 2024 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen untuk memberikan keistimewaan dan kemudahan kepada Kerabat Bergelar Negeri Kedah Darul Aman dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya".

YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen untuk memberikan keistimewaan dan kemudahan kepada Kerabat Bergelar Negeri Kedah Darul Aman dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya". **Bacaan Kali Kedua.**

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan Rang Undang-Undang tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Kedua di dalam Persidangan Dewan ini juga.



YB. TUAN SPEAKER

Silakan!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Kedua dan dengan ini sukacita saya memberi sedikit penjelasan mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Kerabat Bergelar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan dan Kemudahan) 2024 seperti berikut :-

Rang Undang-Undang Enakmen Kerabat Bergelar (Kedah Darul Aman) (Keistimewaan dan Kemudahan) 2024 merupakan undang-undang baharu yang dicadangkan untuk memperuntukkan keistimewaan dan kemudahan bagi Kerabat Bergelar dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-Undang ini telah memperuntukkan keistimewaan dan kemudahan bagi Kerabat Bergelar dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-Undang ini telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah dan mempunyai lapan (8) Fasal sebagaimana yang dinyatakan dalam huraian kepada Rang Undang-Undang yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, seperti yang berikut:

- (a) Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan ini.
- (b) Fasal 2 mengandungi takrif perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan termasuk takrif "keistimewaan" sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Kedua.
- (c) Fasal 3 mengandungi Kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan untuk mengurniakan gelaran dan darjah kebesaran Negeri yang dikenali sebagai "Kerabat Bergelar".
- (d) Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung tempoh pemakaian gelaran Kerabat Bergelar iaitu sepanjang hayat melainkan gelaran tersebut dibatalkan atau terhenti mengikut peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah atau undang-undang bertulis lain.
- (e) Fasal 5 memperuntukkan tugas-tugas Kerabat Bergelar yang bolehlah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dari semasa ke semasa.



- (f) Fasal 6 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung kuasa untuk meminda Jadual.
- (g) Fasal 7 bertujuan untuk mengadakan peruntukan berhubung sekatan kepada kelayakan keistimewaan dan kemudahan dalam Negeri Kedah sahaja melainkan dinyatakan selainnya.
- (h) Fasal 8 bertujuan untuk memperuntukkan berhubung kecualian.

Yang Berhormat Tuan Speaker dengan ini saya pohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini. Sekian terima kasih.

YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BT SAAD

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi "Suatu Enakmen untuk memberikan keistimewaan dan kemudahan kepada Kerabat Bergelar Negeri Kedah Darul Aman dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya".

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipersetujui)



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Suatu Enakmen untuk memberikan keistimewaan dan kemudahan kepada Kerabat Bergelar Negeri Kedah Darul Aman dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang bersampingan dan berkaitan dengannya”.

YB. TUAN SPEAKER

Dewan sekarang Bersidang sebagai Jawatankuasa

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 2

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 3



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 3 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan -

Fasal 4

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 4 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan -

Fasal 5

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli yang bersetuju Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 5 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan

Fasal 6



YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli yang bersetuju Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 6 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan

Fasal 7

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli yang bersetuju Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 7 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN Setiausaha Dewan -

Fasal 8

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Fasal 8 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Jadual pertama.

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Jadual Pertama menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Jadual Pertama ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Jadual kedua

YB. TUAN Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Jadual Kedua menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “Setuju” yang tidak kata “Tidak”.

(Dipersetujui)

YB. TUAN Pengerusi

Jadual Kedua ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dimaklumkan kepada Dewan.

YB. TUAN Pengerusi

Sekarang Dewan kembali kepada persidangannya.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbang oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi Kali Yang Ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BT SAAD

Yang Berhormat Tuan Speaker, Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang Ketiga dan sekarang diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

“Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Kerabat Bergelar Negeri Kedah Darul Aman (Keistimewaan dan Kemudahan) 2024”.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti tersebut. Bacaan Kali yang Ketiga.

YB. TUAN SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.

VI. USUL PEMBENTANGAN LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Pembentangan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Oleh Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah.

YB. TUAN SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman untuk membentangkan laporan tersebut.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya mencadangkan usul ini, terlebih dahulu saya ingin memberi sedikit penjelasan berkenaan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang ini. Jawatankuasa PAC telah menjalankan pemeriksaan laporan audit bagi tahun 2018 hingga 2021, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Siri 1,2 dan 3. Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, penemuan-penemuan, maklumbalas jabatan dan syor jawatankuasa telah dibukukan di dalam laporan yang telah diedarkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada keseluruhannya, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri Kedah Darul Aman berpuas hati kerana semua Ketua Jabatan hadir sendiri bersama-sama pegawai di bawahnya bagi memberi penjelasan kepada Jawatankuasa ini dan seterusnya memberi perhatian serius kepada teguran dan syor-syor Jawatankuasa supaya pentadbiran dan pengurusan kewangan Jabatan berjalan dengan sempurna dan teratur. Jabatan juga telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap teguran yang telah dibuat oleh pihak audit.

Isu-isu ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program telah berkurangan. Namun begitu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan.

Selain daripada itu, Ketua Jabatan juga telah menjawab surat pemerhatian Audit dalam tempoh yang ditetapkan. Ini memudahkan pihak Audit memantau tindakan yang diambil oleh Jabatan berkenaan terhadap teguran Audit. Kerjasama yang berterusan di antara Ketua Jabatan dan pihak Audit amatlah penting dalam usaha untuk meningkatkan lagi akauntabiliti dalam pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan Kerajaan. Jawatankuasa PAC mengharapkan agar komitmen yang berterusan diberikan oleh ketua jabatan dalam setiap sesi mesyuarat yang diadakan. Ianya adalah bagi memastikan setiap perbincangan yang dijalankan menerusi teguran audit dapat diambil tindakan yang sewajarnya dengan kadar segera.

Di samping itu, bagi memperkemaskan lagi maklumbalas terhadap hasil dapatan audit, jabatan atau agensi kerajaan perlu menjalankan tindakan susulan secara berkala bagi memastikan setiap isu dapat ditangani dengan lebih baik. Pegawai-pegawai perlu lebih proaktif menjalankan pemeriksaan secara holistik bagi mengenalpasti masalah atau kelemahan di dalam jabatan. Ianya adalah untuk mengelakkan berlakunya ketirisan di dalam sistem pentadbiran.



Selain itu, penelitian semula dan penambahbaikan terhadap prosedur operasi standard (SOP) perlu dilaksanakan. Ianya adalah bagi memastikan setiap SOP bertepatan dengan peraturan yang telah ditetapkan dan mewujudkan sistem tadbir urus yang lebih efektif.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih terhadap kepercayaan yang diberikan kepada saya dan ahli-ahli jawatankuasa kira-kira wang negeri untuk membuat pemeriksaan dan mengemukakan syor terhadap Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2008 hingga 2021.

YB. Dato' Speaker, jawatankuasa kira-kira wang negeri juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Audit Negeri Kedah Darul Aman, Ketua-Ketua Jabatan/agensi negeri serta pegawai-pegawai yang terlibat dalam memastikan kelancaran Pihak Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah dalam melaksanakan tugas.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi :-

“Bahawa Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman di atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008 - 2021, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Siri 1,2 & 3 seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bilangan 11 Tahun 2024 adalah dibentangkan.”

Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dengan ini saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi :-

“Bahawa Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Di atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008-2021, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan Agensi Negeri Kedah Siri 1,2 & 3 seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2024 adalah dibentangkan”.

Sekian, terima kasih.

YB. PUAN MARDHIYYAH BINTI JOHARI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan ini.



YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi :-

“Bahawa Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Di atas Laporan Ketua Aduit Negara Tahun 2008-2021, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan Agensi Negeri Kedah Siri 1,2 & 3 seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 11 Tahun 2024 adalah dibentangkan di Dewan ini”.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata ‘setuju’, yang tidak kata ‘tidak’.

(Dipersetujui)

YB. TUAN SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. TUAN SPEAKER

Tuan Setiausaha, urusan seterusnya

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan.

YB. TUAN SPEAKER

Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Menteri Besar.

YAB. DATO’ SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Tuan Speaker, sebelum saya melakukan Ucapan Penangguhan Dewan pada kali ini, seperti yang telah kita semua sedia maklum bahawa kita ada satu rancangan besar untuk membantu sektor pendidikan. Mengatasi masalah keciciran pelajar khususnya di Kedah. Berikutan itu, saya melalui peruntukan khas Menteri Besar 2021, telah memberi peruntukan di atas permohonan beberapa pensyarah menjalankan kajian yang dinamakan KOMPAS.



Kajian dan langkah – langkah mengatasi untuk mengesan lebih awal, pelajar – pelajar yang ada berkemungkinan tercicir kepada sistem pendidikan sekolah. Dengan demikian, kita luluskan satu tahun RM100,000.00 (satu ratus ribu ringgit) kepada kajian tersebut daripada UUM. Bukan ketua cawangan Pas, dak aih, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Saya nak perelaskan perkara ini. Kita bagi kepada orang yang tepat untuk buat kajian dan dia kena datang balik, kemukakan hasil kajian dia. Bagaimana untuk kita atasi masalah keciciran pelajar di Kedah kerana kita nak bagi jadi The Greater Kedah. Kita kena kesan awal masalah yang kita akan hadapi pada masa yang akan datang dan kesan itu mesti diubati pada masa ini. Kita harap atas sifat demokratik dan terbuka kita juga disambut oleh pihak sebelah sana dengan sikap terbuka dan demokratik.

Betul Ketua Pembangkang? Saya mengharapkan begitu di atas usaha yang kita buat. Tidak terlintas di hati kita semua, untuk berpolitik dalam sektor pendidikan. Tak ada. Kita nak semua orang dapat apa yang patut dia dapat. Kalau nak ikut lah, kalau nak ikut kelayakan, untuk bercakap tentang sektor pendidikan, kita ada ramai bekas guru di sini. Ada bekas Dekan, Profesor, ada bekas Vice Chansellor (VC). Naib Canselor UUM, Dekan di USM, ada bekas guru, Ayer Hitam, guru bahasa inggeris, 'teacher'! 'Good morning teacher'! Ada guru, ramai guru. YB. Tanjung Dawai, guru, YB. Bukit Lada, guru, YB. Bukit Pinang, Telekom, guru telekomunikasi, Kubang Rotan, ahli perniagaan yang berjaya dari seorang budak nakal.

Tengok Kubang Rotan, bagaimana dia berjaya, ada wisma di Kuala Lumpur. Wisma Salleh Saidin. Bagaimana dia berjaya, dia boleh ajar dalam sektor pendidikan. Bagaimana berjaya walaupun asalnya bawa traktor tapi muncul dalam ikon bidang keusahawan, tokoh korporat, teknokrat. Bekas tentera, pegawai tentera, engineer, seorang ibu yang penyayang. Boleh cakap dengan anak – anak kita. Kan? Bekas guru, guru pakar. Belah sana toksah duk cakap la, terer – terer semua. Pantai Merdeka, Bayu, Anak Bukit, ni peguam, Ayer Hangat. Semua orang dahsyat – dahsyat lah. Kalau nak cakap tentang sektor pendidikan.

Tapi kita tak kecil hati sangat bila kita tak dapat masuk sekolah. Walaupun kita tau kepentingannya. Yang dibenarkan masuk ke sekolah sekarang ini buat program parti. Ada lambang logo dilekatkan di sekolah. Yang suatu ketika dulu, mereka digelar pengacau dan penyamun.

Sekarang masuk di sekolah pasal apa? Dibenarkan Kementerian Pendidikan, dibenarkan oleh MARA. Pejam mata. Pasal politik, pasal depa dah jadi rakan. Hoi ya hoi berpakat dah. Maka jadilah mereka gu.



Kerajaan tidak demokratik, yang tidak menghormati profesion orang lain. Kita tidak berhasrat untuk berpolitik dalam sektor pendidikan Tuan Speaker. Kita nak sektor pendidikan bebas daripada elemen dan propaganda politik kepartian.

Dan saya nak rakamkan di Dewan yang mulia ini bahawa Dewan Undangan Negeri Kedah, bersidang pada 26 Ogos 2024 melahirkan rasa kecewa Kementerian Pendidikan. Menteri Pendidikan dan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Kedah yang telah melaksanakan agenda politik kepartian Kerajaan Persekutuan pada hari ini.

Kita tengok ada Pengarah Pendidikan jadi Pengerusi Parti Politik Madani dilantik. Kita tau Pengarah Pendidikan Negeri Kedah ni aktivis Parti Amanah Negara sebelum jadi pengarah. Kerana itu dia dinaikkan pangkat mungkin, naik pangkat jadi pengarah. Mungkin!

Saya tak pernah kecam mana – mana pegawai! Hari ini saja nak zahirkan kekecewaan di sini. Kalau nak main politik, jadi pegawai kerajaan letak jawatan, bertanding mai duduk di sini. Kita bertanding, kita berbahas di Dewan ini sebagai ahli politik. Gentleman!

Jangan guna kuasa di kementerian, di jabatan, laksanakan arahan politik. Jangan! Itu akan menghancurkan negara ini! Kita pun tak bersetuju kalau ada orang Bersatu ka, orang Pas, guna kedudukan di jabatan di kedudukan dia untuk agenda parti politik, kita pun tak setuju. Dan hampa pun jangan buat. Jangan buat!

Ramai kawan – kawan saya parti lain, duduk di pegawai tadbir negeri. Saya hormat semua orang. Atas perbezaan parti politik kita, kita bekerja dari pukul 8.00 sampai pukul 5.00 atas profesion kita. Lepas pukul 5.00, hang punya pasal hang nk pi mana. Jangan guna bawa agenda politik, arahan politik, kehendak politik masuk di jabatan. Sekat habis semua sehingga merugikan pelajar – pelajar di negeri yang kita cintai ini.

Saya biasa kena. Dijemput oleh alumni untuk kutip derma nak bantu sekolah. Nak bantu sekolah alumni jemput saya. Jemput saya ni ramai la sikit mai. Saya kan popular. Tak ada orang kata, kata saja la sendiri. Arahan keluar, “semua guru tak boleh hadir kerana Sanusi ada. Semua kakitangan sekolah tak boleh hadir majlis itu kerana Sanusi ada”.

Buat di luar sekolah, di hotel, nak kutip derma nak tolong depa. Depa tak bagi guru – guru hadir. Sikap apa macam ni? Tak untung langsung, merugikan. Saya baru beri RM10,000. Beri juga la RM10,000 Tuan Speaker. Kalau saya tau, saya bagi RM100,000. Tak betul sikap tu, tak boleh buat di negeri ini. Kalau nak buat, pi negeri lain. Di Kedah tak boleh dijalankan propaganda politik di jabatan. Tak boleh!



Yang tak betul saya katakan tak betul. Walaupun dia kawan saya, walaupun dia rakan saya, walaupun dia kenalan saya. Esok nak jumpa pula kut masjid ka, kut surau ka, rumah kenduri. Nak letak muka di mana? Tak boleh buat lagu tu. Dan saya harap rakaman ini didengar di seluruh negara. Dan perkara ini yang mungkin berpunca daripada sikap Menteri Pendidikan yang mengambil sikap untuk anti kepada parti lain hingga menjalankan agenda parti di sekolah.

Yang disebutkan oleh Jitra tadi, untuk diambil perhatian oleh Perdana Menteri. Saya sokong. Kena ambil sikap, kena ambil pendirian. Kita datang memegang amanah orang ramai untuk kembalikan amanah ini kepada orang ramai. Bukan kaut sebanyak mungkin keuntungan daripada sikap menindas berlaku tidak adil. Saya harap pengarah pendidikan boleh dinaikkan pangkat lepas ni. Jadi lah apa pun, keluar dari Kedah ini.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Boleh celah sikit kut?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Toksah celah la. Nak habis dah. Tak betui?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Sikit saja, sikit saja. Satu minit.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ini bukan perbincangan. Tak perlu.

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Celah saja.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ha, try la tengok. Tengok sedap ka dak. Tak sedap kita balun.



YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Terima kasih Tuan Speaker dan Yang Amat Behormat Jeneri. Saya rasa pengalaman daripada Jeneri tadi kita pun pernah melaluinya dan pernah merasainya. Ketika itu saya sebagai di Parlimen Sungai Petani lah, termasuk dengan pembantu DUN Gurun masa tu. Jadi, pengalaman ini pun pernah kami lalui semasa tempoh 33 bulan yang lalu. Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya harap Sidam boleh menyatakan terperinci pengalaman tersebut. Sekolah mana, bila, siapa yang larang supaya kita ambil tindakan. Kalau dia ada di sini, kita bagi dia cukup – cukup. Ataupun orang yang sama buat kerja tu kan noh? Tak boleh. Tak betul walaupun dia kawan saya. Dia tak betul, saya kena kata tak betul walaupun dia rakan kita. Betul Sidam? Boleh? Setuju dengan saya? Tak betul memang tak betul. Saya harap pengalaman tu tak berlaku lagi. Ini tahun 2024 cek oi! Bukan tahun 70-an. Ni politik. Ha! Ugut guru – guru nak tukar sana, nak tukar sini. Tu 60-an 70-an boleh la. Ni tahun 2024. La ni orang pakai AI. Ha! Hampa duk pakai apa ni? Orang tau sikap ni tak baik, sikap tak betul. Kalau Menteri Pendidikan rasa dia pandai, terpalang pandai, terpalang bijak dalam sektor pendidikan, cuba tengok muka kami semua ni. Rasa pangkat dia dulu Jitra lagi besar, Bandar Baharu lagi besar, lebih jauh terkehadapan dalam sektor pendidikan. Kalau nak ikut terpalang pandai, kalau rasa dia terpalang pandai, jangan kata orang lain bodoh.

Ha, untuk Menteri Pendidikan. Siapa – siapa pun lah, jangan buat sikap tu. Kita nak bantu sektor pendidikan. Saya harap perbentangan KOMPAS yang akan dibuat oleh pensyarah–pensyarah UUM yang kita peruntukkan ini melibatkan guru–guru dan sekolah – sekolah Negeri Kedah dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan. Jangan buat larangan. Jangan call. Walaupun saya tau tak dak surat, dia call sahaja ataupun arahan lisan. Jangan buat arahan lisan, jangan buat panggilan telefon untuk melarang pegawai ini. Mai kita buat kerjasama yang betul untuk kebaikan negeri ini. Sidam setuju dengan saya?

YB. ENCIK BAU WONG A/L BAU EK

Ha.. kita cuba nak setuju la.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Nak kata pembangkang ni pun keras perut. Saya cakap benda betul keras perut betul. Madanon sungguh.



VII. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

(Selepas semua urusan mesyuarat dijalankan bagi persidangan kali ini)

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Persidangan Dewan pada kali ini telah pun selesai dibincangkan, maka saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak. Sekian, Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI AISHAH BT HJ. GHAZALI

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TUAN SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Kerjasama yang begini diharap dapat diteruskan dengan baik lagi di masa-masa yang akan datang.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kali ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Dewan ditangguhkan pada jam 12.15 tengahari]